



**LAPORAN PENYATA RASMI  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 7**

**Khamis**

**10 September 2020**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL:**

Usul Menjunjung Kasih

Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

- [YB Senator Datuk Razali bin Idris]

(Halaman 32)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**

**Khamis, 10 September 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta Menteri Kewangan menyatakan, berhubung dengan cadangan Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan lesen bank digital bagi urusan perbankan konvensional dan secara Islam, jelaskan status semasa dan bagaimanakah kementerian akan mengawal selia perbankan digital ini.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahr bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee untuk makluman Yang Berhormat, tempoh rundingan draf dedahan rangka kerja pelesenan bank digital telah tamat pada 30 Jun 2020. Bank Negara Malaysia telah menerima hampir 50 maklum balas dan kini sedang mengkaji semua maklum balas yang diterima sebelum memuktamadkan dokumen Dasar Pelesenan Bank Digital dan membuka permohonan bagi lesen tersebut.

Bank Negara Malaysia mengambil pendekatan yang seimbang bagi membolehkan kemasukan bank digital dengan tawaran nilai, dengan izin, *value propositions* yang kukuh dan berkeupayaan untuk memelihara integriti dan kestabilan sistem kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui pendekatan ini Bank Negara Malaysia menetapkan had ke atas aset kumulatif yang boleh dijana oleh bank digital agar tidak melebihi RM2 bilion dalam tempoh tiga hingga lima tahun awal operasi.

Fasa asas ini bertujuan untuk bank digital menunjukkan daya maju dan kekukuhan operasi mereka manakala di pihak Bank Negara Malaysia tempoh tersebut adalah bagi memantau prestasi dan sebarang risiko yang mungkin timbul. Tuan Yang di-Pertua, bank digital perlu mematuhi keperluan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] termasuk keperluan berkaitan standard perkhidmatan, pengendalian perniagaan dan perlindungan pengguna serta pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Sepanjang tempoh asas ini yang dinyatakan di atas Yang Berhormat, bank digital berlesen juga tertakluk kepada keperluan pengawalseliaan yang lebih mudah berbanding dengan institusi perbankan sedia ada berkaitan dengan kecukupan modal, mudah tunai, ujian tekanan dan keperluan penzahiran awam. Ini bersesuaian Yang Berhormat dengan objektif untuk menggalakkan pertumbuhan dan inovasi oleh bank-bank digital terutamanya dalam usaha meningkatkan akses kewangan kepada segmen yang kurang atau tidak mendapat perkhidmatan kewangan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah syarat yang diambil oleh kerajaan untuk mengeluarkan lesen digital bank tersebut dan adakah keluarkan lesen digital bank tersebut akan menjejaskan bank sedia ada.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, dua persoalan yang dibangkitkan Yang Berhormat yang pertama adakah dengan- soalan yang kedua adalah berkaitan bank digital akan menjejaskan institusi perbankan sedia ada. Itu sebab Yang Berhormat segala maklum balas yang kita dapat bukan- daripada 50 maklum balas yang kita terima, daripada institusi perbankan, pengeluar wang elektronik, syarikat pengiriman wang, firma, penasihat dan pihak-pihak yang berminat. Segala maklum balas ini yang kita teliti seperti mana pandangan Yang Berhormat tadi adakah bank digital ini akan menjejaskan perkara ini sedang kita perhalusi.

Akan tetapi kita bagi jaminan kepada Yang Berhormat segala inovasi yang kita buat tidak akan menjejaskan industri kewangan negara. Keduanya, apakah syarat-syarat yang dibenarkan atau ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ia mesti mematuhi akta yang saya sebutkan tadi, Akta 758, dan Akta 759. Sekiranya mereka memenuhi segala akta-akta ini *insya-Allah* tidak ada masalah dari segi permohonan tetapi kita juga kena seimbangkan antara inovasi dan keperluan kewangan negara. Terima kasih.

**2. Tuan Robert Lau Hui Yew** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, berapa buah rumah mampu milik yang dicadangkan untuk Sarawak bagi tahun 2021, 2022 dan 2023.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam satu negara Malaysia. Selamat Hari Kebangsaan, Malaysia prihatin. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Robert.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) perancangan pembinaan rumah mampu milik RMM di negeri Sarawak bagi tahun 2021 hingga 2023 adalah melalui Program Perumahan seperti berikut:

- (i) lima jenis Rumah Mampu Milik yang dikendalikan oleh KPKT atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- (ii) Program Perumahan Rakyat (PPR) sejumlah 750 unit;
- (iii) Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) 558 unit;
- (iv) Perumahan PR1MA 702 unit;
- (v) Program Perumahan SPNB 1,569 unit; dan
- (vi) Program Rumah Transit.

Ini tidak terdapat di Sarawak dan semua sekali ialah 3,549 unit. Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaksanaan perumahan-perumahan rakyat (PPR) di Sarawak sehingga 30 Julai 2020 sebanyak lapan projek 4,140 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) telah siap dibina di negeri Sarawak. Manakala tiga projek PPR sedang dalam pembinaan iaitu PPR Putrajaya 208 unit, PPR Landeh 443 unit, PPR Seduan 461 unit. Perancangan projek PPR baru tahun 2021 di negeri Sarawak seperti mana yang saya sebutkan tadi.

■1010

Manakala Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di Sarawak, terdapat tujuh projek iaitu Sibujaya sebanyak 793 unit seperti di Muara Tuang, Miri; Kota Samarahan, Sibujaya; Tabuan Jaya, Matang; dan juga Jalan Pujut, Miri. Sementara perumahan mampu milik swasta di negeri Sarawak setakat ini belum ada.

Bagi pelaksanaan perumahan PR1MA di negeri Sarawak, terdapat satu projek PR1MA sedang dalam perancangan yang dicadangkan di Sarawak bagi tahun 2021 iaitu Residensi Semenggoh fasa dua dengan jumlah sebanyak 702 unit. PR1MA masih lagi di dalam peringkat perancangan awal untuk pembinaan di Sarawak bagi tahun 2022 dan tahun-tahun berikutnya.

Turut disertakan status terkini bagi projek-projek PR1MA sedia ada di Sarawak seperti berikut, Tuan Yang di-Pertua- Petra Jaya sebanyak 912 unit telah siap; Bandar Kuching dan Sibujaya, 320 telah pun siap; Mambong fasa satu, 558 dalam pembinaan 92 peratus...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, dimohon di bawah soalan itu untuk Sarawak.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Ya, Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Putrajaya ya, atau Petra Jaya?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** *No, no.* 'Putrajaya', Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Petra Jaya.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Petra Jaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Putrajaya.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sementara statistik pelaksanaan program perumahan SPNB di Sarawak, SPNB merancang untuk melaksanakan 497 unit pada tahun 2021, sebanyak 493 unit pada tahun 2022 dan 629 unit pada tahun 2023. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Robert Lau Hui Yew:** Soalan tambahan. Ramai penduduk di kawasan pedalaman telah berpindah ke kawasan di bandar mencari kerja dan ramai dari golongan ini berpendapatan rendah. Di Sibu, golongan ini sekarang menyewa rumah atau bilik di kawasan Kumboh sebab kurangnya rumah *affordable* dekat dengan bandar atau di bandar.

Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk membina lebih banyak rumah mampu milik di kawasan bandar? Ada satu projek PRI1MA di Sibu yang ditangguhkan oleh kerajaan lepas. Adakah kerajaan akan mengambil balik lagi projek ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas keprihatinan keperluan perumahan untuk penduduk di Sibu khususnya.

Seperti mana yang saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 3,549 projek PPR ini tengah kita rancang dan akan kita laksanakan. Ini tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan peruntukan daripada agensi pusat dan kita sedang berusaha sekarang. *Insyallah*, Yang Berhormat, kita akan bantu.

Manakala ada projek yang pernah dicadangkan di Sibu ini iaitu sejumlah 1,906 unit telah dipersetujui pada awalnya tetapi kemudian kerajaan terdahulu telah menangguhkan pelaksanaan projek ini kerana projek ini pencapaiannya kurang daripada 15 peratus. Ini kerana dasar dahulu bila 15 peratus ke bawah, maka tidak sambung projek ini. Namun demikian, atas keprihatinan kerajaan baharu ini, kita telah membawa semula untuk kita bincangkan bersama kerajaan negeri bagi kita menghidupkan semula ataupun melaksanakan projek sejumlah 1,096 unit. Terima kasih Yang Berhormat.

**3. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, jumlah saman AES/AWAS yang direkodkan sejak 2018 sehingga Disember 2019 dan berapakah jumlah kompaun yang telah dikutip sehingga kini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Prof. atas soalan yang diberikan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Jemaah Menteri dalam mesyuarat bertarikh 17 Ogos 2018 telah bersetuju supaya Kementerian Pengangkutan Malaysia dan

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia mengambil alih semua operasi kamera AWAS mulai 1 September 2018. Pengambilalihan ini meliputi aspek pengoperasian, pembangunan, penyelenggaraan dan penguatkuasaan sistem AWAS.

Jumlah saman AES, ataupun AWAS sekarang, yang direkodkan bermula 1 September 2018 hingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak 169,315 saman dan jumlah kompaun yang telah dikutip sehingga kini adalah sebanyak RM6,912,300. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya. Kita telah mengimplementasikan sistem ini. Saya hendak tahu, apakah dengan implementasi sistem ini telah berjaya kita mengurangkan jumlah *accident*? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebagai latar belakang, operasi AES ini awalnya, dan selepas itu AWAS, sejak ia bermula pada tahun 2012 sehinggalah diambil alih masa itu oleh swasta dan diambil alih oleh kerajaan melalui JPJ pada tahun 2018, sebenarnya sudah dikumpulkan ya, jumlah saman dan sebagainya sudah melebihi 300 ribu, daripada dulu hingga sekarang.

Jadi apa yang didapati ialah daripada rekod yang kami ada- tetapi secara spesifik, ia memang memberi kesan. Oleh sebab itu ia diteruskan dalam apabila kerajaan mengambil alih pada tahun 2018, ia diteruskan malahan akan ditambah lagi kameranya, tetapi ada terlambat sedikit bila ia diambil iaitu pemantauan. Minta maaf, ini ada jawapan yang lebih spesifik, Yang Berhormat Senator.

Pemantauan had laju dipasang kamera adalah melebihi 95 peratus berdasarkan kajian MIROS. Kawasan di lokasi persimpangan lalu lintas dan juga jalan raya dapat menunjukkan dan mengurangkan risiko kemalangan ini. Saya ulangi tadi, berdasarkan MIROS, ia mendapati kajian ini 95 peratus telah pun dapat mengurangkan jumlah risiko kemalangan di kawasan-kawasan yang dipasang kamera ini. *Insya-Allah*, untuk jawapan yang lebih terperinci, detilnya akan saya berikan secara bertulis, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, mohon soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**4. Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, adakah kerajaan akan melaksanakan dasar kerajaan terdahulu bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan individu untuk melaksanakan projek-projek inovasi yang praktikal dan berpotensi menyelesaikan masalah elektrik dan air bersih dalam masa yang singkat tanpa melibatkan perbelanjaan yang tinggi oleh kerajaan?

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Dato' Henry Sum Agong]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan yang diajukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan projek pembekalan elektrik di luar bandar, keutamaan yang diberikan adalah kemampuan sistem tersebut untuk memberikan bekalan elektrik 24 jam yang stabil dengan pembekalan sekurang-kurangnya 8 kW sehari terutamanya jika penggunaan tersebut dicas. Dalam pelaksanaan semasa bagi sistem alternatif yang memberikan pembekalan seperti di atas, sistem tersebut adalah kompleks dan perlu diurus oleh pihak yang berkeelayakan.

Sehubungan itu, projek-projek alternatif yang telah siap akan diserahkan kepada pihak berkuasa elektrik negeri (PBEN) untuk dioperasi dan disenggarakan. Pihak kementerian juga perlu mengikut standard operasi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa air dan elektrik negeri yang bertindak sebagai agensi kawal selia di peringkat negeri. Walau bagaimanapun, terdapat juga sistem pembekalan yang minimum iaitu sekurang-kurangnya 3 kW sehari yang dilaksanakan dan tiada caj dikenakan. Pengoperasian dan penyenggaraan adalah dilaksanakan oleh komuniti kampung tersebut. Sekian, terima kasih.

**■1020**

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat atas jawapan tersebut. Soalan tambahan saya adalah seperti begini, di kawasan-kawasan pedalaman, terutamanya kawasan perkampungan Orang Asli dan sebagainya, sangat jauh dan kadang-kadang tidak praktikal untuk memberikan bekalan elektrik dan air. Jadi, sama ada adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk, dengan izin, *engage* syarikat-syarikat swasta dan yang berinovasi ini untuk memberikan kemudahan bekalan elektrik dan air yang berbentuk inovatif di kawasan-kawasan ini supaya isu mereka yang tiada bekalan elektrik dan air dapat diselesaikan dalam masa singkat? Terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi, pihak kementerian terpaksa mengikut SOP yang ditetapkan oleh pihak kerajaan iaitu setakat ini tidak membenarkan pihak-pihak lain seperti NGO dan individu untuk melaksanakan projek-projek walaupun di tempat-tempat di luar bandar. Malahan, terpaksa mengikut standard yang ditetapkan iaitu melalui pihak-pihak yang berwibawa. Sekian, terima kasih.

**5. Datuk Haji Ismail bin Ibrahim** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, bagaimana Jabatan Kebajikan Masyarakat mengkaji semula dasar bantuan kepada golongan OKU dan miskin sejajar dengan pengumuman Kerajaan Malaysia menaikkan had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) kepada RM2,208 berbanding RM980 pada Julai 2020.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyambut baik penetapan kadar baru PGK Nasional sebanyak RM2,208 sebulan bagi setiap isi rumah.

Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) memaklumkan bahawa PGK 2019 ini akan diguna pakai dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk tahun 2021 hingga 2025. Semua kementerian, termasuk juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diberi masa lima bulan untuk mengkaji semula dasar berkaitan dengan peranan dan fungsi kementerian. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama jabatan dan agensi di bawahnya, terutama JKM sedang meneliti secara terperinci dasar dan program yang sedia ada yang mempunyai hubung kait dengan kadar PGK dan bersedia membuat penambahbaikan sejajar dengan peningkatan PGK Nasional ini.

Cadangan dan keperluan penambahbaikan yang dirangka akan diangkat dan dibincangkan segera dengan kementerian dan agensi berkaitan demi kebaikan kumpulan sasar di bawah kementerian dan jabatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, sila.

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan. Sejauh manakah prinsip bantuan tunai melalui teras negara berkebakikan dapat di perkasa dengan implikasi bajet yang besar, lebih-lebih lagi dalam cabaran kerajaan mengurus selia pendapatan negara? Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita memahami cabaran yang besar yang dihadapi, terutama dengan cadangan penaikan garis PGK ini. Sehingga ini, kita menjangkakan apabila dinaikkan PGK ini, kita akan menanggung kos tiga kali ganda lebih besar. Sebelum ini, kita telah membelanjakan RM1.5 bilion setahun untuk lebih kurang 500 ribu kumpulan sasar kita yang menerima bantuan. Sekiranya kita mengguna pakai PGK yang baru, kita akan meningkatkan kos lebih daripada RM7 bilion. Ini merupakan satu cabaran besar dan sebab itulah, kita meneliti setiap sudut untuk memastikan perkara ini dapat memberi kebaikan kepada semua pihak.

**6. Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah tindakan yang diambil untuk membantu pesakit-pesakit khususnya dalam kategori B40, yang menghadapi masalah kesihatan kronik seperti kanser, diabetes dan lain-lain di mana mereka harus menampung kos pembelian dan perubatan secara sendiri.

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** *[Membaca sepotong doa]* Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan penjagaan kesihatan rakyat Malaysia dengan mengenakan kadar caj perubatan yang berpatutan. Bagi warganegara yang mendapatkan kemudahan perubatan di *facility* Kementerian Kesihatan Malaysia, akan dikenakan caj perubatan berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.

Kerajaan pada masa ini dianggarkan menanggung subsidi rawatan perubatan sebanyak 98 peratus bagi warganegara yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di *facility* kerajaan. Bagi pesakit warganegara yang kurang berkemampuan untuk membayar bil perubatan iaitu mereka yang terdiri daripada golongan B40, mekanisme permohonan bagi pengecualian dan pengurangan caj pesakit luar dan pesakit kelas tiga sudah sedia ada bagi memastikan mereka mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang diperlukan.

Kerajaan juga sudah menyediakan bantuan perubatan kepada golongan kurang berkemampuan seperti Tabung Bantuan Perubatan (TBP), dengan izin, rawatan hemodialisis dan suntikan *erythropoietin* di pusat dialisis yang dikendalikan oleh badan-badan bukan kerajaan yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga rawatan jantung di Institut Jantung Negara.

Selain itu, kerajaan turut menyediakan Skim Peduli Kesihatan untuk golongan B40 PeKa B40 yang bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan untuk golongan berpendapatan rendah dengan memberi fokus terhadap penyakit tidak berjangkit. Sekian, terima kasih.

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan tadi. Soalan tambahan saya adalah, adakah kementerian berhasrat untuk memberikan perkhidmatan perubatan percuma atau skim insurans percuma secara automatik kepada warga B40? Oleh sebab baru-baru ini, biarpun dialisis atau tempat-tempat lain, mereka masih di caj dengan anggaran RM100 lebih untuk setiap kali perubatan dialisis. So, tolong jawab. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan sekarang ini memang memberikan bantuan-bantuan khusus, terutamanya dari segi umpamanya PeKa B40. Ini khusus kepada golongan B40, di mana manfaat satu, saringan dan seterusnya, bantuan alat perubatan, bantuan insentif untuk penyakit kanser dan juga bantuan insentif untuk tambang. Ini mengurangkan bebanan kumpulan B40.

Kalau kita kata tentang dialisis tadi, memang kerajaan telah memberikan, terutamanya mereka yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan, badan-badan NGO yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan. Maka, pesakit-pesakit ini ada yang hanya membayar RM10

untuk satu dialisis kerana subsidi yang disediakan, RM100 untuk setiap kali dialisis dan sebagainya, ini telah memberikan keringanan yang banyak sangat.

Pada ketika ini, kerajaan menanggung hampir 98 peratus subsidi untuk membantu rakyat supaya dapat menjaga kesihatan yang baik. Saya kira apa yang telah dilakukan ini sudah cukup baik dan *insya-Allah* jika ada perkara-perkara akan datang yang boleh membebankan kumpulan B40 ini, saya pasti Kerajaan Perikatan Nasional ini akan mengambil berat tentang perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan, apakah sebab-sebabnya pihak Kerajaan Persekutuan mengarahkan kerajaan negeri menstrukturkan semula tarif air.

**Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dibangkitkan. Untuk makluman, bahawa keupayaan operator-operator air untuk membekalkan perkhidmatan bekalan air berkualiti kepada pengguna bergantung kepada kedudukan kewangan yang mencukupi yang dijana melalui kutipan tarif air.

Pendapatan daripada tarif air akan dilaburkan semula untuk pembangunan infrastruktur air yang bersesuaian bagi memperluaskan liputan dan kualiti bekalan air, peningkatan kualiti perkhidmatan dan pembangunan infrastruktur IT. Walau bagaimanapun, daripada analisis yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), purata tarif air di Malaysia ialah RM1.39 bagi satu meter padu adalah lebih rendah, berbanding purata kos sebenar iaitu RM2.35 bagi satu meter padu yang ditanggung oleh operator air untuk membekalkan air kepada pengguna. Keadaan ini menyebabkan operator-operator air berada dalam keadaan kewangan yang defisit dan berada dalam keadaan yang sukar untuk mengekalkan perkhidmatan berkualiti kepada pengguna.

Oleh yang demikian, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) memperkenalkan mekanisme penetapan tarif air ataupun *tariff setting mechanism* (TSM), dengan izin, sebagai kaedah penetapan tarif air yang sistematik, telus dan adil. TSM mempunyai dua ciri penting. Pertama ialah penyeragaman struktur tarif sedia ada. Kedua ialah pelarasan kadar tarif sedia ada.

#### ■1030

Melalui pelaksanaan TSM, operator-operator air akan mempunyai kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan obligasinya sebagai pembekal perkhidmatan bekalan air. Pelarasan tarif air juga membolehkan operator air menampung kos pembekalan air terawat iaitu perbelanjaan operasi harian seperti bahan kimia, elektrik yang semakin meningkat dan

bagi melaksanakan projek-projek penambahbaikan infrastruktur sistem pembekalan air seperti pembinaan loji baru, menaik taraf loji rawatan sedia ada, menggantikan paip-paip yang uzur dan kerja-kerja penyelenggaraan peralatan.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin menjelaskan bahawa cadangan TSM tidak akan membebankan golongan B40 memandangkan julat pengguna 20 meter padu sebulan dikenakan pada tarif yang terendah iaitu purata RM1.75 bagi setiap meter padu.

Pelaksanaan TSM memerlukan penglibatan dan persetujuan daripada kerajaan negeri. Hal ini disebabkan oleh operator air merupakan syarikat yang dimiliki penuh oleh kerajaan negeri. Oleh hal demikian, Kerajaan Persekutuan amat memerlukan sokongan daripada semua kerajaan negeri memberikan persetujuan ke atas cadangan semakan tarif air di bawah TSM bagi memastikan kedudukan operator air dalam keadaan yang sempurna dan mampu memberi perkhidmatan bekalan air yang berguna kepada rakyat.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin jelaskan pada Dewan yang mulia ini dalam situasi pandemik COVID-19 dan tekanan ekonomi yang dihadapi oleh rakyat, Kerajaan Persekutuan buat masa ini tidak bercadang untuk menaikkan tarif air. Sekurang-kurangnya kita bagi suatu kelegaan kepada pengguna sehingga keadaan ekonomi kita pulih. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Silakan.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kalau dibenarkan tarif air ini dinaikkan. Adakah masalah kualiti air di Kelantan yang sejak begitu lama dan juga masalah bekalan yang sering terputus di Pahang dapat diselesaikan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin jelaskan dalam konteks dua negeri yang dibuat perbandingan. Di Pahang semakan terakhir tarif air ialah tahun 1983. Bermakna 37 tahun Pahang tidak pernah menaikkan tarif air. Pahang merupakan negeri yang paling rendah tarif air iaitu 79 sen pada setiap meter padu dan ia merupakan negeri yang paling rendah.

Manakala Kelantan semakan terakhir ialah 2013, bererti tujuh tahun dan harga tarif air di Kelantan ialah RM1.10. Saya ingin jelaskan bahawa masalah yang sedang berlaku ialah dua perkara. Pertama macam- macam isu besar yang berlaku di Kelantan ialah masalah sumber air. Pengambilan sumber air bawah tanah lebih 50 peratus dan menyebabkan kos rawatan sangat tinggi dan kerajaan telah pun meluluskan peruntukan baru untuk kita membuat penambahan pembesaran loji-loji di Kelantan dan NRW yang agak tinggi di Kelantan untuk kita atasi.

Kita jangka menjelang tahun 2023 Kelantan akan dapat bekalan air yang sempurna dengan pembesaran beberapa buah loji. Untuk makluman suka saya maklumkan 16 mini loji

yang dalam proses dalam RP4 Rancangan Malaysia Ke-11 yang sedang dilaksanakan di Kelantan.

Dalam konteks di Pahang, antara negeri yang agak kritikal dari segi kedudukan kewangan kerana lama tidak dibuat semakan dan Kerajaan Pusat melihat bahawa Pahang dalam proses untuk migrasi dan kita jangka pada bulan Oktober ini Kerajaan Pahang akan melakukan migrasi kepada Kerajaan Pusat. Dengan cara itu ia akan dapat selesaikan hutang-hutang yang ditanggung oleh Kerajaan Pusat dan kita yakin bantuan ini kita akan salurkan bagi memastikan negeri-negeri yang ada masalah air dapa kita atasi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Tuan Yang di-Pertua...

*Sorang papan tarik papan;  
Buah keranji dalam perahu;  
Soalan saya nombor lapan;  
Mohon menjawab saya hendak tahu.*

**8. Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) akan dihidupkan semula demi menyemarakkan kembali nilai patriotik serta perpaduan negara, di samping memanfaatkan infrastruktur serta tenaga pengajar terlatih sedia ada.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datin Mastura binti Mohd Yazid]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited dalam memastikan setiap warganegara mempunyai kesedaran jati diri serta semangat patriotisme tanpa mengira agama, kaum dan latar belakang.

Sebagai mana Yang Berhormat Senator sedia maklum, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang pernah diadakan dahulu adalah platform untuk kita memupuk semangat patriotisme dan menanam semangat perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia khusus kepada golongan belia.

Semangat patriotisme dan perpaduan merupakan kunci kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara. Oleh itu semangat patriotisme ini perlulah dipupuk dan dihayati oleh setiap warganegara bagi menzahirkan tanda kasih sayang dan hormat kepada tanah air.

Berdasarkan Warta Kerajaan Persekutuan, Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan (No. 3) 2020 yang menyatakan bahawa Akta Latihan Khidmat Negara 2003 berada di bawah skop Menteri Pertahanan Malaysia. Maka sebarang cadangan untuk

menghidupkan semula PLKN ini haruslah dirujuk kembali kepada kementerian yang berkenaan.

Jabatan Perdana Menteri juga telah mengambil inisiatif dengan mengadakan satu bengkel pada 2 Julai hingga 4 Julai 2020 yang lalu melibatkan beberapa kementerian dan agensi yang berkaitan. Antara perkara yang dibincangkan termasuklah mengkaji keperluan mewujudkan satu agensi baharu yang berfungsi sebagai penyelaras atau pelaksana program kenegaraan kepada setiap lapisan masyarakat Malaysia agar program ini lebih menyeluruh dan komprehensif. Ketika ini JPM sedang di peringkat penelitian dan perbincangan lanjut dengan kementerian dan agensi yang terlibat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Pada hemat Timbalan Menteri dari segi keutamaan, Jabatan Perdana Menteri berpendapat apakah PLKN ini diletakkan pada keutamaan nombor berapa sebenarnya? Pasal tadi Yang Berhormat Menteri kata kalau hendak dihidupkan kena dirujuk kepada Kementerian Pertahanan.

Kita ini dalam satu keluarga- dalam tangan kiri, tangan kanan kita adik-beradik ini. Jadi dari segi keutamaan itu PLKN ini pada hemat Timbalan Menteri nombor berapa diletakkan keutamaan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Mungkin Yang Berhormat Senator bertanya mengenai pandangan saya sebagai Timbalan Menteri. Ini adalah satu keputusan dasar yang harus dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Senator.

Akan tetapi, dalam masa yang sama terdapat beberapa kementerian dan agensi yang mempunyai peranan yang tersendiri dalam menjalankan program-program seperti itu iaitu hal-hal yang berkaitan kepimpinan, kenegaraan dan patriotisme.

Jadi untuk menjawab jawapan soalan Yang Berhormat Senator, kita serahkan kepada kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

**9. Datuk Razali bin Idris** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, usaha strategik penggunaan slogan baharu '*Sawit Anugerah Tuhan*' bagi menggantikan '*Sayangi Sawitku*' sebagai langkah memperkasakan eksport agrokomoditi itu dan menangani kempen anti kelapa sawit dalam kalangan negara Kesatuan Eropah (EU).

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]:** Selamat pagi, salam sejahtera dan salam Malaysia prihatin. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris atas pertanyaan soalan nombor 9.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kementerian akan terus memperkasakan usaha strategik sedia ada dan akan membuat penambahbaikan ke atas dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini. Namun dengan beberapa pendekatan yang berbeza mengikut acuan dan juga kaedah kerajaan yang ada pada hari ini.

Pendekatan baru ini akan didukung dengan slogan baru iaitu *Sawit Anugerah Tuhan* atau *Palm Oil is God Gift*, di mana kementerian berpendapat bahawa slogan baru ini lebih bersifat universal dan boleh diterima pakai di seluruh dunia. Jadi, melalui slogan baru ini juga kementerian yakin ia akan dapat menembusi pasaran-pasaran baru seperti di rantau Timur Tengah, Asia Tenggara dan juga negara-negara di Benua Afrika.

Pada masa yang sama kita juga akan memperkukuhkan pasaran-pasaran yang sedia ada dengan pendekatan yang lebih mantap.

#### ■1040

Tuan Yang di-Pertua, khusus bagi menangani Kempen Anti Sawit di negara Kesatuan Eropah, kementerian telah melaksanakan pelbagai langkah promosi melalui Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi meningkatkan kebolehpasaran produk sawit ke negara-negara EU dalam usaha menangani persepsi negatif terhadap industri sawit negara terutamanya daripada aspek kemampanan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan ataupun *Sustainable Development Goal (SDG) 2030* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Aktiviti promosi ini juga telah melibatkan kerjasama daripada Pejabat Kedutaan Malaysia di Eropah, khususnya bagi perkara yang melibatkan perhubungan di antara kerajaan iaitu *G-to-G* serta penglibatan daripada Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam aspek pemasaran. Malaysia telah mengadakan kerjasama, khususnya dalam bidang penyelidikan, kemampanan dan pekebun kecil. Contohnya dengan negara Perancis, Belanda dan United Kingdom.

Selain daripada itu, perbincangan secara berterusan bersama dengan pihak berkepentingan di EU juga giat bagi menyelesaikan isu persepsi negatif terhadap minyak sawit menerusi misi ekonomi dan promosi minyak sawit ke negara-negara EU. Misi ini antara lain menyampaikan perkara mengenai hasil kajian saintifik minyak sawit yang membuktikan kebaikan sawit yang mempunyai nilai nutrisi yang tinggi. Antaranya ialah *tocotrienol* iaitu vitamin E dan *corotina* yang lebih baik berbanding dengan minyak sayuran yang lain.

Selain daripada itu, minyak sawit telah terbukti secara saintifik bebas lemak *trans-trans fat*, dan bebas kolesterol. Inilah sebabnya kita melihat sawit adalah salah satu daripada anugerah Tuhan yang mempunyai banyak nilai nutrisi dan kita haruslah menghargai sawit ini. Minyak sawit ini tidak semestinya didiskriminasi oleh negara-negara lain dan pengguna di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang turut diketengahkan dalam sesi perbincangan dan misi tersebut adalah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Willie anak Mongin:** Mengenai kesungguhan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Tuan Willie anak Mongin:** Ada sikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong ringkaskan.

**Tuan Willie anak Mongin:** ...Dan komitmen. Okey, saya ringkaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila Tuan Yang di-Pertua memberi pandangan, tolong dengar sikit. Diberi penjelasan yang ringkas kepada penanya.

**Tuan Willie anak Mongin:** Okey, saya ambil maklum Tuan Yang di-Pertua. Okey, saya akan ringkaskan.

Dalam pembangunan industri sawit negara secara mampan dan menerusi pelbagai inisiatif iaitu pelaksanaan MSPO dan juga melibatkan industri sawit negara dalam usaha memelihara alam sekitar yang mana kita hanya membangunkan seluas 6.5 juta hektar kawasan sahaja yang kita telah kenal pasti untuk penanaman sawit. Kita juga sentiasa terbuka.

Kita mempelawa seluruh negara Kesatuan Eropah supaya datang sendiri ke negara kita Malaysia supaya mereka boleh melihat sendiri bagaimana penanaman dan bagaimana pemprosesan sawit kita dan kita sedia untuk memberi mereka panduan dan juga suruh mereka lihat sendiri apa yang telah kita lakukan. Ini kerana, kita tidak ada apa yang kita hendak sembunyikan untuk memampankan dan melestarikan industri sawit kita.

Jadi, kita sentiasa terbuka dan terus akan memartabatkan industri sawit kita sebab industri sawit kita adalah salah satu daripada anugerah Tuhan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau kira-kira Yang Berhormat tidak payah tambah lagi tapi dah berdiri itu tambah jugalah.

**Datuk Razali bin Idris:** Tidak Tuan Yang di-Pertua. Ada yang Yang Berhormat Menteri tidak sebut tadi. Jadi, soalan tambahan saya ringkas sahaja, terus. Berapa peruntukan yang disediakan bagi membawa Kempen 'Sawit Anugerah Tuhan' ke peringkat antarabangsa? Apakah benar kementerian di bawah Kerajaan Pakatan Harapan dahulu telah mengambil tiga firma perhubungan awam iaitu *DCI Group* yang berpangkalan di Washington, Amerika Syarikat, *INVOC* dan *UNITAS Communications* yang berpangkalan di Kuala Lumpur bagi menjayakan Kempen Sayangi Sawitku tetapi gagal. Saya difahamkan menyebabkan kerugian yang sangat besar. Jadi, pohon penjelasan yang teliti dalam hal ini Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ringkas ya.

**Tuan Willie anak Mongin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator kerana bertanyakan soalan yang begitu spesifik. Memang tidak dinafikan, melalui kementerian MPIC di bawah MPOC, kita memperuntukkan lebih kurang sebanyak RM30 juta untuk MPOC. Ini termasuk pengurusan dan juga perbelanjaan untuk promosi minyak sawit dan sebagainya di seluruh dunia.

Saya memang difahamkan ada syarikat yang telah dilantik semasa Kerajaan Pakatan Harapan dan memang saya tidak nafikan memang ada sedikit kepincangan daripada hasil kejayaan itu. Akan tetapi, kita tidak boleh mengatakan perkara itu 100 peratus gagal. Ini kerana, ia ada juga kesan positif. Jadi, memang benar ada syarikat yang telah dilantik dan ini menurut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian dan MPOC dan ia dilaksanakan secara baik. Namun begitu, saya memang akui, memang keberkesanan dan kejayaan kempen tersebut tidak pada tahap yang kita banggakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad.

**10. Tuan Manolan bin Mohamad** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, berapakah jumlah kos yang diperuntukkan di dalam pemberian Bakul Makanan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada Orang Asli.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang juga ditanya oleh Yang Berhormat Senator Tuan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita sudah memutuskan supaya soalan terus sahaja. Yang soalan-soalan bersamaan akan diberi layanan berasingan. Hanya soalan pokok sahaja Yang Berhormat jawab.

**Dato' Henry Sum Agong:** Baik, ya. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menyediakan peruntukan sebanyak RM20.9 juta yang melibatkan seramai 391,357 orang penerima manfaat bagi bantuan kepada masyarakat Orang Asli yang terjejas semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan pandemik COVID-19.

Pelaksanaan bantuan ini adalah sepanjang tempoh PKP merangkumi tiga fasa mulai bulan Mac hingga Mei 2020. Bantuan ini melibatkan penyaluran bantuan asas bakul makanan dan sabun anti bakteria bagi setiap keluarga, susu tepung kepada anak-anak Orang Asli serta pelitup muka dan cecair sanitasi kepada Tok Batin dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) yang terlibat dengan pengagihan bantuan bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

Pihak kementerian menerusi JAKOA telah melaksanakan bantuan sepanjang tempoh PKP yang merangkumi tiga fasa mulai bulan Mac hingga Mei 2020. Bantuan ini melibatkan penyaluran bantuan asas bakul makanan dan sabun anti bakteria bagi setiap keluarga, susu tepung kepada anak-anak Orang Asli serta pelitup muka dan cecair sanitasi kepada Tok Batin dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli.

Bagi memastikan Pelan Pemulihan Pasca Pandemik COVID-19 dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli terjamin, sebanyak RM2 juta diperuntukkan oleh JAKOA kepada usahawan Orang Asli pada tahun 2020.

#### ■1050

Peruntukan ini digunakan untuk pemberian geran bantuan kepada usahawan Orang Asli dan koperasi Orang Asli dari segi peralatan, premis dan program. Tambahan kepada itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar turut membantu JAKOA dalam pelaksanaan program-program keusahawanan termasuk usahawan Orang Asli pasca COVID-19.

Di antara program pasca COVID-19 yang dilaksanakan oleh KPLB adalah seperti Program DesaMall di mana produk-produk usahawan Orang Asli akan dipasarkan dalam platform digital melalui bantuan kementerian. Selain itu, program *Rural Business Outlet* (RBO) yang dilaksanakan oleh KPLB turut dipanjangkan kepada usahawan Orang Asli bagi memastikan manfaat program turut dinikmati oleh usahawan Orang Asli. Sekian, terima kasih.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dengan baik termasuk usahawan Orang Asli. Akan tetapi, soalan tambahan saya adalah Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah berkenaan dengan kos bakul makanan, kos setiap bakul makanan.

Hal ini sebab kos setiap bakul makanan ini sekitar RM80 ke RM100 tetapi barangan yang Orang Asli terima ini berbeza mengikut tempat dan juga negeri. Jadi soalan saya, saya mahu tahu, berapakah kontraktor yang dilantik dan senarai kontraktor yang mengambil program ini untuk menyalurkan bakul makanan kepada perkampungan Orang Asli ini sebab kos yang diperuntukkan itu agak tinggi. Mohon pencerahan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak jawab? Ini sebab minta butiran itu mungkin memerlukan satu sumber jawapan yang spesifik. Terserahlah kepada Yang Berhormat, kalau ada dalam pemikiran semua itu.

**Dato' Henry Sum Agong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan benar agak spesifik. Saya akan memberi jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih sebab satu bakul itu berapa Ringgit dan berapa ramai pula yang membekal. Jadi bak kata P. Ramlee, "*Berapa banyak daa...!*" [Ketawa] Ini komedi pagilah sebab kita selalu serius dalam Dewan ini.

Kita beri peluang bagi rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri membuatkan panjang atau pendekkan.

Cuma saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri agar kita mengikut pematuan syarat kita menjawab soalan supaya persis kemudian tidak melebihi tiga minit. Sekiranya penting betul untuk menghurai sila edit jawapan yang diberi oleh para pegawai. Kebanyakan saya lihat kita membaca terus sahaja semua yang diberi. Jadi kalau begitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak menyoal soalan, terpendek masa mereka. Harap kerjasama ini dapat kita sama-sama jayakan dalam isian kita bagi Dewan yang mulia ini.

**11. Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah perancangan untuk memastikan pengesanan awal kanak-kanak mengalami kekurangan keupayaan tersorok seperti *autism*, *dyslexia* dan *adhd*, supaya langkah-langkah intervensi awal dapat dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memantau pertumbuhan dan perkembangan bayi sejak lahir sehingga enam tahun. Pengesanan awal dibuat sejurus selepas dilahirkan iaitu menjalani saringan bayi baru lahir iaitu *newborn screening*, dengan izin.

Saringan bayi baru lahir meliputi saringan fizikal, saringan darah, tali pusat untuk mengesan penyakit seperti *G6PD Deficiency* dan *Congenital Hypothyroidism* serta saringan spesifik untuk saringan pendengaran dan saringan jantung ke genital. Selepas bersalin, pemeriksaan di rumah akan dijalankan oleh jururawat mengikut jadual KKM. Ini bagi memantau penyusuan, pertumbuhan serta pengesanan awal masalah jaundis bagi mengelak berlakunya kecacatan.

Sekiranya tiada sebarang masalah pemeriksaan berkala di rumah, lawatan kali pertama bayi di klinik adalah pada umur satu bulan. Di klinik kesihatan, semua bayi dan kanak-kanak akan menjalani pemeriksaan pertumbuhan perkembangan secara berkala. Seperti yang terkandung dalam buku rekod kesihatan bayi dan kanak-kanak sehingga enam tahun.

Penilaian perkembangan meliputi perkembangan motor kasar, motor halus, komunikasi dan kemahiran sosial. Saringan *M-Chat- the Modified Checklist for Autism in Toddlers*, digunakan untuk menyaring masalah autisme dan dilakukan pada umur 18 bulan berkala, dua tahun dan juga tiga tahun.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, saya bawa hari ini mungkin ada ramai sudah lupa... *[Menunjukkan sebuah buku]* Inilah buku yang kita guna dulu masa anak kita kecil. Mungkin kita tengok cucu kita sekarang ini, yang merah ini untuk perempuan yang biru ini untuk lelaki. Sebanyak 23 soalan *M-Chat* untuk *check* sama ada, ada tidak contoh autisme. Saya bagi satu

contoh soalan, adakah anak anda seronok apabila ditimang, dibuai dan dijenjut? Soalan yang kedua, adakah anak anda suka memanjat contohnya tangga, kerusi, meja dan lain-lain. Ini soalan-soalan saringan yang dibuat di klinik.

Selain daripada itu, pemeriksaan wajib oleh pegawai perubatan di klinik kesihatan dilakukan semasa kanak-kanak berumur satu bulan, 18 bulan dan empat tahun. Pemeriksaan pada umur empat tahun adalah bagi menyaring kesediaan ke sekolah. Pemeriksaan merangkumi penilaian pertumbuhan, penilaian perkembangan, saringan tingkah laku serta saringan penglihatan. Kanak-kanak yang dikesan mempunyai masalah perkembangan dan gagal saringan *M-Chat* akan dirujuk kepada pakar untuk pemeriksaan lanjut dan seterusnya untuk intervensi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Terima kasih Yang Berhormat kerana menjawab soalan itu. Anak saya seorang autisme, jadi sewaktu saya dulu saya tidak mempunyai soalan-soalan itu di dalam buku *pink* itu.

Saya ingin tahu, adakah kementerian akan menyediakan sekurang-kurangnya sebuah pusat intervensi di setiap negeri bagi membantu anak-anak istimewa menjelang tahun 2021? Adakah ia akan menjadi sebahagian daripada RMKe-12? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita lihat pada saringan, saya hendak cerita sedikit fasal saringan tentang autisme ini pengesanan kes memang sebenarnya meningkat. Hari ini kita pun tidak tahulah sebab apa sebenarnya, apa sebabnya kenapa pasangan-pasangan mempunyai anak-anak yang menghidapi autisme ini.

Saya bagi satu data daripada 1.47 per 1,000 pada tahun 2015 meningkat pada 3.26 per 1,000 pada tahun 2018 dalam kanak-kanak 18 bulan dan 1.5 per 1,000 pada tahun 2015 meningkat kepada 2.79 per 1,000 kanak-kanak pada tahun 2018 dalam kalangan kanak-kanak tiga tahun.

Kerajaan memang prihatin tentang masalah ini. Kerajaan membuat pelbagai cara juga ketika ini untuk menolong ibu bapa dan anak-anak itu dengan memberikan rawatan secara berkala dan sebagainya. Kanak-kanak yang gagal umpamanya saringan *M-Chat* ini akan dirujuk kepada pakar untuk ujian selanjutnya dan ujian-ujian ini adalah ujian kepakaran yang mungkin memerlukan sedikit belanja.

Kanak-kanak yang didapati mempunyai ciri-ciri autisme ini maka akan dirujuk juga untuk simulasi awal dan untuk rehabilitasi awal. Rawatan disediakan di semua fasiliti bergantung kepada kepakaran yang sedia ada. Oleh sebab itu rawatan dalam bentuk terapi rehabilitasi juga diberikan kepada pesakit dan klien di pusat pemulihan dalam komuniti, institusi, sekolah khas dan juga di rumah pesakit.

*Insyallah*, saya percaya dalam masa akan datang kerajaan akan memberi perhatian lagi pada kanak-kanak autisme ini dan juga membantu ibu bapa. Saya percaya ibu bapa juga

mempunyai masalah-masalah bila berhadapan dengan anak-anak yang autisme ini apabila dia meningkat dewasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**12. Tan Sri Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan, berapa ramai pelarian (mengikut negara asal) yang berada di negara ini yang memiliki kad UNHCR dan adakah mereka dibenarkan bekerja di negara ini. Jika tidak, bagaimanakah cara penyelesaian yang wajar bagi pihak kerajaan memandangkan mereka perlu untuk menyara kehidupan harian.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datin Mastura binti Mohd Yazid]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pelarian *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) sehingga 31 Julai 2020, perincian pecahan pelarian memegang kad UNHCR Malaysia adalah seperti berikut..

■1100

Senarai panjang 12 item Tuan Yang di-Pertua, mohon saya membacanya sebab Yang Berhormat Senator bertanya mengenai negara-negara asal. Terima kasih.

- (i) Myanmar seramai 119,128 orang;
- (ii) Pakistan seramai 3,159 orang;
- (iii) Yamen seramai 209 orang;
- (iv) Syria seramai 404 orang;
- (v) Somalia seramai 1,689 orang;
- (vi) Afghanistan seramai 1,500 orang;
- (vii) Sri Lanka seramai 793 orang;
- (viii) Iraq seramai 420 orang;
- (ix) Palestin seramai 223 orang;
- (x) Iran seramai 250 orang;
- (xi) Sudan seramai 165 orang; dan
- (xii) lain-lain negara seramai 245 orang.

Keseluruhannya seramai 128,185 orang. Bagi kelangsungan hidup mereka Yang Berhormat Senator di dalam negara ini pada masa ini, pelarian yang memegang kad UNHCR hanya dibenarkan untuk bekerja dalam sektor tidak formal seperti bekerja sendiri bagi tujuan sara hidup.

Walau bagaimanapun, 'Projek Rintis Kebenaran Bekerja' kepada pelarian etnik Rohingya, Myanmar di syarikat Gardenia sedang dilaksanakan melibatkan 52 orang pelarian. Kerajaan telah melantik Kementerian Sumber Manusia untuk mengetuai satu Jawatankuasa dipertanggungjawabkan untuk meneliti mengenai isu kebenaran bekerja kepada pelarian.

Keputusan dasar mengenai perkara ini hanya akan dimaklumkan setelah kerajaan melaksanakan penelitian terperinci terhadap kebolehlaksanaan program serta impaknya kepada rakyat tempatan. Terima kasih.

**Tan Sri Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan panjang tetapi saya pilih soalan pendek.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendekkan Yang Berhormat, bagus.

**Tan Sri Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad:** Pendekkan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri baik atau tidak baiknya kenapa kita tidak menandatangani *Refugee Convention* tahun 1951 dan Protokol tahun 1967? Adakah itu baik atau tidak baik? Itu soalan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dia ada beberapa faktor baik dan tidak baiknya Yang Berhormat Senator, antaranya adalah perkara-perkara yang melibatkan hal-hal sosial dan ekonomi negara.

Kita harus menimbangankan di antara keupayaan kerajaan pertamanya. Kedua, mengimbangkan hak warganegara kita dan juga hak pelarian itu. Ketiga, tidak bermaknanya kita tidak menandatangani atau meratifikasikan *convention* kedua-duanya itu kita tidak bersama-sama menentukan atau menjulang hal-hal kebajikan dan juga menjaga keselamatan pelarian-pelarian yang ada di negara ini.

Banyak lagi perkara-perkara yang melibatkan hal-hal yang baik buruknya. Ia satu senarai yang panjang sebab daripada pengalaman-pengalaman yang pernah berlaku di kelompok-kelompok yang tertentu dan juga masalah-masalah kita untuk menempatkan mereka semula ke negara asal dan juga kepada negara-negara ketiga yang mampu dan sanggup untuk menerima mereka. Kita harus memperkemaskan hal-hal berkaitan perundangan di negara kita dahulu supaya ia dapat menjaga juga keselamatan dan kebajikan rakyat kita dahulu. Terima kasih.

**13. Datuk Lee Tian Sing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kementerian akan memperuntukkan bajet bagi menambah baik keadaan balai-balai polis, kemudahan dan penggunaan peralatan teknologi tinggi oleh PDRM dalam membanteras jenayah termasuk penambah bilangan CCTV di kawasan bandar bagi memantau keselamatan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing.

Pendek dan ringkas, padat. Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa meneliti dan membuat kajian secara berterusan untuk

menambahbaikkan keadaan balai-balai polis dan kemudahan berkaitan dalam membanteras jenayah.

Bagi pembangunan fizikal pada tahun 2019, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memperuntukkan sebanyak RM16,847,794.00 untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan di 858 buah balai dan pondok polis di seluruh Malaysia. Pada tahun ini pula, tambahan sebanyak RM67.52 juta untuk pembaikan pejabat dan kuarters PDRM. Selain itu, peruntukan sebanyak RM100.5 juta juga telah diluluskan di bawah Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin termasuk untuk kerja-kerja menaiktarafkan, menyelenggarakan dan pembaikan fasiliti PGA PDRM.

Mengambil kira keperluan penggunaan teknologi dalam penugasan membanteras jenayah, PDRM telah menaiktarafkan sistem C4i- *Command, Control, Communication And Computer Integration System*. Melalui sistem ini, keselamatan awam dapat dipantau melalui integrasi dengan CCTV di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan pusat-pusat kawalan. Sistem ini dilengkapi dengan teknologi *Artificial Intelligence* bagi meningkatkan kecekapan PDRM dalam menangani sesuatu insiden.

Selain itu, PDRM telah memutuskan untuk menggunakan *non lethal weapon* secara menyeluruh bagi pegawai dan anggota semasa melaksanakan tugas harian. Dalam hal ini, PDRM telah mengenalpasti dua (2) jenis *electroshock gun non-lethal weapon* iaitu pistol perenjat elektrik dan *net gun*. Senjata ini akan digunakan di dalam keadaan mendesak terutama apabila berdepan dengan suspek yang agresif bagi mengelakkan berlakunya kematian.

**14. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, langkah oleh pihak kementerian untuk meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat luar bandar terutamanya iltizam untuk membasmi kemiskinan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Dato' Henry Sum Agong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator pemerksaan ekonomi luar bandar merupakan antara agenda penting Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang menjadi teras utama Dasar Pembangunan Luar Bandar Tahun 2030 (DPLB). Tiga dasar utama yang di gariskan di bawah teras satu DPLB 2030, ekonomi berdaya saing dan mampan adalah untuk mencapai objektif berikut:

- (i) mempelopori aktiviti ekonomi luar bandar yang transformatif;
- (ii) penghasilan produk tempatan yang berkualiti dan berskala ekonomi; dan
- (iii) peningkatan kesejahteraan masyarakat luar bandar.

Bagi tahun 2020, sejumlah RM6.2 bilion diperuntukkan di bawah kementerian ini bagi melaksanakan program-program pembangunan ekonomi, prasarana dan modal insan di

seluruh negara. Antara program yang telah dan sedang dilaksanakan kementerian ini adalah mencapai objektif di atas adalah:

- (i) penyediaan infrastruktur dan prasarana yang lengkap;
- (ii) Program Peningkatan Pendapatan (PPP);
- (iii) program-program keusahawanan;
- (iv) Program Desa Lestari; dan
- (v) Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK).

Kepada pembangunan di beberapa perkampungan sedia ada tanpa melibatkan pembukaan kawasan baharu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat lambat bangun akan pergi ke yang lain...

**Datuk Haji Bashir bin Haji Alias:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cepat sedikit.

**Datuk Haji Bashir bin Haji Alias:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Di tempat saya di Labuan selain daripada membuka tanah pertanian ataupun melaksanakan perusahaan-perusahaan kecil yang berpusat di rumah, kegiatan utama masyarakat luar bandar adalah menjadi nelayan.

Soalan saya, apakah langkah kementerian membantu nelayan tradisional dalam usaha untuk menambah pendapatan mereka setiap bulan?

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Di antara program-program yang boleh dimanfaatkan oleh nelayan termasuk yang saya sebutkan tadi adalah seperti bantuan untuk bot dan alat-alat penangkapan ikan seperti pukot dan lain-lain. Itu di antara program-program yang ada di bawah program KPLB dan juga program-program lain seperti yang disenaraikan, seperti yang saya sebutkan tadi termasuk juga Skim Kemudahan Geran Peningkatan dan Pembangunan daripada pihak MARA dan pelbagai lagi program lainlah yang saya boleh berikan pada Yang Berhormat Senator menerusi jawapan bertulis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin

■1110

**15. Puan Asmak binti Husin** minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk membantu pelanggan yang memerlukan sejak penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan kesan penubuhannya terhadap pembangunan wanita dan keluarga di Malaysia.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan

Yang di-Pertua dan juga rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Terlebih dahulu walaupun agak kelewatan tetapi saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan sekalung tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kembali.

**Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri:** Kami benar-benar mengharapkan dengan pelantikan ini boleh mengangkat kedudukan Dewan ini kepada tahap yang lebih tinggi kepada dan disegani serta dimuliakan, *insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Insya-Allah, alhamdulillah.*

**Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri:** Menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Asmak tadi, suka kami nyatakan bahawa Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) merupakan satu bahagian yang ditubuhkan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sejak 22 Oktober 2008 yang bertujuan untuk menguatkuasakan perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

Berkenaan dengan Bahagian Sokongan Keluarga ini, suka juga kami nyatakan bahawa penyaluran bantuan kepada pelanggan BSK hanya terhad di negeri Selangor, Terengganu, Kedah, Pahang dan akan datang Wilayah Persekutuan. Sejak daripada penubuhannya sebanyak RM1,800,055 telah disalurkan kepada seramai 856 pelanggan BSK dalam bentuk pendahuluan. Manakala sebanyak RM1,006,000 lebih telah disalurkan kepada seramai 1,105 pelanggan BSK dalam bentuk bantuan nafkah.

Pelanggan BSK ini terdiri daripada ibu-ibu tunggal dan juga anak-anak yang diabaikan nafkah. Jadi penubuhan BSK telah membantu para ibu tunggal dan anak-anak dalam mendapatkan hak nafkah dengan sebaiknya. Bantuan kewangan sementara dalam bentuk pendahuluan dan bantuan nafkah sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang ditanggung oleh para ibu tunggal. Mudah-mudahan usaha seperti ini akan membawa kepada kebaikan keluarga masing-masing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan berkaitan dengan BSK. Kalau dilihat daripada jawapan, antara tanggungjawab BSK adalah memberi sokongan nafkah kepada pihak yang terlibat khususnya isteri dan juga anak-anak yang mana tugas ini adalah tugas para wali, terutamanya ibu bapa dan juga suami.

Jadi soalan saya adalah, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memperkasa BSK agar wali, dalam konteks yang besar, suami, ibu bapa, bapa saudara, datuk dan lain-lain dapat berperanan secara undang-undang agar beban BSK tidak bertambah dan dalam jangka masa panjang wali tidak lepas tangan dan mengabaikan tanggungjawabnya? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat setuju dengan apa yang dinyatakan dan apa yang diutarakan tadi. Sebenarnya JKSM telah memperkenalkan Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 14, tahun 2007 berkenaan susunan wali yang bertanggungjawab membayar nafkah. Arahan amalan ini memperuntukkan yang bertanggungjawab mengikut hukum syarak yang boleh diperintahkan membayar nafkah bagi seseorang tertentu mengikut peruntukkan Undang-undang Keluarga Islam dan di mana negeri-negeri ialah waris lelaki mengikut tertib asabah. Ini yang kita lakukan dan juga mahkamah sentiasa terbuka menerima sebarang permohonan atau tuntutan nafkah.

Saya sendiri telah melawat ke Mahkamah Wilayah Persekutuan dan melihat sendiri bagaimana pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, kita akan cuba menambah baik lagi peruntukkan-peruntukkan. Begitu juga apa yang sepatutnya kita taklifkan tanggungjawab kepada bapa-bapa atau wali-wali yang semestinya tidak boleh lari daripada tanggungjawab tersebut. Saya juga tertarik dengan apa yang saya dengar daripada Arab Saudi, yang mana begitu tegas tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh bapa sekalipun telah berpisah dengan ibunya. Jadi, hal ini kita ambil kecahnaan dan keprihatinan dengan sebaik-baiknya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Umur minimum untuk mendapatkan lesen ialah 16 tahun, soalan saya adalah nombor 16.

**16. Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah terdapat langkah-langkah strategik bagi mengurangkan kadar kematian penunggang motosikal akibat daripada kemalangan jalan raya memandangkan golongan ini adalah lebih berisiko dan tinggi angka kematiannya berbanding pemandu-pemandu kenderaan empat roda.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]:** *[Ketawa]*  
Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak jawab berlirik pun boleh juga tetapi kena ringkas.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Tidak apa. Soalan panjang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, jumlah statistik kemalangan jalan raya bagi tahun 2019 mencatatkan sebanyak 6,167 kematian dengan 64 peratus daripada jumlah keseluruhan tersebut adalah melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal. Justeru,

Kementerian Pengangkutan memandang serius mengenai perkara yang boleh mengakibatkan kemalangan jalan raya di Malaysia.

Kementerian Pengangkutan melalui agensi di bawahnya telah menjalankan pelbagai bentuk kempen dan advokasi yang berterusan melalui pelbagai medium seperti Program Tiada Minggu Tanpa Advokasi (TMTA) yang dilaksanakan di setiap negeri di seluruh Malaysia. Sebanyak 1,866 program TMTA telah dilaksanakan yang merangkumi seluruh kategori advokasi termasuklah advokasi bagi penunggang dan pembonceng motosikal.

Program-program kesedaran menerusi sesi ceramah dan Kempen Keselamatan Jalan Raya di organisasi kerajaan, swasta, komuniti setempat, di sekolah dan institusi pengajian tinggi turut dilaksanakan. Mesej-mesej peringatan juga dikeluarkan di stesen-stesen televisyen menerusi slot wawancara, iklan dan *crawler*, dengan izin. Hebahan di radio-radio dan juga media sosial yang dilaksanakan sepanjang tahun bagi mengubah sikap dan mendidik pengguna jalan raya.

Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) juga merupakan salah satu inisiatif kerajaan. Ia secara tidak langsung dapat memberi kesan yang positif kepada ibu bapa yang merupakan pengguna jalan raya yang sedia ada. PKJR ini telah diajar secara penyerapan ilmu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bermula tahun 2007 di sekolah rendah dan 2015 di sekolah menengah. Kementerian melalui agensinya juga telah melaksanakan projek pembangunan semula modul PKJR di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Projek tersebut yang dikenali sebagai Projek Semakan dan Pembangunan Modul PKJR dijalankan bagi memperbaharui isi kandungan modul supaya bersesuaian dengan teknologi dan selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Selain itu, Kementerian Pengangkutan melalui MIROS telah banyak melakukan usaha promosi kursus dan latihan berkaitan keselamatan jalan raya terutamanya kepada program golongan berisiko tinggi seperti penunggang motosikal. Antara program yang masih berjalan adalah Program Sokongan Keselamatan Perjalanan atau, dengan izin, *Commuting Safety Support Program (CSSP)*.

Kementerian Pengangkutan juga telah menjalinkan kerjasama bersama Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam cadangan pembinaan motosikal yang baharu. Laluan yang dicadangkan ialah laluan yang mempunyai kadar kemalangan yang membimbangkan. Segala peruntukkan bagi pembinaan motosikal ini akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas melalui Kementerian Kerja Raya.

Untuk makluman juga, satu program yang dinamakan *My Safe Road* iaitu kerjasama agensi di bawah Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dijalankan bagi menambahbaikkan laluan motosikal di sepanjang

kawasan *black spot*, dengan izin, terpilih iaitu Kluang, Ayer Hitam, Batu Pahat. Program ini telah bermula sejak tahun 2016 dan menunjukkan hasil yang memberangsangkan apabila kemalangan di kawasan tersebut semakin berkurangan setiap tahun.

Program ini juga telah dibentangkan di *The 1<sup>st</sup> ASEAN-Japan Expert Group Meeting on Road Traffic Safety*, dengan izin, pada bulan Januari 2020 di Jepun. Batu Pahat dan Kuala Lumpur pula telah dipilih sebagai kawasan kajian keselamatan jalan raya dengan kerjasama MIROS dan *Bloomberg Philanthropies*. Sekian, terima kasih.

■1120

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan tiada cadangan melalui undang-undang dan cukai untuk membatasi jenis dan bilangan motosikal di jalan raya? Memandangkan penunggang motosikal menyumbang kepada dua per tiga kematian akibat kemalangan jalan raya dan majoritinya adalah remaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkas, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, pada masa ini MIROS sedang mencadangkan untuk membuat NCAP iaitu untuk melihat tahap keselamatan motosikal itu sendiri. Selain itu, ini adalah usaha untuk melihat bagaimana untuk meningkatkan keselamatan dan risiko kemalangan motosikal ini. Kalau ada, *insya-Allah* saya akan bagi lagi tentang maklumat yang selainnya, yang terperinci kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya dahulukan, nombor 18. Silakan.

**18. Datuk Paul Igai** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai belia (umur 18-35 tahun) yang telah disenaraikan sebagai bankrap mengikut negeri dan jantina. Apakah perancangan Kerajaan dalam menangani dan membantu mereka yang hilang sumber pendapatan dan berhadapan dengan masalah kewangan sehingga berkemungkinan diisytiharkan sebagai bankrap disebabkan oleh pandemik COVID-19.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)**

**[Datuk Haji Shabudin bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Senator Datuk Paul Igai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes kebangkrutan bagi golongan belia yang berumur di antara 18 sehingga 35 tahun yang direkodkan bagi tahun 2020 di Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) ialah sebanyak 945 orang.

Bagi golongan belia berumur 31 sehingga 35 tahun yang direkodkan dari bulan Januari hingga bulan Julai 2020 adalah melebihi 100 kes masing-masing bagi setiap kategori umur. Walau bagaimanapun, MDI tidak menyimpan rekod bagi golongan belia bankrap mengikut negeri dan jantina. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk

mengurangkan kadar kebangkrutan di kalangan belia pada masa kini. Cara yang terbaik untuk mengelak daripada kebangkrutan ialah melalui kesedaran individu belia itu sendiri tentang risiko atau kesan daripada perintah kebangkrutan.

Kesedaran ini dapat diterap melalui pendidikan dan pendekatan perbelanjaan yang berhemah. Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu mengurangkan kadar kebangkrutan, Jabatan Insolvensi Malaysia telah melaksanakan pelbagai program bagi mewujudkan kesedaran masyarakat tentang isu muflis seperti program bersama masyarakat- *outreach program*, serta MDI PRIHATIN. Program ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat, memberikan pendidikan dan mewujudkan kesedaran kepada orang awam, khususnya golongan belia.

Termasuklah taklimat dan ceramah kesedaran mengenai isu muflis kepada agensi-agensi awam, swasta, orang awam dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta bagi menerangkan kesan dan akibat daripada perintah kebangkrutan. Dengan pendedahan sedemikian, golongan belia dan pelajar institusi pengajian tinggi dapat menangani masalah ini di peringkat awal lagi.

Selain itu, kerajaan juga melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia telah mengadakan program-program untuk memberikan kesedaran tentang isu muflis.

Program ini juga melibatkan perancangan tentang kewangan kepada semua golongan supaya dapat menangani masalah pengurusan kewangan di peringkat pra-kebangkrutan. Pengurusan kewangan yang berhemah akan menjamin kedudukan kewangan di tahap yang terbaik. Melalui program ini akan dapat membantu golongan belia, khususnya untuk berbelanja secara berhemah dan bijak dalam pengurusan kewangan bagi mengelakkan kemuffisan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Timbalan Menteri. Sila soalan no 17- Dato' Isa bin Ab. Hamid.

**Datuk Paul Igai:** Saya berdiri sudah.

**17. Dato' Isa bin Ab. Hamid** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, program-program pendigitalan pada tahun 2020-2025 untuk meningkatkan sistem penyampaian JAKOA supaya lebih berkesan dan dapat mengurangkan birokrasi yang bermasalah.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Senator di atas soalan yang diajukan. Program-program pendigitalan yang dirancang pada tahun 2020 ke 2025 adalah seperti berikut:

- (i) menaik taraf perkakasan ICT di semua pejabat-pejabat pentadbiran dan pusat-pusat latihan institusi di bawah perusahaan JAKOA;

- (ii) menaik taraf perkhidmatan talian internat di pejabat pentadbiran dan pusat latihan institusi di bawah pengurusan JAKOA;
- (iii) menyediakan borang permohonan secara dalam talian- *online*, bagi permohonan seperti berikut:
  - (a) permohonan bantuan kewangan, pendidikan;
  - (b) permohonan mendapatkan tenaga kerja Orang Asli;
  - (c) permohonan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK);
  - (d) permohonan bantuan kesihatan kebajikan perubatan dan kebajikan am;
  - (e) pentadbiran kampung,
  - (f) permohonan bantuan usahawan; dan
  - (g) permohonan bantuan pertanian dan penternakan.

Sekian, terima kasih.

**19. Tuan Kamarudin bin Abdun** minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan, bolehkah kementerian memperuntukkan sejumlah peruntukan kepada Kerajaan Negeri Perlis bagi membaik pulih pam-pam dan paip-paip air yang telah uzur.

**Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Senator yang bertanya soalan.

Untuk menjawab soalan ini, saya jelaskan bahawa bagi mengatasi masalah bekalan air di negeri Perlis, kerajaan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air telah pun meluluskan peruntukan berjumlah RM240.2 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, bagi melaksanakan pembangunan infrastruktur air secara menyeluruh seperti berikut.

Pertama, pinjaman sebanyak RM42.7 juta bagi projek sambungan RMKe-10 untuk menyiapkan kerja-kerja di bawah Program Pengurangan Kadar NRW Negeri Perlis. Suka saya maklumkan, bagi negeri Perlis, NRW ialah 63.3 peratus, di antara yang tertinggi di Malaysia. Dengan akaun pengguna sebanyak 74,542 dan rizab margin bagi negeri Perlis ialah 1.9 peratus sahaja.

Jadi oleh sebab itu, beberapa projek di peringkat kementerian kita telah pun luluskan, termasuklah peruntukan geran sebanyak RM50.8 juta bagi menangani isu NRW yang tinggi dalam RMKe-11 di bawah Program NRW Nasional Pendekatan 1 yang melibatkan kerja-kerja penukaran meter pengguna, penukaran meter SIV, pembangunan JIS dan juga kerja-kerja pembaikan atau penggantian tangki-tangki air yang rosak.

Projek-projek ini telah dimulakan pada Februari 2020 dan dijangka disiapkan pada Februari 2022. Peruntukan sebanyak RM146.7 juta bagi membiayai kerja-kerja naik taraf loji rawatan air, termasuk memperbaiki pam-pam yang rosak di Loji Rawatan Air Timah Tasoh dan Loji Rawatan Air Arau, fasa 1 hingga fasa 4.

Daripada jumlah ini, sebanyak RM41.1 juta diluluskan secara geran bagi langkah mitigasi segera jangka pendek dan kerja-kerja ini dijangka siap pada Julai 2021. Baki berjumlah RM105.6 juta diluluskan secara pinjaman bagi menyiapkan kerja-kerja pembaikan dan naik taraf loji dan komponen berkaitan, di mana pada masa ini kerja-kerja tersebut di peringkat proses penyediaan reka bentuk. Terima kasih.

■1130

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya ingin bertanya sama ada Menteri Komunikasi dan Multimedia ada di Dewan sebab saya ingin mendahulukan soalan 21 berkaitan dengan satu persoalan yang dikemukakan oleh salah seorang Senator pada hari ini. Jika tidak ada, saya tidak memanggil nombor 21 untuk dijawab.

Namun, perlu dirakamkan bahawa ada isu berkaitan dengan Yang Berhormat Menteri berkenaan yang telah dikemukakan oleh salah seorang daripada Senator, Yang Berhormat kita di sini.

Justeru, kita menyampaikan pandangan supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia bersedia untuk datang ke Dewan menerangkan kedudukan isu yang sekarang sudah pun ditularkan. Kelmarin, Kabinet telah mengambil pandangan tertentu. Justeru, Parlimen khasnya Dewan Negara juga perlu mendapatkan pandangan serta nasihat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di samping menyatakan kedudukan sebenar kepada pihak yang berkenaan. Oleh sebab beliau tiada di sini, maka saya minta Ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan tambahan.

**Tuan Kamarudin bin Abdun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan jawapan Menteri begitu tepat dan lengkap, saya tidak ada soalan tambahan untuk soalan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini markah bagus pada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Kita sudah pun sampai ke perenggan terakhir. Saya mohon maaf kepada Ahli Yang Berhormat khasnya Dato' Isa bin Abdul Hamid sebab saya menyegerakan agar dengan harapan ada Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia di Dewan ini.

Kita akan merakamkan satu capaian yang tinggi sebab hari ini kita sampai ke soalan nombor 20. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat... [*Dewan tepuk*]

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yes.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Tahniiah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana ini pertama kali saya nampak soalan sampai ke nombor 20. Dalam dua tahun yang lepas, tidak sampai pun ke soalan nombor 10. Kita ucapkan tahniiah kepada Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit di bawah P.M. 25(1)(q) untuk satu usul berkenaan dengan hak dan kebebasan supaya Dewan yang mulia ini merujuk Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi bin Zainul Abidin ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negara ini oleh sebab beliau telah mengelirukan Dewan dengan jawapan tidak tepat semasa Sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan pada 3 September 2020.

Tuan Yang di-Pertua, ini oleh sebab perkembangan yang terkini yang telah saya dapati dan telah dilaporkan oleh pihak media di mana yang pertama, Tuan Yang di-Pertua adalah semalam Jemaah Menteri telah berbincang isu tersebut yang melibatkan nasib seorang pelajar UMS iaitu Veveonah Mosibin yang terpaksa menduduki peperiksaan di atas pokok oleh sebab akses internet yang terhad dan lemah. Jemaah Menteri telah memutuskan kenyataan Timbalan Menteri itu tidak betul dan tidak wajar.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, adalah menurut kenyataan Pengerusi Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Seri Panglima Masidi Manjun yang telah mendapat penjelasan daripada Pengarah Pusat Asasi Sains UMS yang mengesahkan bahawa Veveonah Mosibin ini telah menduduki peperiksaan akhir dalam talian- *online* daripada 9 Jun hingga 12 Jun 2020. Oleh yang demikian, tetapi selepas....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sebelum saya membenarkan lanjutan kepada pembawaan usul itu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, wajar kita sebutkan peraturan. Sila duduk, sila duduk dahulu... [*Meminta YB Alan Ling Sie Kiong duduk*]

Peraturan Mesyuarat 25 berbunyi, "Kecuali jika ada syarat lain dalam peraturan-peraturan mesyuarat ini, usul yang hendak dibawa ke dalam Mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahuan kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini...". Jadi, dengan itu maka sebab yang sedemikian lah, maka kita benarkan Yang Berhormat mengemukakan usul tersebut. Jika saya tidak sebutkan begitu, maka Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin terasa macam mana pula boleh dikemukakan usul yang berkenaan.

Ada dua cabangnya yang mungkin hendak ditimbang. Pertama iaitu cabang Peraturan 25(1)(d) yang berbunyi, "Usul hendak mengambil apa-apa jua perkara dahulu daripada perkara lain dengan tidak mengikut susunan biasa." Saya setuju dengan itu dan pada hemat saya, untuk mengusulkan bahawa kes yang berkenaan atau perkara yang berkenaan dibawa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ataupun Jawatankuasanya, lantaran itulah Yang Berhormat harus ilustrasikan kepada Dewan, bagaimana dan kenapa ia hendak dibawa sedemikian. Ini bermakna spesifikasi terhadap isu yang dibawa itu perlu dinaratifkan dengan jelas. Sila.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, memang saya membawa usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 25(1)(q) yang ingin merujuk Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Oleh sebab ada perkembangan terkini yang telah mengatakan bahawa kenyataan beliau tidak tepat, tidak wajar dan tidak betul.

Sememangnya untuk latar belakang, saya telah mengemukakan usul sebelum ini iaitu pada 7 September 2020 di bawah Peraturan Mesyuarat 26. Akan tetapi oleh sebab usul tersebut harus mematuhi kehendak 14 hari, dan ada, dengan izin, *urgency* Tuan Yang di-Pertua, hal ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Sila.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** ...Maka saya berharap dan merayu supaya Dewan yang mulia ini meluluskan usul ini oleh sebab walaupun Timbalan Menteri tersebut telah mengatakan beliau akan hadir ke Dewan yang mulia ini untuk memohon maaf tetapi beliau tidak berbuat demikian. Ini adalah satu perkara yang sangat serius dan fitnah kepada adik Veveonah Mosibin dan juga keangkuhan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin itu bukan sahaja mengelirukan dan mencemarkan imej, reputasi, kedudukan, integriti, maruah Dewan kita sebagai badan legislatif yang tertinggi di negara ini dan tindakan itu juga agak macam memandang rendah kewibawaan Dewan Negara ini.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya merayu dan berharap beliau dapat memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada Dewan Negara ini dan dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk disiasat secara menyeluruh kerana maruah kita, integriti Dewan Negara tidak dapat dikompromikan. Ini boleh kita menyiasat dan juga menunjukkan bahawa badan Eksekutif harus mengamalkan sikap kebertanggungjawaban kepada Dewan Negara dan Parlimen. Itulah usul saya dan mohon diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara yang hendak diselesaikan dalam menghadapi isu ini ialah terbahagi kepada dua.

Pertama, apakah Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, masuk ke Dewan dan membuat penerangan serta memohon maaf kepada semua pihak yang berkenaan. Atau hanya untuk merujukkan beliau kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Setelah menimbang perkara ini secara jauh dan dekat, secara luas dan spesifik, kita harus bersetuju dahulu supaya beliau datang ke Dewan ini dan memberi pandangan, penjelasan dan akhirnya memohon maaf kepada pihak yang berkenaan.

## ■1140

Jika beliau enggan berbuat sedemikian, mungkin minggu hadapan, maka barulah kita juruskan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Begitulah pandangan saya, pendapat Yang di-Pertua terlebih dahulu.

Saya berharap itu dapat kita rakamkan sebagai keputusan awalan sebelum penjurusan sebenar *de facto* kita bawa kepada Jawatankuasa yang berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diteruskan dengan isu yang berikutnya. Setiausaha Dewan ada apa-apa yang hendak diumumkan?

**[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]**

### USUL

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibaca bagi menyambung semula perbahasan Kemudiannya, atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih di atas Titah Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Majlis Parlimen Yang Keempat Belas." **[9 September 2020]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini meneruskan giliran para Yang Berhormat Menteri untuk menjawab soalan-soalan serta isu-isu yang dibangkitkan dengan pandangan kita supaya jawapan itu tertakluk kepada had yang dikenakan dalam bentuk masanya. Setakat ini tidak melebihi hendaknya selama 20 minit. Kita mengadakan tempoh selama tiga hari untuk diperuntukkan bagi kementerian-kementerian menjawab iaitu pada hari Khamis, 10 September 2020 sehingga Selasa, 15 September 2020.

Hari ini merupakan hari pertama. Sila lihat Senarai Giliran Kementerian Menjawab seperti yang telah diedarkan.

Diminta Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi memberikan jawapan.

**11.42 pg.**

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengajian Tinggi.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sebanyak sembilan perkara telah dibangkitkan oleh lapan orang Ahli Yang Berhormat Senator sepanjang perbahasan mulai 2 September sehingga 9 September 2020. Saya akan menjelaskan setiap isu yang telah dibangkitkan dan saya percaya bahawa semua isu yang dibangkitkan ini adalah didorong oleh keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi memantapkan lagi bidang pendidikan tinggi negara.

Pertama, ialah berkenaan dengan isu pembangunan graduan yang holistik yang seimbang, merangkumi aspek keusahawanan, peningkatan kemahiran dan juga kebolehpasaran graduan terutama sekali terkesan selepas COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari telah menyentuh mengenai bantuan yang diberikan kepada graduan berikutan berlakunya pengangguran yang tinggi disebabkan oleh pandemik COVID-19. Yang Berhormat Senator juga mencadangkan supaya setiap universiti mengajar subjek keusahawanan agar mahasiswa aktif di dalam perniagaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia, dalam memastikan kebolehpasaran graduan ditingkatkan terutamanya pasca pandemik COVID-19, kementerian telah menggariskan empat strategi untuk dilaksanakan iaitu:

- (i) memantapkan pelaksanaan program, dengan izin, *reskilling* dan *upskilling*;
- (ii) memudahcara pelajar dan melanjutkan pengajian;
- (iii) melaksanakan padanan pekerjaan kepada graduan yang masih belum bekerja; dan
- (iv) meningkatkan pelaksanaan program-program keusahawanan.

Melalui pendekatan *reskilling* dan *upskilling*, kementerian melalui inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) turut melaksanakan Program Penjana Kementerian *Career Advancement Programme* (CAP) yang memberikan fokus kepada pelaksanaan program-program latihan kemahiran dan latihan peningkatan. Pelaksanaan program ini dapat memberikan nilai tambah kepada kebolehpasaran graduan melalui pensijilan-pensijilan kompetensi, kemahiran dalam bidang-bidang khusus yang diperlukan industri selain meningkatkan keterampilan diri dan sahsiah mereka.

Graduan yang mengikuti program ini akan terus dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian di industri serta berjaya menamatkan program latihan kemahiran ini. Selain itu, latihan kemahiran keusahawanan turut disediakan kepada pelajar yang berminat. Sesi padanan dengan agensi penyedia dana perniagaan turut diadakan bagi memastikan peserta dapat memulakan perniagaan dan menjana pendapatan sebaik sahaja program berakhir.

Melalui strategi kedua, bantuan kewangan juga ditawarkan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Antara inisiatif tersebut adalah seperti Program MyBrainSc, Basiswa Menteri Pengajian Tinggi dan bantuan kewangan pelajar OKU. Pihak kementerian juga telah mengemukakan cadangan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, untuk meneruskan pelaksanaan Program MyBrain15 atas kejayaannya memberikan penajaan kepada 59,910 orang pelajar.

Daripada jumlah tersebut, seramai 30,427 orang atau 53.5 peratus graduan telah berjaya menamatkan pengajian pascasiswazah. Manakala, 26,483 orang pelajar masih meneruskan pengajian. Dalam usaha mempelbagaikan lagi sumber pembiayaan kewangan kepada pelajar, kementerian turut bekerjasama rapat dengan Yayasan Tenaga Nasional bagi menyediakan pembiayaan kewangan kepada pelajar yang berkeelayakan melalui Program *My Brighter Future*.

Untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan juga, kementerian turut melaksanakan proses padanan pekerjaan kepada graduan yang masih belum bekerja. Usaha ini dijayakan dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerusi Portal *MyFutureJobs*.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kementerian turut menumpukan kepada usaha untuk menggalakkan pelajar terlibat dalam program keusahawanan. Bagi tujuan tersebut, Pelan Tindakan Keusahawanan IPT (2021-2025) yang sedang dibangunkan akan menjadi dokumen rujukan utama pembangunan keusahawanan di IPT. Semakan terhadap kurikulum, program dan ekosistem keusahawanan secara keseluruhan di IPT turut dilaksanakan bagi memastikan impak program yang maksimum. Kementerian dengan kerjasama pihak TEKUN Nasional akan turut memperkenalkan skim pembiayaan mikro kepada mahasiswa bagi membantu mereka mengembang dan meningkatkan perniagaan masing-masing.

Pihak PUNB pula akan membiayai program keusahawanan berkonsepkan mentor-mentee untuk membolehkan bimbingan secara langsung daripada usahawan-usahawan yang telah berjaya. Sebagai makluman Yang Berhormat Senator, kementerian telah mewajibkan semua universiti awam untuk menawarkan kursus asas keusahawanan kepada pelajar mereka tanpa mengira bidang bagi memberikan pengetahuan kemahiran dan galakan kepada pelajar untuk menceburi bidang perniagaan.

Bagi memudahkan bakal graduan membangunkan kerjaya dan meningkatkan kebolehpasaran mereka, kementerian juga telah mengambil inisiatif membangunkan portal, dengan izin, *Graduates References Hub for Employment and Training* (GREaT) antara maklumat dan perkhidmatan yang bakal disediakan dalam portal sehenti ini adalah seperti:

- (i) perkhidmatan padanan pekerjaan;
- (ii) permohonan untuk mengikuti program *reskilling* dan *upskilling*;
- (iii) permohonan kemudahan penajaan dan bantuan kewangan; dan
- (iv) melanjutkan pengajian, perkhidmatan untuk mendapatkan kaunseling, kerjaya dan *e-Profiling*.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua ialah berkenaan dengan pembangunan iaitu hal-hal projek pembangunan, yakni isu spesifik yang disebut ialah berkenaan dengan pembangunan di UNIMAS.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah? Hendak habiskan atau boleh mencelah?

**Dato' Mansor bin Othman:** Boleh habiskan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Habiskan dahululah.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** *Satgi dah* pergi tajuk lain pula.

**Dato' Mansor bin Othman:** Tidak apa. Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih ya.

**Dato' Mansor bin Othman:** Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili pula telah menyentuh mengenai kemajuan pelaksanaan hospital pengajar di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan pewujudan badan penyedia untuk memantau kemajuan serta reka bentuk hospital tersebut.

#### ■1150

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, projek hospital pengajar UNIMAS telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan* Keempat tahun 2019 dengan kos sebanyak RM480 juta. Agensi pelaksana bagi projek ini adalah Jabatan Kerja Raya dan projek ini dilaksanakan secara reka dan bina. Makmal Pengurusan Nilai pada 8 April 2019 hingga 12 April 2019 bagi projek pembinaan dan penyiapan hospital pengajar UNIMAS telah memutuskan supaya skop projek hospital pengajar digabungkan dengan skop

satu lagi projek di UNIMAS iaitu pembinaan Pusat Kesihatan Prima, menjadikan kos keseluruhan projek ini berjumlah RM560 juta.

Tempoh pembinaan bagi hospital pengajar adalah selama 48 bulan manakala tempoh pembinaan bagi Pusat Kesihatan Prima adalah selama 24 bulan. Projek ini akan diserahkan secara berperingkat- *sectional completion*, kepada UNIMAS mengikut tempoh siap projek yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kemajuan projek ini dan projek-projek pembangunan lain di kementerian dipantau melalui Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi. Majlis ini dijadualkan bersidang pada setiap bulan atau mengikut keperluan. Majlis ini turut dianggotai oleh wakil daripada Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan dan Jabatan Kerja Raya, selaras dengan Arahan No.1 2020 iaitu mekanisme penyelarasan pelaksanaan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga ialah berkenaan dengan OKU. Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi telah membangkitkan isu mengenai kemudahan infrastruktur bagi meningkatkan *accessibility* pelajar berkeperluan khas di IPT. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian amat prihatin terhadap keperluan khusus yang diperlukan oleh kelompok pelajar tertentu dan berpegang kepada prinsip *inclusivity*, pendidikan untuk semua.

Satu sistem berasaskan web yang dinamakan Projek Kerangka Kampus Inklusif untuk meningkat kemasukan pelajar OKU ke universiti awam Malaysia (MyU-OKU) sedang dibangunkan oleh kementerian untuk membantu universiti awam melaksanakan penilaian sendiri terhadap ketersediaan setiap universiti awam dalam mewujudkan kampus inklusif bagi memastikan pelajar yang berkeperluan khas untuk tidak terpinggir.

Ketersediaan universiti awam dinilai berasaskan instrumen untuk menerima kemasukan pelajar berkeperluan khas yang meliputi aspek tadbir urus, pengajaran dan pembelajaran, perkhidmatan sokongan dan *accessibility* dan ketersambungan persekitaran kampus.

Dalam memastikan pelajar berkeperluan khas tidak terpinggir, 19 buah universiti awam juga telah menubuhkan Unit Perkhidmatan OKU yang berfungsi sebagai unit perkhidmatan dan sokongan khusus kepada pelajar dan kakitangan berkeperluan khas di universiti berkenaan. Unit Perkhidmatan OKU ini dipertanggungjawabkan secara terus kepada naib-naib Canselor di universiti masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian juga telah mengambil kira keperluan bagi pelajar berkeperluan khas dalam setiap permohonan projek pembangunan fizikal sama ada untuk pembinaan atau naik taraf kemudahan dan infrastruktur di IPT. Seperti

yang dinyatakan dalam garis panduan dan peraturan bagi perancangan bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Kementerian telah mengemukakan permohonan peruntukan berjumlah RM1.07 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, *Rolling Plan* Pertama tahun 2021 bagi projek baharu atas sumbangan khusus untuk kategori pelaksanaan projek-projek fizikal, pembinaan atau naik taraf kemudahan dan infrastruktur IPT di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan yang akan diluluskan adalah tertakluk kepada keutamaan projek-projek yang lebih kritikal serta berkemampuan semasa kewangan kerajaan. Kementerian komited dalam melaksanakan setiap projek yang diluluskan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Hal ini bagi memastikan kemudahan infrastruktur IPT di Malaysia adalah kondusif untuk digunakan oleh semua pihak khususnya bagi tenaga pengajar dan pelajar-pelajar termasuklah yang berkeperluan khas.

Tuan Yang di-Pertua, isu berikut adalah berkenaan dengan *governance* iaitu perkembangan wakaf di IPT. Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin pula telah menyentuh tentang perkembangan dan pencapaian wakaf IPT.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga kini 18 buah universiti awam telah pun mendapat kelulusan taraf *mutawalli* atau nazir khas daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing untuk menjalankan aktiviti wakaf dengan kutipan keseluruhan sehingga 30 Jun 2020 berjumlah RM34.8 juta.

Manakala dua buah universiti awam lagi iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) masih dalam peringkat perbincangan bersama Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Kesemua universiti awam merujuk kepada *The University Transformation Programme* iaitu *Purple Book* yang dikeluarkan oleh kementerian sebagai asas kepada tadbir urus wakaf di institusi masing-masing.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua iaitu berkenaan dengan geran penyelidikan FRGS...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon mencelah.

**Dato' Mansor bin Othman:** Untuk pendidikan Orang Asli.

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon mencelah. Terima kasih di atas jawapan berkaitan dengan wakaf IPT tadi. Cuma, mungkin saya hendak melanjutkan sedikit. Daripada pendapatan daripada wakaf tadi, sejauh mana ia memberi impak kepada pembangunan di IPT dalam peratusan? Kalau ada, kalau tidak secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Maklumat yang spesifik tentang peratusan itu saya tidak ada maklumat itu. Akan tetapi impak untuk pembangunan di universiti keseluruhannya saya ingat ini satu usaha yang cukup baik yang dilakukan oleh pihak-pihak universiti sebab ia memberi ruang kepada pihak institusi pengajian

tinggi untuk membuka ruang yang lain untuk menjana pendapatan dan menggunakan pendapatan tersebut untuk kepentingan pelajar-pelajar di universiti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid pula menyentuh mengenai jumlah dana yang diperuntukkan, di edar dan diluluskan bagi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) untuk pendidikan Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada tahun 2020, kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM1 juta bagi menampung skim geran penyelidikan fundamental untuk penyelidikan berkaitan pendidikan Orang Asli.

Penawaran penyelidikan bagi pendidikan Orang Asli ini terbuka kepada penyelidik di universiti awam dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Kementerian telah membuka penawaran geran FRGS ini mulai 6 Januari 2020 sehingga 31 Mac 2020. Dalam tempoh tersebut, kementerian telah menerima sejumlah 24 permohonan FRGS daripada universiti awam dan IPGM di bawah sub domain pendidikan Orang Asli. Keputusan permohonan geran FRGS tahun 2020 akan diumumkan pada bulan Oktober 2020.

Berkenaan dengan perjalanan semula semester pengajian akibat pandemik COVID-19, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim telah menyentuh mengenai pengajaran semula semester pengajian akibat pandemik COVID-19. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebagai pematuhan kepada Perintah Kawalan Pergerakan yang diisytiharkan oleh kerajaan bagi membendung pandemik COVID-19, kementerian telah mengarahkan semua IPT menangguhkan aktiviti akademik masing-masing mulai 18 Mac 2020.

Dalam hal ini, semua IPT juga telah diminta untuk membuat penjadualan semula kalender akademik tahun 2020 dan tahun 2021 dan meneruskan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Kementerian seterusnya menyarankan semua universiti awam menyambung semester kedua sesi 2019/2020 seawal 27 April 2020 atau selewat-lewatnya pada 1 Jun 2020 dengan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian. Melalui saranan tersebut, program *Work Conventional* telah diberikan fleksibiliti untuk dikendalikan secara dalam talian atau *remote learning* sebagai norma baharu di IPT.

#### ■1200

Pelaksanaan PdP secara dalam talian telah diselaraskan oleh universiti awam dengan mengambil kira beberapa faktor cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh IPT dan pelajar. Ini termasuklah mengambil kira keperluan sesetengah kursus kritikal yang perlu dilaksanakan secara bersemuka dan sukar digantikan secara dalam talian atau *remote learning* iaitu bersifat teknikal, klinikal, penyelidikan dan kerja makmal. Perhatian khusus juga diberikan terhadap

pelajar yang tidak mendapat akses atau tiada kemudahan kepada melaksanakan PdP secara dalam talian.

Namun demikian, penyelarasan ini telah dibuat tanpa melibatkan, pemendekan tempoh belajar atau tempoh semester pengajian. Sebaliknya, ia dilaksanakan melalui penyusunan semula jadual akademik dengan penyesuaian kaedah pembelajaran seperti berikut:

- (i) menyelesaikan terlebih dahulu penawaran kursus-kursus yang melibatkan teori atau kursus universiti yang sesuai dikendalikan secara efektif melalui *online* ataupun *remote learning*;
- (ii) menyesuaikan pendekatan PdP kursus yang melibatkan aktiviti praktikal, amali tetapi boleh dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan *virtual simulation*, *virtual lab animation*, *gamification* atau kaedah lain; dan
- (iii) PDP kursus kritikal yang masih perlu dilaksanakan bersemuka dan tidak dapat diganti melalui kaedah dalam talian atau *remote learning* dilaksanakan setelah pelajar dibenarkan pulang ke kampus atau dianjurkan ke semester akan datang mengikut penyesuaian sesuatu kursus pengajian.

Pada 16 Mei 2020, Mesyuarat Khas Menteri-menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, Majlis Keselamatan Negara telah bersetuju membenarkan lima kategori pelajar IPT pulang dan meneruskan pengajian di kampus. Universiti tersebut yang pertama ialah pelajar pasca siswazah mode penyelidikan yang berkeperluan. Kedua, pelajar semester tahun akhir pengajian peringkat sijil...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada satu minit lagi untuk menggulung ya.

**Dato' Mansor bin Othman:** Lagi berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Satu minit.

**Dato' Mansor bin Othman:** Satu minit lagi. Jikalau macam itu saya teruskan kepada isu yang berikutnya iaitu tentang keciciran pelajar untuk mengakses pencapaian Internet.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong pula telah menyentuh mengenai keciciran pelajar untuk mengakses capaian Internet atau platform atas talian bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sepanjang tempoh penangguhan aktiviti akademik susulan Perintah Kawalan Pergerakan yang diisytiharkan oleh kerajaan mulai 18 Mac 2020, kementerian telah menerima pelbagai maklum balas dan pandangan daripada pelajar, keluarga, institusi dan badan profesional berhubung kebimbangan terhadap kualiti program akademik yang dilaksanakan secara dalam talian.

Mereka berpandangan bahawa keberkesanan pembelajaran bagi program-program tertentu khususnya melibatkan latihan amal, klinikal dan praktikal masih memerlukan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka. Justeru, mengambil kira situasi COVID-19 yang semakin pulih, kementerian telah mendapatkan persetujuan daripada Jemaah Menteri pada 8 Julai 2020 untuk membenarkan kemasukan semula pelajar IPT ke kampus secara berperingkat mulai Julai 2020 hingga September 2020. Kemasukan pelajar ke kampus sepenuhnya pula adalah pada Oktober 2020.

Di dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di kampus, IPT telah diberi fleksibiliti untuk menentukan mode pembelajaran yang bersesuaian mengikut keperluan program. Ini termasuklah menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Namun begitu, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hendaklah mematuhi prosedur operasi standard yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan yuran pengajian. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu telah mencadangkan supaya universiti memberi pertimbangan untuk mengurangkan dan menanggungkan pembayaran yuran bagi tahun 2020 kepada pelajar-pelajar universiti awam dan IPTS.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian ingin menyatakan bahawa yuran pengajian yang perlu dibayar oleh para pelajar universiti awam adalah sekitar 10 peratus sahaja daripada kos sebenar bidang pengajian tersebut mengikut harga yuran pasaran. Manakala, baki sebanyak 90 peratus lagi kos pengajian ditanggung oleh kerajaan melalui peruntukan kewangan tahunan yang disalurkan kepada UA.

Oleh yang demikian, kos pengajian di universiti awam boleh dikatakan cukup rendah dengan tanggungan oleh pihak kerajaan sebanyak 90 peratus. Di samping itu, oleh sebab COVID-19 ada langkah-langkah tertentu di ambil oleh kerajaan dan juga pihak kementerian untuk membantu pelajar-pelajar.

Sebagai akhir kalam Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian dan sokongan berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator khasnya terhadap usaha-usaha memartabatkan kecemerlangan akademik tinggi negara yang diterajui oleh kementerian.

Perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang tidak sempat disentuh kerana kesuntukan masa, *insya-Allah* akan dijawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah kerajaan ada sasaran tertentu untuk mencapai masyarakat dagang dalam usahawan mahasiswa. Keduaanya, adakah inkubator ataupun *small business remote center* diwujudkan di universiti-universiti untuk melatih mahasiswa-mahasiswa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, baik. Jawab secara bertulis ya.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang inkubator itu dahulu. Betul seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator. Pewujudan inkubator di institusi-institusi pengajian awam dan terutama sekali di Politeknik dan Kolej Komuniti sememangnya memainkan peranan yang cukup penting untuk menjana bukan sahaja pendapatan bagi universiti melalui koperasi yang mereka wujudkan tetapi juga kepada pelajar-pelajar yang terlibat terus dalam bidang keusahawanan.

Saya dapati yang inkubator-inkubator ini memang cukup memainkan peranan, seperti di UniMAP, Universiti Malaysia Sabah (UMS) ada *hatcheries incubator* untuk *aquaculture* dan juga lain-lain. Macam contoh teknologi paling tinggi pun di universiti lain dan juga kolej komuniti yang lain juga ada. Sememangnya memainkan peranan cukup – saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator itu. Bukan sahaja untuk membantu universiti dan pelajar tetapi ia turut juga menjalinkan hubungan yang cukup baik dengan industri dan masyarakat, itu yang bagus.

Tentang *target* yang ditetapkan, memang menjadi harapan kita untuk melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan pelajar terutama sekali selepas tempias COVID-19 ini. Ini pun selari, konsisten dengan Dasar Pendidikan Nasional. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, tadi jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi. Diminta pula daripada Kementerian Pertahanan, Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Silakan.

**12.08 tgh.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz]:** Berapa? Masa 20 minit ya Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Selama 20 minit.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Okey. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh isu-isu di bawah tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Sebanyak 17 pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh enam Ahli Yang Berhormat Senator iaitu sebanyak enam pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid, sebanyak empat pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili, sebanyak satu pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, sebanyak satu pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim, sebanyak dua pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong dan akhir sekali sebanyak tiga pertanyaan daripada Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai isu yang telah dibangkitkan oleh keenam-enam Ahli Yang Berhormat Senator yang meliputi:

- (i) isu kebajikan veteran ATM;
- (ii) isu penempatan pos tentera dan pembinaan markas tentera;
- (iii) isu kerjasama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- (iv) isu status tanah kegunaan Kementerian Pertahanan di Sungkai, Perak dan di Tebrau dan juga di Skudai Johor;
- (v) isu perolehan *Littoral Combat Ship* (LCS);
- (vi) isu lambang pangkat ATM yang turut diguna pakai oleh agensi penguat kuasa kerajaan yang lain;
- (vii) isu peruntukan belanjawan tahunan Kementerian Pertahanan;

■1210

Isu perolehan MRCA TUDM dan program *15 to 5* TLDM, isu Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dan akhir sekali isu kematian Prebet Abdul Aziz Aznam.

Saya akan cuba menjawab kesemua soalan-soalan yang dikemukakan dalam masa 20 minit yang diperuntukkan kepada saya. Namun, seandainya tidak sempat, saya akan cuba menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang ingin saya sentuh ialah berkaitan isu kebajikan kepada veteran ATM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran yang telah membangkitkan dua perkara iaitu isu berkaitan Pingat Jasa Malaysia (PJM) iaitu pemberian *one-off* kepada baki penerima yang masih belum menerimanya dan cadangan pemberian elaun secara bulanan kepada penerima PJM.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran, izinkan saya terlebih dahulu ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang saya tengok daripada sejak Dewan Rakyat lagi pada penggal lepas sentiasa memperjuangkan nasib warga ATM khususnya veteran ATM.

Sebagai makluman Yang Berhormat Senator, kepimpinan kerajaan sekarang sentiasa prihatin akan kebajikan veteran ATM serta mempunyai hasrat yang sama seperti Yang Berhormat Senator hasratkan. Namun, ia masih tertakluk kepada keupayaan kewangan semasa kerajaan terutamanya dalam menghadapi wabak COVID-19 yang masih menjadi ancaman utama kepada negara pada masa ini.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat Senator tentang pemberian *one-off* kepada penerima Pingat Jasa Malaysia, Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM telah selesai membuat pembayaran Elaun Kenangan Pingat Jasa Malaysia secara *one-off* sebanyak RM500 pada bulan Mac 2020 kepada 70 ribu orang veteran ATM yang melibatkan peruntukan berjumlah RM35 juta. Manakala bayaran seterusnya bagi baki penerima PJM yang dianggarkan 51,816 orang akan dilaksanakan setelah permohonan kewangan tambahan sebanyak RM25.9 juta diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Cadangan pemberian elaun bulanan perlu diperhalusi dengan mendalam bersama agensi pusat kerana ia akan melibatkan komitmen kewangan jangka panjang kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran juga mencadangkan kadar pencen pesara tentera diselaraskan dengan sektor awam. Yang Berhormat turut mencadangkan kaedah satu pangkat untuk satu kadar pencen dan kajian semula pencen pada setiap 10 tahun.

Bagi cadangan ini, seperti Yang Berhormat sendiri tahu dan sedia maklum serta sebagai seorang bekas pegawai tinggi dalam ATM tentera laut, penugasan dan skim perkhidmatan ATM adalah berbeza dengan skim perkhidmatan awam. Tempoh perkhidmatan anggota lain-lain pangkat adalah 10 tahun, 12 tahun, 15 tahun, 18 tahun, 21 tahun dan 26 tahun.

Tempoh perkhidmatan yang kurang daripada 21 tahun adalah tidak layak untuk menerima pencen. Pengiraan pencen pula adalah berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan di mana anggota lain-lain pangkat ini layak menerima pencen 50 peratus daripada gaji pokok akhir bagi tempoh perkhidmatan 21 tahun dan maksimum 60 peratus bagi tempoh perkhidmatan 25 tahun tiga bulan dan ke atas.

Bagi pengiraan pencen pegawai ATM pula, ia adalah sama dengan perkhidmatan awam. Pegawai ATM layak menerima pencen setelah berkhidmat 20 tahun dengan kadar pencen mengikut formula pencen. Bagi melayakkan untuk menerima pencen 50 peratus dari gaji pokok akhir, tempoh perkhidmatan 25 tahun dan maksimum 60 peratus bagi tempoh perkhidmatan 30 tahun dan ke atas.

Bagi cadangan Yang Berhormat Senator untuk penggunaan kaedah satu pangkat bagi satu pencen, ia perlu dibuat kajian yang terperinci kerana tempoh perkhidmatan anggota LLP ATM adalah berbeza-beza walaupun dalam pangkat yang sama. Sebagai contoh, pangkat

sarjan yang berkhidmat 21 tahun dengan yang berkhidmat 26 tahun. Mengikut pengiraan pencen sekarang ini, pencen pangkat sarjan yang berkhidmat 26 tahun lebih tinggi berbanding dengan pencen pangkat sarjan yang berkhidmat hanya 21 tahun. Jadi ini tidak begitu adil untuk 26 tahun kalau kita hendak samakan.

Walau bagaimanapun, bagi cadangan Yang Berhormat Senator agar dibuat kajian semula pencen setiap 10 tahun adalah cadangan yang baik dan pihak kementerian mengambil maklum akan cadangan ini. Pihak Kementerian Pertahanan akan mempertimbangkan kedua-dua cadangan Yang Berhormat Senator iaitu penggunaan kaedah satu pangkat untuk satu kadar pencen dan kajian semula pencen pada setiap 10 tahun dalam kajian jurang pencen yang sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Isu yang seterusnya berkenaan perolehan *littoral combat ship* yang telah dibangkitkan oleh mantan Timbalan Menteri Pertahanan iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong. Terlebih dahulu, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator ini yang telah menyentuh isu LCS ini secara panjang lebar.

Sebagai mantan Timbalan Menteri Pertahanan, saya percaya Yang Berhormat sendiri sememangnya terlibat secara langsung dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaian bagi menangani isu pembinaan *littoral combat ship* dan kelewatan menerima aset ini dari tarikh yang ditetapkan.

Bagi cadangan Yang Berhormat Senator agar satu forensik dijalankan berdasarkan hasil penemuan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan Kewangan Kerajaan di mana sebanyak RM1 bilion daripada RM5.94 bilion yang telah dibayar tidak dapat dikesan, suka saya jelaskan Kementerian Pertahanan buat masa ini tidak mempunyai kepakaran untuk melaksanakan audit forensik. Maka dengan ini, perkara ini boleh dicadangkan kepada Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan audit forensik tersebut. Manakala pihak kementerian sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama yang diperlukan dalam siasatan audit berkenaan.

Yang Berhormat Senator juga membangkitkan cadangan ataupun opsiyen penyelesaian yang telah dinyatakan sebelum ini oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang menyasarkan penyiapan sekurang-kurangnya dua kapal yang ada yang pada hemat Yang Berhormat Senator kurang tepat dan sepatutnya pihak kerajaan menerima sekurang-kurangnya empat buah kapal berdasarkan pembayaran yang telah dikeluarkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian mengakui syarikat yang kita lantik untuk membina dan membekalkan LCS telah gagal menyiapkan kapal tersebut mengikut tempoh sebagaimana yang dipersetujui di dalam kontrak. Kementerian juga telah memberi peluang kepada syarikat untuk menyiapkan kapal LCS seperti yang diperuntukkan dalam kontrak. Namun, dengan keberhutangan yang tinggi dan situasi kewangan syarikat

yang meruncing, kementerian tidak yakin dengan kemampuan syarikat tersebut untuk meneruskan kontrak ini. Maka, tiga opsi penyelesaian yang telah dicadangkan kementerian iaitu:

- (i) kontrak diteruskan tetapi dengan melantik *Naval Group France* iaitu *design authority* untuk LCS sebagai kontraktor penyelamat melalui *deed of assignment* dengan syarikat;
- (ii) kontrak diteruskan oleh syarikat; dan
- (iii) penamatan kontrak dengan syarikat tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak kementerian ingin agar bukan sahaja empat buah kapal tetapi kesemua enam buah kapal dapat diperoleh. Namun, kementerian terpaksa bersikap realistik dalam hal ini dan seterusnya menganggarkan hanya dua kapal akan disiapkan dengan baki peruntukan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu perolehan LCS ini juga, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran membangkitkan tentang tawaran daripada Persatuan Veteran TLDM untuk membantu memantau pembinaan LCS ini. Bagi isu yang dibangkitkan ini, sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Senator ini dan Persatuan Veteran TLDM yang begitu prihatin atas isu perolehan LCS TLDM.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian setakat ini belum menerima cadangan rasmi daripada Persatuan Veteran TLDM berhubung perkara ini. Urusan lanjut hanya dapat kita kemukakan dan berikan setelah cadangan tersebut diteliti oleh pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, untuk makluman, saya telah tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri belum menerima surat tersebut. Saya harap boleh dirujuk kepada Yang Berhormat Menteri.

Tawaran kami, kami cadangkan supaya tambahan RM1.4 bilion yang dimohon oleh Naval Dockyard kita luluskan dengan berkehendakkan enam buah kapal disiapkan akhirnya. Sebab saya kata, 'alang-alang seluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.' Alang-alang sudah buat kapal, biar sampai siap. Itu cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Okey. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong:** Yang Berhormat, terima kasih atas jawapan. Memang saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat atas lantikan Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri Pertahanan.

Dalam mesyuarat pada 11 Februari bersama dengan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir dan mantan Menteri Pertahanan, satu keputusan telah dibuat di mana Kementerian Pertahanan diarahkan untuk membuat siasatan dan juga merujuk kepada SPRM

berkenaan dengan RM1 bilion yang tidak dikesan ini. Sebenarnya angka-angka yang diberikan ini sebenarnya dari jawatankuasa Tan Sri Ambrin Buang. Tan Sri Ambrin Buang telah ada detil ataupun semua butiran selain daripada *forensic accounting*.

■1220

*Forensic accounting* untuk RM1 bilion itu belum lagi ada. Akan tetapi yang lain sudah ada dan didapati bahawa ada masalah dengan RM3.5 bilion yang telah dibayar. Saya ingin tahu, apa pendirian Kementerian Pertahanan sekarang berkenaan dengan keputusan yang dibuat oleh mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada mesyuarat 11 Februari, berkenaan dengan siasatan terhadap dana yang telah hilang? Terima kasih.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih cadangan oleh kedua-dua Yang Berhormat. Pertama, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid mengenai tentang tawaran yang dikatakan telah dikemukakan. Buat masa ini, saya akan *check* tentang tawaran tersebut. *Insyallah*, kita akan berbincang tentang hal tersebut.

Mengenai celahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong mengenai isu 11 Februari ini, saya akan *check* juga. Akan tetapi sudah tentulah, kita pun di peringkat kementerian memang juga turut kesal atau *upset* lah dengan kelewatan tersebut, ya. Oleh sebab itulah di pihak kementerian, kita ada tiga *options* yang kita kemukakan. Tentang yang dibangkitkan *RM1 billion* yang tidak boleh kesan itu, oleh sebab itu seperti yang saya katakan tadi, di peringkat kementerian, kita tidak ada kepakaran. Walau bagaimanapun, isu ini kita tidak akan lepas tangan, kita akan selesaikan juga. Cuma, beri masa kepada pihak kementerian untuk menyelesaikan. Saya tahu, *because* isu ini sudah berlanjutan begitu lama sudah, Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong:** Yang Berhormat, saya pernah kendalikan isu ini bersama dengan mantan Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Saya rasa cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan, tidak semestinya menyelesaikan masalah ini. Oleh kerana kalau kita dapat dua buah kapal pun, tidak cukup. TLDM memerlukan lebih banyak kapal, terutamanya untuk menghadapi cabaran di Laut China Selatan. So, saya cadang kepada kementerian, kalau boleh yang penting ialah selesaikan dana yang telah dibayar...

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Dibayar, ya.

**Tuan Liew Chin Tong:** Iaitu RM5.9 bilion, termasuk RM3.5 bilion yang bermasalah. Di antara RM3.5 bilion yang bermasalah itu, ada RM1 bilion telah tidak boleh dikesan ini. RM1 bilion itu sebenarnya kalau kira *forensic accounting*, sebenarnya Boustead harus buat *forensic accounting* dan rakan saya Yang Berhormat Senator Dr. Radzi bin Jidin adalah pakar *forensic accounting*. So, yang penting ialah selesaikan apa yang bermasalah dan asingkan. Jadikan

projek ini macam projek sakit dan disuntikkan dengan dana yang diperlukan. So, Kerajaan Pusat selepas asingkan yang bermasalah, suntikkan dana baru untuk menyelesaikan projek ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong. Pandangan Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong akan kita ambil kira. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya, saya ingin sentuh pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili yang membangkitkan isu kerjasama antara Tentera Laut Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dalam mengukuhkan kawalan perairan di Beting Patinggi Ali.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerjasama TLDM dan APMM dalam mengukuhkan kawalan keselamatan di kawasan perairan Beting Patinggi Ali adalah melalui penggiliran penugasan kapal di kawasan perairan tersebut yang diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara. Melalui kerjasama ini, penugasan kapal TLDM dan APMM dilaksanakan selama 24 jam dan selama tujuh hari seminggu secara penggiliran.

Selain itu, kerjasama TLDM dan APMM bagi kawalan keselamatan di perairan BPA juga melibatkan perkongsian maklumat operasi secara berterusan bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan operasi kedua-dua agensi. Perkongsian maklumat operasi ini dilaksanakan melalui markas operasi masing-masing iaitu Markas Pemerintahan Armada Timur bagi TLDM dan Maritim Negeri Sarawak bagi APMM.

Seterusnya, saya ingin juga sentuh mengenai peruntukan belanjawan Kementerian Pertahanan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md Arip. Yang Berhormat Senator mengharapkan keutamaan peruntukan diberikan kepada pihak kementerian agar mampu memperlengkapkan aset-aset canggih kepada ATM serta dapat menangani masalah keusangan aset ATM. Bagi cadangan yang dibangkitkan oleh pihak pencadang ini, pihak kementerian mengucapkan terima kasih keprihatinan Yang Berhormat Senator berhubung dengan peruntukan belanjawan tahunan kepada kementerian.

Sebagai makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pertahanan telah mengetengahkan keperluan untuk mendapat peruntukan kewangan pertahanan yang stabil dan mampan bagi memastikan Angkatan Tentera Malaysia dilengkapi aset dan kelengkapan yang berupaya menangani cabaran masa kini dan akan datang. Peruntukan yang konsisten dan stabil amat diperlukan untuk memastikan perancangan kerja untuk penyelenggaraan aset-aset yang usang dapat dilakukan secara berjadual supaya aset tersebut boleh terus digunakan tanpa menjejaskan operasi dan kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia.

Pembiayaan pertahanan lazimnya bersifat jangka panjang- *long term*, dan menyeluruh. Perolehan kelengkapan pertahanan adalah satu bentuk pelaburan intensif dan

kebiasaannya proses ini melangkaui Rancangan Malaysia. Dalam konteks ini, kestabilan peruntukan tahunan akan memastikan pengurusan pertahanan dapat dibuat dengan lebih cekap dan berkesan. Perkara ini dijelaskan di dalam Kertas Putih Pertahanan yang diluluskan oleh Parlimen pada 2 Disember 2019.

Pihak Kementerian Pertahanan sememangnya sentiasa memohon peruntukan yang diperlukan pada setiap tahun kepada kerajaan untuk meningkatkan kelengkapan pertahanan dan aset-aset canggih untuk memelihara kedaulatan negara. Dengan peruntukan yang ada, Kementerian Pertahanan akan mengoptimumkan perbelanjaan untuk memastikan aset berada pada tahap kesiagaan kita yang terbaik.

Di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Kementerian Pertahanan telah diperuntukkan sebanyak RM17.4 bilion di bawah Belanja Pembangunan yang merangkumi RM2.5 bilion bagi pembinaan fasiliti dan infrastruktur pembangunan dan serta RM14.9 untuk pembelian aset-aset strategik bagi memantapkan kesiagaan Angkatan Tentera Malaysia. Pada tahun 2020 tahun ini, Kementerian Pertahanan telah menerima peruntukan sebanyak RM3.083 bilion yang terdiri daripada pecahan sebanyak RM2.57 bilion untuk kelengkapan dan sebanyak RM516 juta untuk pembinaan. Kementerian Pertahanan akan terus komited dalam memastikan pertahanan negara diperkukuh sepanjang masa demi melindungi kepentingan Malaysia dan mempertahankan kedaulatan serta keutuhan wilayah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin sentuh tentang status tanah kegunaan Kementerian Pertahanan di Tebrau dan Skudai, Johor yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim dan status tanah di Sungkai, Perak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim mengenai status tanah di Skudai dan Tebrau. Adakah tanah di Skudai akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Johor? Untuk makluman Yang Berhormat Senator, tanah di Skudai masih milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk kegunaan Kementerian Pertahanan. Tidak ada dalam pengetahuan kementerian yang tanah ini akan diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri Johor. Bagi tanah di Tebrau pula, ia hanya melibatkan tanah di Lot 139 dan tanah ini telah pun dipindah milik kepada KCSB Sdn. Berhad pada 30 Julai 1999.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid, tentang status tanah di Sungkai, Perak. Suka saya memaklumkan, tanah kegunaan Kementerian Pertahanan di kawasan berkenaan adalah di Lot 5848, Lot 5847, PT 4815, PT 4816, PT 4817 Mukim Sungkai, Daerah Batang Padang, Perak yang berkeluasan seluas 1,222.772 ekar adalah merupakan tanah milik Persekutuan.

Untuk sebagai makluman Yang Berhormat Senator, sebahagian daripada tanah berkenaan yang berkeluasan 294.3 ekar telah disewa kepada beberapa syarikat untuk mengusahakan aktiviti pertanian seperti tanaman kontan, mengutip hasil sawit, tanaman jambu batu dan berbagai-bagai lagi hasil tanaman. Tujuan sewaan tanah tersebut adalah memastikan kerajaan mendapat hasil daripada aktiviti sewaan tanah di samping mengelak berlaku pencerobohan bagi pihak yang tidak bertanggungjawab.

Bagi cadangan Yang Berhormat Senator, agar Persatuan Veteran ATM atau Yayasan Veteran untuk mengusahakan lot-lot tanah berkenaan. Pihak Persatuan Veteran ATM atau Yayasan Veteran perlu mengemukakan permohonan penyewaan tanah kepada pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) Kementerian Tanah dan Sumber Asli untuk pertimbangan dan kelulusan pihak kementerian berkenaan.

Isu yang seterusnya yang saya ingin sentuh mengenai isu penempatan pos tentera dan pembinaan markas tentera yang dibangkitkan oleh tiga Ahli Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Senator Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid, Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili dan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

#### ■1230

Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran telah mencadangkan diwujudkan penempatan atau *post-centre* di Pulau Pisang, Johor. Bagi cadangan Yang Berhormat Senator ini, suka saya jelaskan semenjak Januari 2013 lagi Tentera Darat telah menempatkan satu platun tentera bagi mengawal dan menunjukkan kehadiran pihak berkuasa Malaysia sepanjang masa di Pulau Pisang.

Sebagai maklumat Yang Berhormat Senator, operasi di Pulau Pisang adalah di bawah kawalan Markas Briged Ketujuh Infantri di negeri Johor dengan konsep operasi yang dilaksanakan adalah menerusi pelaksanaan rondaan perimeter pulau dan mendirikan pos pemerhati.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat..

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Sehingga kini pelaksanaan operasi ini masih dikekalkan bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terjamin dari ancaman luar selain memantau operasi rumah api yang dikawal selia oleh pihak Singapura.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh gulung.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Gulung. Okey, kalau begitu saya okey yang akhir saya ada beberapa lagi.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Speaker, saya mohon cadangan bagi lagi 10 minit kepada Kementerian Pertahanan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi dua minitlah.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Dua minit [*Ketawa*] Terima kasih, terima kasih. Saya rasa yang penting isu yang terkini iaitu mengenai kematian Allahyarham Prebet Abdul Aziz.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Pangkat?

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Pangkat mungkin kena bertulislah.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Bolehlah sekali, terima kasih.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Tidak apa, Allahyarham dahulu kemudian kita tengok pangkat ya, kalau sempat. Okey, mengenai kematian Allahyarham Prebet Abdul Aziz Aznam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong yang meminta ATM memberikan kerjasama penuh kepada siasatan pihak Polis Diraja Malaysia bagi memastikan keadilan dapat diberikan kepada arwah dan keluarganya.

Bagi isu yang dibangkitkan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator dalam membangkitkan isu ini. Bagi pihak Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia, saya juga ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Prebet Abdul Aziz Aznam yang telah meninggal dunia pada 6 September 2020 yang lalu.

Sebagai makluman Yang Berhormat Senator semua, Prebet Abdul Aziz bin Aznam adalah anggota dari Pasukan Batalion Ke-10 Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Majidee, Batu Pahat, Johor. Allahyarham telah melapor ke pasukan 10 RAMD pada 11 Disember 2019. Pada 20 Januari 2020, Allahyarham telah tidak hadir bertugas iaitu tidak hadir tanpa cuti sehingga beliau menyerah diri di 10 RAMD yang dibawa sendiri oleh ahli keluarga Allahyarham pada 28 Ogos 2020 pada jam 6 petang, di mana Allahyarham tidak hadir tanpa cuti selama 218 hari.

Pada 28 Ogos 2020 hari yang sama, pada jam 11.50 malam, Allahyarham telah didapati terjatuh dari tingkat tiga blok penginapan anggota bujang. Ketika kejadian, anggota pasukan Allahyarham, pasukan 10 RAMD sedang menjalani operasi di Sabah dan hanya beberapa anggota barisan belakang berada di pasukan. Allahyarham telah dihantar dengan segera menggunakan kenderaan persendirian oleh anggota yang bertugas pada malam tersebut ke Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor. Kejadian tersebut telah dilaporkan kepada Pegawai Pemerintah dan Panglima Divisyen Ketiga Infantri pada malam yang sama.

Pada keesokannya pada 29 Ogos 2020, Allahyarham telah dipindahkan ke Wad ICU dan disahkan mengalami pendarahan dalam otak. Susulan itu pasukan 10 RAMD juga telah membuat laporan polis pada 29 Ogos 2020 di Balai Polis Batu Pahat. Pada 4 September

2020, Allahyarham telah dipindahkan ke wad *Surgical Male* untuk pemantauan dan disahkan meninggal dunia pada 6 September 2020. Jenazah Allahyarham selamat dikebumikan pada 8 September 2020 di Tanah Perkuburan Tanjung Rambutan, Ipoh, Perak.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada bedah siasat *post mortem* oleh doktor pakar dari Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru pada 7 September 2020, jam 11.40 pagi mendapati tiada kecederaan fizikal lain dalam badan jenazah yang boleh dikaitkan dengan unsur jenayah dan penderaan. Pakar forensik jenayah dan PDRM telah melawat lokasi kejadian di Pasukan 10 RAMD pada 7 September 2020 jam 4.30 petang bagi menjalani siasatan terperinci.

Walau bagaimanapun, siasatan yang dijalankan masih belum dimuktamadkan. Pihak ATM akan terus memberikan kerjasama serta bantuan kepada pihak PDRM dalam membantu siasatan. Pihak ATM berasa sangat sedih atas kejadian yang berlaku dan turut bersimpati kepada keluarga Allahyarham dan akan meneruskan siasatan sehingga keadilan terhadap Allahyarham ditegakkan.

Suka saya tegaskan, pihak ATM tidak sekali-kali berkompromi dengan sebarang kecuaiian dan pelanggaran undang-undang oleh anggota-anggotanya dan akan mengenakan tindakan yang tegas kepada pelaku-pelaku kesalahan berkenaan. Sekiranya terdapat pertuduhan atas kesalahan penderaan, pihak ATM tidak akan teragak-agak untuk memberhentikan anggota yang terlibat daripada perkhidmatan tanpa menjejaskan tindakan perundangan ke atas anggota-anggota yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, hendak teruskan kah ataupun kena *landing* sudah.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Mohon Tuan Yang di-Pertua, pembahagian pangkat. Saya sudah bangkitkan sejak 2015.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Ya, macam mana?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Satu sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Okey, terima kasih. Dia, Yang Berhormat Senator ini paling rajin ini. Dia soalan paling banyak sekali. Terima kasih, Yang Berhormat Senator, kawan saya ini. Okey, mengenai lambang pangkat ATM yang turut diguna pakai oleh agensi penguat kuasa kerajaan yang lain. Isu ini dibangkitkan oleh sahabat kita Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pakaian dan alat kelengkapan ATM telah diwartakan pada Januari 2012. Justeru, dengan pewartaan tersebut tindakan boleh diambil di bawah seksyen 140 Kanun Keseksaan yang menyatakan bahawa mana-mana orang yang bukannya anggota tentera apabila didapati memakai pakaian tentera atau membawa apa-apa tanda menyerupai seorang tentera, atau yang digunakan oleh tentera adalah dikatakan telah melakukan kesalahan.

Selain itu, seksyen 25 Akta Kesalahan Kecil 1955 juga menyatakan adalah menjadi kesalahan kepada sesiapa jua yang memakai tanpa kebenaran pakaian seragam atau apa-apa pakaian yang menyerupai atau mengandungi apa-apa lencana yang jelas bagi pakaian seragam itu atau apa-apa tiruan warna terhadapnya sebagaimana yang ditetapkan bagi kegunaan anggota bersenjata Malaysia.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Senator, atas faktor keterbatasan ATM untuk memberi teguran kepada agensi lain di mana ATM tidak mempunyai *authority* bagi mengekang penggunaan pakaian seragam celoreng ataupun *camouflage*, maka berkemungkinan yang boleh menjadi pengawal adalah Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri yang mana Setiausaha Bahagian Istiadat JPM adalah pengerusi Jawatankuasa Pakaian Seragam Kakitangan Awam dan Badan-badan Berkanun.

Penubuhan jawatankuasa ini adalah sebagaimana digariskan melalui Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2016 untuk menimbang, meluluskan dan memberi maklum balas berkaitan permohonan pakaian seragam baharu termasuk pakaian istiadat. Justeru itu adalah diharapkan Jabatan Perdana Menteri dapat menggunakan alasan jawatankuasa ini untuk mengeluarkan satu peruntukan-peruntukan berbentuk akta atau klausa yang menyeluruh bagi semua agensi kerajaan, badan berkanun, badan bukan berkanun dan swasta bagi mengawal selia sebarang bentuk penggunaan pakaian atau pangkat.

Sebagaimana makluman Yang Berhormat Senator juga, melalui Jawatankuasa Pakaian Seragam Kakitangan Awam dan Badan-badan Berkanun Bilangan 1/2020 memutuskan *taskforce* pakaian seragam yang dimulakan oleh Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara dan juga akan melibatkan APMM, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Penjara akan meneliti semula isu pemakaian serta penggunaan tanda pangkat, insinyur dan pakaian celoreng di kalangan agensi awam yang seterusnya akan menjelaskan juga perincian berkaitan corak dan warna pakaian celoreng yang bersesuaian untuk diguna pakai oleh lain-lain agensi dan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa lagi tetapi sebenarnya saya sudah jawab semua soalan-soalan yang dikemukakan Senator cuma ada yang tanya 3-4 itu mungkin tidak dapat jawab. Jadi, saya yang itu nampak gayanya terpaksa jawab secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Jadi ingin saya berterima kasihlah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator. Ingin saya tegaskan dan memberi jaminan kepada semua sesungguhnya Kementerian Pertahanan dan ATM sentiasa bersedia memastikan keselamatan rakyat dan kedaulatan negara kita terjamin dan

terpelihara. Kita semua boleh tidur lena, *insya-Allah*. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan kita telah menjawab dengan baik dan panjang lebar. Sekarang saya jemput pula nombor 3, Menteri Kementerian Kerja Raya. Silakan.

■1240

12.40 tgh.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Titah Diraja yang menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya semasa perbahasan yang lalu. Terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan.

Saya akan menggunakan kesempatan ini dengan sebaik mungkin bagi memberikan jawapan bagi setiap persoalan dan cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat Senator. Saya akan terus menjawab pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose mengenai status Projek Lebuhraya Pan Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, secara keseluruhannya, status kemajuan fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah sehingga Ogos 2020 adalah sebanyak 36 peratus bagi 11 pakej kerja yang sedang dilaksanakan. Manakala tiga pakej kerja baharu dan satu pakej kerja melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna yang telah ditamatkan kontrak kini sedang ditender yang dijangka akan dimuktamadkan pada tahun ini.

Ini menjadikan keseluruhan 15 pakej kerja yang telah komited akan diteruskan pelaksanaannya pada RMKe-11. Ini dengan kos dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan baki 20 pakej kerja Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah pula adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa kerajaan.

Bagi Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, satu pakej kerja iaitu Pakej Telok Melano ke Sematan telah siap sepenuhnya pada Januari 2019. Manakala status kemajuan pembinaan sehingga Ogos 2020 bagi 10 pakej kerja dari Sematan ke Miri yang kini sedang giat dilaksanakan adalah sebanyak 55 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, seperti mana projek-projek Kerajaan Persekutuan yang lain di negeri Sabah dan Sarawak, kerja-kerja pengambilan balik tanah bagi Projek Lebuhraya Pan Borneo turut dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) bagi negeri Sabah dan Jabatan Tanah dan Survei atau *Land and Survey* (L&S) bagi negeri Sarawak.

Kaedah pengambilan balik tanah yang dilaksanakan bagi tujuan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak ini adalah serupa dengan kaedah yang dilaksanakan bagi tujuan projek-projek Kerajaan Persekutuan yang lain iaitu mengguna pakai Ordinan Pengambilan Tanah Sabah dan Kanun Tanah Sarawak. Ini termasuklah asas-asas kepada penetapan nilai pampasan semasa terhadap tanah-tanah yang terlibat dengan pengambilan balik oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, segala isu-isu yang berbangkit dengan pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo akan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Eksekutif atau, dengan izin, *Executive Committee Exco* yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan dihadiri oleh pelbagai agensi yang terlibat. Ini termasuklah isu-isu yang berkaitan dengan pengambilan balik tanah. Jawatankuasa Eksekutif ini akan meneliti isu-isu bagi mempermudah dan mempercepatkan pelaksanaan projek tanpa mengabaikan kepentingan pemegang taruh yang berkenaan termasuklah pemilik-pemilik tanah.

Bagi isu pampasan pemilik tanah di Sabah, sehingga kini, proses pembayaran pampasan kepada pemilik tanah masih lagi dilaksanakan secara berperingkat oleh pihak JTU Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja Raya sentiasa mengambil maklum dan amat prihatin terutamanya yang melibatkan aspek keselamatan bagi mengelakkan insiden kemalangan yang melibatkan sama ada nyawa manusia atau haiwan terancam. Pihak Kementerian Kerja Raya melalui pegawai penguasa Jabatan Kerja Raya Sabah sentiasa meneliti, berbincang dari semasa ke semasa bagi melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan untuk meningkatkan aspek keselamatan di sepanjang jajaran projek LPB Sabah yang sedang dibina.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih selanjutnya kepada isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz mengenai status pembinaan dan naik taraf Jalan Putra dari Alor Setar melalui Jerlun sehingga ke sempadan Perlis.

Mengikut semakan kementerian, status semasa projek ini adalah dalam peringkat perolehan reka dan bina iaitu tender terbuka, di mana iklan tender prakelayakan telah diiklankan pada Mei 2020 dan telah ditutup pada Jun 2020. Manakala surat pelawaan bagi

pra tender yang layak dijangka akan dikeluarkan pada pertengahan September ini dan akan ditutup pada bulan November depan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, sekian sahaja ucapan penangguhan saya mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Kerja Raya. Segala teguran dan cadangan akan diambil perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Eddin Syazlee bin Shith, Timbalan Menteri Kerja Raya. Terima kasih banyak atas kerjasama dan masa itu. Jawapan yang tepat dan baik.

Sekarang saya jemput pula nombor empat, Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Dipersilakan.

#### 12.47 tgh.

**Menteri Pendidikan [Dr. Radzi bin Jidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyentuh perkara di bawah tanggungjawab KPM.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tahun ini adalah tahun yang sangat mencabar dan kita tidak pernah lalui situasi sebegini. Seluruh dunia terkesan dengan pandemik COVID-19 dan kesannya cukup mendalam khusus bagi sektor pendidikan. Sekolah terpaksa ditutup selama hampir empat bulan di mana seramai lebih 5 juta orang murid tidak dapat hadir ke sekolah.

Dalam tempoh perbahasan Titah Diraja mulai 2 hingga 9 September 2020, terdapat lebih 50 pertanyaan berkaitan KPM yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili, Yang Berhormat Datuk Haji Ismail bin Ibrahim, Yang Berhormat Datuk Ng Chiang Chin, Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid dan Yang Berhormat Puan Susan Chemeraï Anding menyentuh tentang kaedah pembelajaran semasa PKP termasuklah pembelajaran secara dalam talian.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus komited untuk memastikan semua murid di seluruh negara tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat sepanjang tempoh PKP. KPM berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *home-based learning* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Kaedah *home-based learning* ini dilaksanakan melalui pelantar pembelajaran digital iaitu MOEDL yang kemudiannya dikenali sebagai *Digital Education Learning Initiative*

*Malaysia* ataupun DELIMa. Melalui pelantar ini, murid dan guru boleh akses kepada aplikasi seperti *Google Classroom* dan *Google Meet*, *Microsoft 365*, *Apple Teacher Learning Center*, buku teks digital, video PDP kuiz dan video permainan pembelajaran. Selain itu, ibu bapa juga boleh akses *EduwebTV* dan *CikgooTUBE* untuk membantu dalam pembelajaran anak-anak mereka di rumah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, KPM telah menjalankan kajian kesediaan murid dalam pembelajaran secara dalam talian atau *online learning* pada 28 Mac hingga 2 April 2020.

#### ■1250

Kajian ini melibatkan lebih 670 orang responden yang terdiri daripada ibu bapa kepada lebih atau hampir 900 ribu orang murid. Dapatan kajian menunjukkan enam peratus murid memiliki komputer peribadi, 9.3 peratus murid memiliki komputer riba, 5.8 peratus murid memiliki tablet dan 46.5 peratus murid memiliki telefon pintar. Di samping itu, terdapat juga murid yang memiliki lebih daripada satu peranti bagi kegunaan pembelajaran secara dalam talian. Namun, dalam masa yang sama masih terdapat 36.9 peratus murid yang tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan berkesan kerana tidak mempunyai peranti yang bersesuaian. Di samping itu, terdapat juga kekangan dalam akses kepada Internet. Keadaan ini menyebabkan pembelajaran tidak dapat berlaku secara menyeluruh dan seragam kepada semua murid. Selain itu, PdP secara dalam talian merupakan sesuatu yang baharu untuk kebanyakan guru, murid dan ibu bapa. Mereka masih memerlukan masa untuk menyesuaikan dengan kaedah baharu ini. KPM sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran secara seragam termasuk juga murid di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian Internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara talian, *home-based learning* turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan. Siaran dilaksanakan melalui saluran TV Okey dan saluran TV Astro 601 dan 603. Rancangan radio pendidikan juga dilaksanakan menerusi siaran Kedah FM, Terengganu FM dan Johor FM. Di samping itu, terdapat juga guru yang melaksanakan PDP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid. Serahan bahan ini dibuat melalui pelbagai kaedah seperti perkhidmatan pos, bantuan penghantaran oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan kaunter pandu lalu di sekolah.

Segala usaha yang dilaksanakan ini jelas menunjukkan pihak sekolah serta guru begitu komited dan telah berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan murid tidak ketinggalan dalam mengikuti pembelajaran. KPM ingin merakamkan penghargaan kepada semua guru atas segala yang telah dilaksanakan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran diteruskan walaupun dalam keadaan yang mencabar.

Selain itu, KPM juga turut menghargai peranan ibu bapa dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran di rumah berjalan dengan baik. KPM akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan kaedah *home-based learning* ini dari semasa ke semasa. Buat masa ini KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital termasuklah pelaksanaan *home-based learning*.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sekolah telah dibuka semula secara berperingkat pada 24 Jun 2020. Pihak sekolah dan guru telah membuat persiapan rapi bagi memastikan keselamatan dan kesihatan murid, guru serta kakitangan sekolah sepanjang mereka berada di sekolah. KPM menyediakan garis panduan pengurusan pembukaan semula sekolah serta garis panduan tambahan sebagai rujukan. Setiap garis panduan yang disediakan telah mendapat pengesahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Selain menyusun atur bilik darjah dengan mengambil kira penjarakan fizikal, persiapan penting lain adalah menyediakan peralatan dan bahan seperti alat pengimbas suhu badan, sanitasi tangan dan sabun pencuci tangan yang mencukupi untuk warga sekolah. Bagi tujuan tersebut, KPM telah menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah untuk melaksanakan proses perolehan dengan perbekalan peralatan atau bahan yang diperlukan.

Sehingga Julai 2020, KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM57.88 juta kepada JPN dan PPD. Di samping itu, pihak sekolah ada menerima sumbangan peralatan yang diperlukan daripada pelbagai pihak. KPM mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua penyumbang. Selepas sekolah dibuka semula, KPM terus bekerjasama rapat dengan KKM dan MKN bagi memastikan sesi persekolahan berjalan dalam keadaan selamat. Perbincangan juga dibuat untuk melihat sekiranya ada keperluan bagi menambah baik garis panduan pengurusan pembukaan semula sekolah.

Di peringkat negeri, KPM sentiasa memantau perkembangan sesi persekolahan melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Pengarah JPN merupakan ahli dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri

(JPBN) yang turut dianggotai oleh Pengarah Kesihatan Negeri dan Setiausaha Keselamatan Negeri iaitu MKN negeri.

Sehubungan itu KPM melalui Pengarah JPN akan berbincang bersama-sama semua pihak yang berkaitan untuk melihat sekiranya terdapat keperluan menutup sekolah bagi mencegah penularan wabak COVID-19 di mana-mana kawasan yang terlibat. Sebagai contoh, selepas pengumuman pelaksanaan kawalan pergerakan antara bahagian di negeri Sarawak pada 29 Julai 2020, JPBN Sarawak dengan persetujuan KPM telah memutuskan untuk menangguhkan pembukaan semula 213 buah sekolah di daerah Kuching.

Ini melibatkan 87 buah sekolah di bawah PPD Kuching dan 99 buah sekolah di bawah PPD Padawan dan 27 buah sekolah di bawah PPD Samarahan. Pembukaan semula sekolah yang diumumkan pada 3 Ogos 2020 telah ditangguhkan kepada 17 Ogos 2020. Pada waktu itu kelas bagi pra sekolah, Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 beroperasi seperti biasa di ketiga-tiga PPD tersebut.

Bagi sekolah-sekolah yang ditutup, *home-based learning* masih dilaksanakan untuk memastikan murid yang terlibat terus dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan kaedah ini merupakan kesinambungan daripada pengajaran dan pembelajaran dalam kelas iaitu guru memberi tugas secara berstruktur kepada murid. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Zaeidi bin Haji Suhaili menyentuh tentang kesiapsiagaan KPM untuk peperiksaan awam semasa dalam situasi PKP.

KPM telah membuat penjadualan semula takwim peperiksaan tahun 2020 bagi membolehkan calon mempunyai tempoh pembelajaran yang mencukupi dan dapat membuat persediaan rapi sebelum menduduki peperiksaan. Penjadualan ini juga membolehkan KPM mengatur semula pelbagai aspek logistik berkaitan pelaksanaan peperiksaan.

Bagi membolehkan pentaksiran dan peperiksaan awam dapat dilaksanakan secara teratur dan lancar dengan mengambil kira keselamatan murid, guru serta petugas peperiksaan, KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Pentaksiran Pusat dan Peperiksaan Awam. Garis panduan ini merangkumi panduan pengurusan pentaksiran pusat dan peperiksaan awam kepada pentaksir dan petugas peperiksaan serta pegawai pengurus peperiksaan di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah.

Seterusnya, saya akan menyentuh berkaitan projek naik tarif dan baik pulih bangunan daif di sekolah. Ahli Yang Berhormat Datuk Paul Igai telah menyentuh perkara berkaitan bangunan daif di sekolah, di negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas- RMKe-11 iaitu bagi tahun 2016 hingga tahun 2020, sejumlah RM3.055 bilion telah diluluskan untuk projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif bagi 773 buah sekolah di seluruh negara. Peruntukan ini digunakan untuk menaik taraf atau membina semula bilik darjah, asrama, bangunan pentadbiran dan kemudahan lain.

Bagi negeri Sarawak, sejumlah RM1.388 bilion telah diluluskan untuk projek menaik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di 291 buah sekolah. Sehingga 9 September 2020 sebanyak 173 projek telah siap, 46 projek masih dalam pembinaan dan baki 72 projek berada di dalam fasa pra bina.

Dalam melaksanakan projek pembangunan yang telah diluluskan, KPM perlu menangani pelbagai cabaran yang menjejaskan kelancaran pelaksanaannya. Ini termasuklah aksesibiliti yang terhad berikutan tapak projek yang berada di kawasan pedalaman, pelbagai mod pengangkutan melalui darat, air dan udara perlu digunakan bagi membawa bahan mentah serta pekerja ke tapak projek.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, banyak poin baik akan dibuat lagi kan. Ini sudah pukul 1, minta Yang Berhormat sambung.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Sambung, tidak boleh teruskan 10 minit lagi ya Tuan Yang di-Pertua. Boleh teruskan 10 minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lima minit.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Tempoh 10 minit saya habiskan. Lima minit pun tidak apa, saya habiskan terus.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita sambung karang.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Sambung terus ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lepas *lunch* karang.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Lepas *lunch*?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus poin itu ya.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Terima kasih.

**Timbalan ang di-Pertua:** Jadi kita tangguhkan sebab kita ada majlis lagi ya. Jadi Yang Berhormat, Yang Berhormat Dr. Radzi bin Jidin telah memberi bagus punya poin-poin kepada kita berkenaan pendidikan. Kita minta Yang Berhormat sambung selepas kita tangguhkan.

Jadi sudah pukul 1 lebih, saya tangguhkan mesyuarat ini ke sampai 2.30 petang karang. Terima kasih banyak. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]**

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]***

■1430

***[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya hendak sambung semula kepada Kementerian Pendidikan. Saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Radzi bin Jidin saya beri peluang lima minit lagi ya. Dipersilakan Yang Berhormat, itu janji ditepati ya. Sila.

**2.33 ptg.**

**Menteri Pendidikan [Dr. Radzi bin Jidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi negeri Sarawak, sejumlah RM1.388 bilion telah diluluskan untuk projek menaik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di 291 buah sekolah. Sehingga 9 September 2020, sebanyak 173 projek telah siap, 46 projek masih dalam pembinaan dan baki 72 projek berada dalam fasa pra bina.

Dalam melaksanakan projek pembangunan yang telah diluluskan, KPM perlu menangani pelbagai cabaran yang menjejaskan kelancaran pelaksanaannya. Ini termasuklah *accessibility* yang terhad berikutan kedudukan tapak projek yang berada di kawasan pedalaman. Pelbagai mod pengangkutan melalui darat, air dan udara perlu digunakan bagi membawa bahan mentah serta pekerja ke tapak projek.

Kedua, faktor geografi di lokasi projek termasuklah struktur tanah dan muka bumi.

Ketiga, bencana alam seperti banjir besar, tanah runtuh dan hujan yang berpanjangan.

Bagi tahun 2020, KPM telah menyediakan peruntukan sebanyak RM18.5 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan, kemudahan dan fasiliti di 390 buah sekolah di Sarawak. Peruntukan ini digunakan untuk pelbagai skop penyelenggaraan seperti pembaikan struktur, pendawaian elektrik, sistem kumbahan dan kerja penyelenggaraan lain yang tidak melibatkan struktur.

Selain itu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta di bawah Program Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRE PRIHATIN) Tahun 2020 untuk melaksanakan kerja-kerja naik taraf dan baik pulih sekolah dan kemudahan di negeri Sarawak. PRE PRIHATIN dijangka memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 413 buah sekolah.

KPM sentiasa komited dalam meneruskan pelaksanaan projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah bagi memastikan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang selamat dan kondusif dapat disediakan untuk warga sekolah. KPM

akan terus bekerjasama rapat dengan JKR Malaysia, JKR Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak termasuk pihak berkuasa tempatan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek.

Seterusnya berkaitan tentang capaian Internet di sekolah seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding, sehingga 30 Jun 2020 daripada 10,220 buah sekolah di seluruh negara, sebanyak 141 buah sekolah masih belum mempunyai capaian Internet. KPM sedang berusaha untuk memastikan sekolah-sekolah tersebut akan mendapat capaian Internet untuk kegunaan warga sekolah.

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid membangkitkan capaian internet di SK Kampong Kudung, Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, SK Kampong Kudung telah disambung dengan satu talian Internet melalui pembekal perkhidmatan Internet ISP Celcom dengan menggunakan teknologi 4G atau 3G.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin menyentuh mengenai cadangan pembangunan sekolah sukan di negeri Kelantan. Bagi keperluan menempatkan murid berbakat dalam sukan di negeri Kelantan khususnya, pihak KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan telah pun menubuhkan sebuah sekolah sukan negeri iaitu SMK Putera Kota Bharu yang berfungsi sebagai pusat kecemerlangan sukan peringkat negeri.

Sekolah Sukan Negeri Kelantan mempunyai seramai 417 orang murid dan 11 orang jurulatih yang berkelayakan dalam sukan badminton, olahraga, bola sepak, bola jaring, sepak takraw, hoki dan gimnastik artistik. Prasarana sukan yang disediakan di Sekolah Sukan Negeri Kelantan ialah stadium mini berserta trek 400 meter, padang bola sepak, gelanggang serba guna terbuka berbumbung, gelanggang terbuka dan dewan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga bertanggungjawab dalam program pembangunan sukan di peringkat daerah melalui pusat latihan daerah di seluruh negara. Bagi negeri Kelantan, sebanyak 51 buah sekolah telah terpilih sebagai pusat latihan daerah. Antara sukan yang ditawarkan adalah bola sepak, hoki, badminton, sepak takraw, olahraga, memanah dan gimnastik artistik.

Di samping itu, KPM juga telah menubuhkan Sekolah Sukan Malaysia yang boleh menempatkan murid yang cemerlang dan berpotensi dalam sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Oleh itu, murid yang berpotensi dari negeri Kelantan boleh ditempatkan di Sekolah Sukan Malaysia termasuklah yang terletak di negeri Pantai Timur iaitu Sekolah Sukan Malaysia Pahang dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu.

Pada masa ini, KPM memberi fokus untuk memperkasakan sekolah sukan negeri di seluruh negara. KPM juga berpandangan bahawa pusat kecemerlangan sukan yang sedia ada di bawah KPM masih berupaya untuk menampung keperluan semasa bagi menempatkan atlet murid yang cemerlang dalam bidang sukan.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi telah menyentuh dengan mendalam beberapa perkara berkaitan pendidikan khas Pusat Genius Kurnia. Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Genius Kurnia telah memulakan operasinya pada November 2019 dengan menawarkan tiga jenis program iaitu Program Harian, Program Sokongan Keluarga dan Program Pendidikan Komuniti.

Semenjak pusat ini beroperasi sehingga Ogos 2020, kanak-kanak autisme yang telah menerima intervensi di Pusat Genius Kurnia adalah seramai 2,184 orang. Manakala ibu bapa yang telah menerima bimbingan dan latihan berkaitan intervensi awal untuk kanak-kanak autisme adalah seramai 65,311 orang.

Kesemua program di Pusat Genius Kurnia membolehkan kanak-kanak autisme, keluarga dan komuniti mendapatkan intervensi dan memahami cara terbaik dalam menjaga, mendidik serta menguruskan anak-anak istimewa ini.

#### ■1440

Di antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan bilangan Pusat GENIUS Kurnia adalah seperti berikut.

Pertama, satu Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak (Integrasi) GENIUS telah siap dibina di Putrajaya. Pusat ini menggabungkan Program GENIUS Negara dan Program GENIUS Kurnia. Pusat ini mula beroperasi pada 1 Mac 2020 dan merupakan cawangan pertama Pusat GENIUS Kurnia.

Bagi meningkatkan akses pendidikan dan intervensi awal untuk kanak-kanak, KPM telah pun memohon peluasan Pusat GENIUS Kurnia di setiap negeri dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Ini bagi memastikan Pusat GENIUS Kurnia dengan kapasiti yang bersesuaian dapat disediakan di setiap negeri. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Merujuk kepada perkhidmatan intervensi awal, KPM melaksanakan perkhidmatan intervensi awal kepada kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun melalui Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas yang terdapat di semua negeri di Malaysia kecuali Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur dan Labuan. Perkhidmatan intervensi awal yang dilaksanakan merangkumi penilaian, sesi terapi dan konsultasi. Perkhidmatan ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran murid dalam domain perkembangan melalui intervensi berkaitan kesediaan ke sekolah. Intervensi awal yang merangkumi sosio-emosi, kognitif, pertuturan bahasa, kemahiran motor kasar dan motor halus dan kemahiran awal pendengaran.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulungkan. Ada lagi dua minit.

**Dr. Radzi bin Jidin:** Dua minit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya habiskan sedikit tentang pusat intervensi ini dan saya akan gulung.

Khidmat sokongan dan intervensi awal yang dilaksanakan akan menyumbang kepada peningkatan enrolmen murid berkeperluan khas dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI). Sehingga Mac 2020, seramai 778 kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun telah menerima khidmat sokongan dan intervensi di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bertanyakan soalan. Untuk soalan-soalan yang masih belum terjawab, saya akan sampaikan jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kemudian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Radzi bin Jidin, kita punya Menteri Pendidikan. Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Seterusnya kita jemput pula Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kita yang ada di sini. Dipersilakan.

### **2.43 ptg.**

**Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada 11 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Saya terus pergi ke Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin.

Sepertimana yang kita sedia maklum, sebagai salah satu strategi utama dalam usaha mencegah dan menjadi *deterrence* kepada orang ramai daripada memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] akan dipinda bagi meningkatkan hukuman berkaitan kesalahan memandu dengan tidak mematuhi peraturan jalan yang merangkumi memandu dalam keadaan mabuk di bawah pengaruh alkohol, dadah serta memandu secara melulu dan berbahaya.

Rang undang-undang ini telah pun dibentangkan, dibahaskan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 26 Ogos yang lalu. Seterusnya, rang undang-undang ini akan dibawa ke Dewan yang mulia ini dalam minggu depan dan akan dibahaskan dalam Dewan ini untuk mendapatkan kelulusan.

Secara spesifik pindaannya. Seksyen 41 hingga seksyen 45 merupakan komitmen kerajaan untuk memastikan tindakan tegas bagi kesalahan pemanduan di bawah pengaruh alkohol, dadah atau memandu secara melulu termasuklah merempit.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris untuk masukkan hukuman mati di dalam pindaan akta ini, di bawah subseksyen 44(1) Akta 333, elemen yang perlu dibuktikan adalah orang kena tuduh (OKT) yang memandu di bawah pengaruh minuman

yang memabukkan akibat daripada tindakan memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan itu, dia telah menyebabkan satu kematian.

Oleh demikian, elemen pembuktian di bawah seksyen 44(1) ini tidak mensyaratkan keperluan untuk membuktikan mens rea ataupun minda yang bersalah khususnya untuk menyebabkan kematian sebagaimana peruntukan berhubung dengan kesalahan membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan [Akta 574], kesalahan membunuh orang yang sekiranya disabitkan kesalahan boleh membawa hukuman mati. Dengan erti kata yang lain, dia perlu dibuktikan *beyond reasonable doubt*. Oleh yang demikian, berikutan dengan perbezaan elemen pembuktian jenayah ini...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sikit penjelasan. Boleh Yang Berhormat Menteri?

Akta yang hendak dipinda untuk mencegah daripada berlakunya kemalangan maut. Saya masih lagi tidak berpuas hati kenapa pihak kerajaan sangat takut untuk hendak memasukkan hukuman mati. Hukuman mati kepada pemabuk. Mabuk, mabuk! Dia memang sengaja hendak pergi mabuk dan dia memandu dengan keadaan yang tidak sedarkan diri. Bermakna menjurus kepada pembunuhan.

Jadi, saya tidak faham. Kalau kita masukkan hukuman mati, bukan hukuman mati mandatori. Hukuman mati, yang mana boleh lagi dibincangkan. Akan tetapi saya tengok yang hendak meminda Perlembagaan ini takut sangat hendak masuk pada hukuman mati.

Jadi, soalan saya, Yang Berhormat Menteri. Untuk kita mencegah sesuatu perkara yang membawa maut, rakan kita yang sepatutnya boleh hidup, keluarga dia boleh bergembira dengan anak isterinya, akhirnya pemabuk langgar rumah dia, mati orang dalam itu. Jadi saya hendak minta penjelasan, kenapa takut sangat pihak kerajaan hendak letak hukuman mati dalam pindaan Akta 333? Terima kasih.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya tidak ada kena mengena dengan soal takut atau berani kerana apa yang kita lakukan, kita telah membuat satu kajian soal selidik. Daripada 345 ribu orang, ada yang mengatakan hukuman kena ditingkatkan, ada yang kata hukuman mati terus. Kita bincang dengan peguam, kita merujuk kepada Jabatan Peguam Negara dan kita melihat dalam sistem undang-undang kita, bukan kita hendak kenakan satu hukuman mati itu boleh dibuat sewenang-wenangnya. Ia kena dibuktikan *beyond reasonable doubt*. Mesti ada bukti yang kukuh.

Kalaulah seseorang itu, kalau ikutkan Akta Pengangkutan Jalan, apa yang kita buat sekarang ialah apabila nilai ambang- *threshold* itu, kalau lepas, dia akan terus dikenakan tindakan. Kalau sekadar dia minum, juga akan dipenjarakan. Kalau dia melanggar mati

seorang, dia punya hukuman lebih berat. Kalau kesalahan berulang kali kedua, lebih berat sampai 20 tahun.

Ini bermaksud kita boleh buktikan dengan nilai ambang yang telah dilepasi. Kalau di mahkamah hendak buktikan seorang bunuh orang, niat itu perlu kita buktikan *beyond reasonable doubt*. Oleh sebab itu, bukan kita tidak hendak tetapi dalam soal ini, kita kena buktikan dengan elok, mesti ada justifikasi dan kita juga merujuk kepada Pendaftar Mahkamah untuk lihat sama ada hukuman ini setimpal atau tidak.

Ini tidak bermaksud dalam kes orang langgar yang sengaja mabuk, dia boleh terlepas. Saya hendak beritahu, bagi amaran. Sesiapa yang sengaja mabuk, polis boleh siasat dan didapati kalau ada elemen jenayah yang lain dan memang berniat hendak bunuh orang, boleh disabitkan kesalahan atau boleh dibuktikan niat itu. Saya rasa kita serahkan kepada polis dan ambil tindakan terus. Kalau dirasakan Akta Pengangkutan Jalan ini tidak memadai, boleh gunakan seksyen 302 di bawah Kanun Keseksaan. Tidak menjadi masalah.

Saya teruskan kepada jajaran ECRL. Yang Berhormat Dato' Kesavadas ada menyebut tentang projek ECRL.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan prihatin tentang pembangunan luar bandar dan akan memastikan kelestarian suatu projek agar manfaatnya dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Dalam hubungan itu, kerajaan telah meneliti impak jajaran ECRL terutamanya untuk seksyen C. Ya, kerajaan terdahulu hendak dibuat ke bahagian selatan sedikit tetapi setelah kerajaan yang baharu mengambil alih, kita melihat secara profesional. Kita melihat jajaran itu sama ada ia akan memberi *viability* kepada projek tersebut. Ini kerana kita kena lihat, kena bersandarkan kepada *viability* itu 30 peratus adalah bersandarkan kepada penumpang dan 70 peratus adalah bersandarkan kepada muatan kargo.

#### ■1450

Jadi persoalannya, apabila kita buat penilaian ini, kita lihat dari segi kos. Kita gunakan pendekatan *value engineering* dan sebagainya. Setelah kita teliti setiap satu seksyen, maka kita telah memberi perhatian khusus kepada seksyen C, di mana Temerloh, Gombak, Serendah, Pelabuhan Klang yang memberi *value for money*. Di mana ia meningkatkan ketersambungan rel kargo ke hab kargo aktif melalui pembinaan *Serendah Bypass*. Ramai tidak tahu, kalau kita selesaikan masalah di Selatan ini, apabila kita hendak selesaikan- kalau misalan, Mentakab turun daripada Simpang Pelangai, masuk kepada Kuala Kelawang, terus pergi ke Nilai, Bangi sampai Putrajaya, terus sampai ke Rimbayu ataupun di Jenjarom. Akan tetapi kita kena tukar *loco*. Tukar *loco* maksudnya, ia bukanlah satu *seamless connectivity*. Kita kena tukar *wagon*, baharulah ia boleh sampai ke Pelabuhan Barat, sebab apa?

Oleh kerana kita kena menyeberangi Selat Lumut, di mana akan dibuat satu jambatan terbuka- *draw bridge*. Dengan jambatan terbuka, kita tidak boleh *electrified* daripada Kota Bahru sampai Dungun, Dungun sampai Mentakab, Mentakab sampailah ke Jenjarom. Itu boleh tetapi selepas Jenjarom, untuk kargo ini kita kena bawa dengan diesel unit. Bermaksud, kita kena melalui dua proses *double handling*.

Akan tetapi apa yang jadi isu pada kita sekarang ialah *Serendah Bypass*, sudah lima mantan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kata ini penting, kritikal. Sudah selama 15 tahun kita minta supaya peruntukan boleh diberi, begitu besar sekali. Kebetulan dalam Pakej Jajaran Asal ini, *Serendah Bypass* adalah sesuatu yang perlu kita hubungkan. Di mana daripada ITT Gombak, kita akan sambung kepada Serendah, Serendah terus kepada Jalan Kastam, terus dihubungkan kepada Pelabuhan Barat dan juga Utara.

Itu akan menjadikan satu *land bridge* dan memberi nikmat, faedah yang terbaik untuk pembangunan ekonomi. Jadi, itu baik untuk Selangor, kita bincang dengan semua kerajaan negeri. Jadi, dalam proses tiga bulan, kita telah mengadakan sesi menghadap dengan Tuanku, bincang dengan pejabat tanah, dengan Yang Berhormat Menteri Besar dan sebagainya. Saya rasa kita akan melakukan terbaik demi rakyat. Itu yang kita kena lihat.

Satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu, telah menyarankan supaya kerajaan menyegerakan semua projek infrastruktur seperti ECRL, MRT2, MRT3, betul.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan amat komited dan kita pastikan Projek ECRL ini dapat dilaksanakan mengikut jadual iaitu menjelang penghujung tahun 2026 kita kena selesai. Setakat ini, kita telah mencapai kemajuan sebenar sebanyak 18.17 peratus.

Bagi kawasan di sekitar Lembah Klang pula, Kuala Lumpur, kerajaan telah menjalankan projek, termasuklah meluaskan liputan rangkaian rel bandar sebagai satu langkah untuk meningkatkan perkongsian mod pengangkutan awam. Sebanyak 85 kilometer tambahan jajaran rel bandar telah dilaksanakan di bawah Program Sambungan LRT iaitu 34 kilometer yang mula beroperasi pada tahun 2016 dan penyiapan Laluan MRT Kajang, MRT1 51 kilometer yang beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017.

Dalam masa yang beberapa tahun lagi, sejauh 95.1 kilometer rel bandar akan ditambah ke dalam rangkaian Rel Lembah Klang ke Kuala Lumpur. Projek MRT Putrajaya (MRT2) sejauh 57.3 kilometer dijangka siap sepenuhnya menjelang Januari 2023, manakala Projek LRT3 sejauh 37.8 kilometer pula dijangka siap sepenuhnya menjelang Februari 2024.

Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong membangkitkan mengenai status rundingan bersama Kerajaan Brunei Darussalam mengenai caj yang dikenakan kepada rakyat Malaysia yang keluar dan masuk ke negara tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Kewangan Ekonomi Brunei Darussalam melalui siaran akhbar bertarikh 9 Julai telah memaklumkan bahawa satu Perintah Bayaran Keluar dan Bayaran Masuk 2020 dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2020. Perintah ini telah memberi kuasa kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei Darussalam untuk mengenakan caj ke atas setiap orang yang akan masuk dan keluar ke negara tersebut melalui pos-pos kawalan darat.

Caj yang dikenakan adalah sebanyak B\$3 setiap orang dan setiap hala perjalanan. Objektif utama pelaksanaan caj ini adalah untuk menyelaraskan bayaran dan caj-kej yang telah dikenakan pada masa ini kepada orang ramai yang keluar dan masuk ke Brunei melalui laluan udara dan laut. Caj ini akan dikenakan kepada semua warganegara Brunei Darussalam dan warganegara asing yang hendak keluar atau masuk ke negara tersebut melalui pos kawalan darat sama ada menggunakan kenderaan atau berjalan kaki. Dalam hal ini, kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri dan Kerajaan Negeri Sarawak telah mengutus surat kepada Kerajaan Brunei untuk memohon agar rakyat Malaysia dikecualikan daripada perintah tersebut.

Susulan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II Brunei Darussalam, Datuk Seri Setia Erywan Pehin Datu Pekerma Jaya Mohd Yusof, melalui surat bertarikh 30 Julai 2020 kepada Yang Berhormat Datuk Amar Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Ketua Menteri Kerajaan Negeri Sarawak telah maklumkan keputusan Kerajaan Brunei untuk menangguhkan tarikh kuat kuasa Perintah Kebenaran Keluar dan Masuk kepada 1 Oktober 2020.

Perkara ini sama juga dimaklumkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri Malaysia. Kerajaan akan terus berunding perkara ini dengan Kerajaan Brunei. Seterusnya, kompaun cermin gelap yang dikenakan oleh Kerajaan Brunei Darussalam kepada kenderaan Malaysia. Ya, kita sedar Yang Berhormat Senator Alan, ini adalah satu masalah. Perkara ini kita runding dengan pihak Brunei kerana kita memberi sedikit kelonggaran kepada kereta Malaysia. Akan tetapi di sana, ia langsung tidak membenarkan cermin gelap dan ini juga satu isu yang perlu dibawa apabila kita ada rundingan dua hala.

Seterusnya, kedudukan negeri Kelantan dalam menikmati kemajuan sistem pengangkutan, selaras dengan Teras 5 Dasar Pengangkutan Negara seperti mana yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Teras 5 dalam Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030, menggariskan usaha memperluaskan jejak global dan mempromosikan pengantarabangsaan perkhidmatan pengangkutan.

ECRL yang berakhir di Kota Bharu, Kelantan secara langsung akan menggalakkan pembangunan ekonomi di negeri Kelantan secara amnya dan Kota Bharu secara khususnya.

Negeri Kelantan akan dihubungkan dengan pelabuhan utama di Malaysia bagi aktiviti-aktiviti import-eksport. Perkhidmatan ECRL juga bukan sahaja memfokuskan kepada perkhidmatan kargo, ia akan menawarkan perkhidmatan penumpang.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak juga telah membangkitkan isu mengenai status Projek Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) telah dilaksanakan secara tender terbuka pra-kelayakan.

Pada masa ini, projek ini dalam proses tender pra-bida yang dijangka selesai pada Oktober 2020. Lantikan kontraktor dijadualkan pada akhir tahun 2020 dan dijangka siap pada Disember 2023. Lapangan terbang ini dijangka dapat menampung jumlah penumpang sebanyak 4 juta penumpang setahun iaitu peningkatan sebanyak 2.5 juta penumpang, berbanding dengan kapasiti yang sedia ada cuma sebanyak 1.5 juta setahun. Manakala, kapasiti jumlah pesawat yang boleh mendarat akan ditingkatkan daripada sebanyak 3 buah pesawat kepada 8 buah pesawat jenis Kod 4C dan daripada 2 buah ATR72 kepada sebanyak 3 buah ATR72.

Seterusnya, Yang Berhormat Puan Asmak juga mencadangkan supaya pihak kerajaan untuk membina Kompleks Maritim di Tok Bali, Kelantan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan tiada halangan dengan cadangan pembinaan Kompleks Maritim di Tok Bali yang dijangka akan menyumbang kepada pembangunan dan limpahan ekonomi terhadap sektor hiliran di kawasan berkenaan.

Tambahan pula, kedudukan strategik Tok Bali merupakan antara faktor utama dalam merencanakan lagi pertumbuhan aktiviti perindustrian dan ekonomi negeri secara keseluruhan. Namun demikian, Kementerian Pengangkutan berpandangan adalah wajar cadangan pembinaan Kompleks Maritim tersebut diperhalusi dan diteliti sama ada ia akan berfungsi sebagai pusat pentadbiran umum bagi hal ehwal berkaitan *maritime*, termasuklah aspek penguatkuasaan ataupun dijadikan pusat bagi sektor-sektor berkait rapat dengan *maritime* yang khusus seperti perikanan dan industri hulu- *upstream*, seperti minyak dan gas.

Yang Berhormat Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee telah mencadangkan agar kerajaan memberi bantuan untuk pelepasan cukai yang tinggi kepada pemandu *e-hailing* yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Perkara ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kita telah memberi- MOT telah wujudkan beberapa inisiatif untuk membantu golongan industri terjejas, termasuklah pemandu *e-hailing* dan penghantar barangan- *p-hailing*.

Antara inisiatif yang telah diberikan adalah menerusi bantuan PRIHATIN secara *one-off* pada pemandu *e-hailing* sebanyak RM500 seorang. Kerajaan telah melaksanakan pembayaran bantuan PRIHATIN *e-hailing* bermula April 2020 kepada seramai 78,307

pemandu *e-hailing* yang telah dikenal pasti layak menerima bantuan tersebut dengan jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan sebanyak RM35.28 juta.

#### ■1500

Namun insentif lain seperti pelepasan cukai adalah bukan di bawah bidang kuasa MOT dan perkara ini bolehlah diselaraskan dengan Kementerian Kewangan untuk pelaksanaan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu dalam perbahasannya juga membangkitkan status projek pembinaan PUSPAKOM di kawasan Bukit Beruntung, Hulu Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat Senator pada bulan Januari 2020, PUSPAKOM telah mengadakan lawatan beberapa tapak potensi di sekitar Lembah Klang termasuklah Bukit Beruntung, Selangor. Tujuan lawatan tapak tersebut adalah untuk mengenal pasti tapak yang sesuai bagi pembinaan pusat pemeriksaan PUSPAKOM yang baharu bagi menggantikan pusat pemeriksaan PUSPAKOM yang terletak di kawasan yang sibuk iaitu di Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Apa yang kita dapati ialah perkara ini belum lagi dimuktamadkan dan pada masa yang sama pihak PUSPAKOM juga ada menyediakan kemudahan perkhidmatan secara bergerak, *door-to-door service* sebagai pilihan alternatif perkhidmatan serta kemudahan pemeriksaan kepada orang ramai.

Seterusnya saya ingin memberi maklum balas kepada tiga isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Sabani. Pertama ialah cadangan mewajibkan mengemukakan laporan kesihatan untuk memperbaharui lesen memandu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, seksyen 56 Akta Pengangkutan Jalan 1987 menyatakan bahawa semua pemandu kenderaan perkhidmatan awam perlu mempunyai lesen memandu vokasional yang terdiri daripada Lesen Memandu Pengangkutan Awam (PSV) dan Lesen Memandu Kenderaan Barangan (GDL). Setiap permohonan pembaharuan lesen memandu vokasional adalah wajib disertakan laporan pemeriksaan perubatan.

Pemeriksaan kesihatan ini ialah amat penting untuk memastikan tahap kesihatan setiap pemandu adalah baik dan mampu untuk mengendalikan kenderaan barangan dan penumpang yang selamat. Namun buat masa ini, tidak ada lagi keperluan untuk mengemukakan laporan kesihatan bagi pembaharuan lain-lain lesen selain daripada lesen vokasional.

Seterusnya yang kedua adalah mengenai peruntukan dan pembinaan jeti Kuala Perlis yang baharu. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2015 Kementerian Pengangkutan melalui *Maritime Institute of Malaysia* (MIMA) telah menjalankan kajian kemungkinan pembangunan semula jeti Kuala Perlis dan Kuala Kedah.

Tujuan kajian ini antara lain untuk mencadangkan lokasi yang mempunyai kedalaman air semula jadi untuk dibangunkan sebagai jeti penumpang. Namun memandangkan kedudukan lokasi untuk tujuan pembangunan jeti penumpang terletak di luar Kuala Perlis yang mana boleh menjejaskan sosioekonomi penduduk Kuala Perlis, maka pengerukan secara berkala masih merupakan kaedah terbaik untuk mengatasi masalah pemendapan muara sungai Kuala Perlis.

Dalam hubungan ini, Jabatan Laut Malaysia telah melaksanakan kerja-kerja pengerukan alur pelayaran dengan panjang alur yang di keruk adalah 5.6 kilometer pada kedalaman dua meter *Chart Datum* di jeti Kuala Perlis dari bulan Ogos 2018 hinggalah bulan Mac 2019 dengan kos keseluruhannya berjumlah RM13.8 juta bagi mengatasi masalah mendapan.

Terkini, pada sesi permohonan projek baharu untuk RMKe-12, JLM telah menyenaraikan projek untuk kerja-kerja pengerukan juga sebanyak RM30 juta. Walau bagaimanapun, satu mesyuarat baharu diadakan untuk mencari penyelesaian menangani isu mendapan yang mengganggu alur pelayaran dan *basin* Jeti Penumpang Kuala Perlis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini perlu dilihat secara jangka panjang, termasuklah kita kena menyediakan *sediment trap* dan sebagainya. JLM sentiasa komited untuk memastikan keselamatan...

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, menggulung dua minit.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sekejap, saya tengah gulung. Ya.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon jawapan saya dijawab berhubung tiket *AirAsia*. Terima kasih.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ada-ada. Saya rasa dalam beberapa minit saya boleh dapat habiskan, sikit lagi. Projek pengerukan juga memberi manfaat yang berkesan kepada masyarakat setempat seperti nelayan dan pengusaha bot.

Seterusnya kepada industri penerbangan. Yang Berhormat Puan Hajah Sabini juga menyentuh tentang COVID-19. Saya cuma hendak secara ringkas memberitahu amat terkesan. Kalau dari segi penumpang yang kita uruskan sebelum COVID-19 banding dengan selepas COVID-19 jauh beza. Sampai hari ini pun penumpang untuk bulan lalu baharu sahaja 1.4 juta. Kalau kita dulu di KLIA dalam satu bulan, ada lebih kurang 8.5 juta dan begitu terkesannya.

Ia bukan sahaja pada syarikat penerbangan, ia juga mengakibatkan MAHB yang merupakan pengurusan *airport* ini juga menanggung setiap tahun kena bayar RM2 bilion untuk pengoperasian 39 buah lapangan terbang. Jadi kita juga membantu mereka dari segi kita kecualikan caj untuk parkir dan juga kita memberikan kemudahan kepada mereka termasuklah kita mengambil pandangan WHO dan juga ICAO. Kalau dulu kita ada *social*

*distancing* ataupun penjarakan fizikal, tetapi dalam pesawat selagi dia memakai pelitup muka kita boleh benarkan mereka buat. Itu adalah cadangan daripada antarabangsa WHO dan juga IATA.

Seterusnya saya ingin memaklumkan Yang Berhormat kepada cadangan pemulangan semula kos tiket penerbangan yang dibatalkan oleh *AirAsia*. Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran, kita sentiasa prihatin seperti mana yang kita janjikan. Dalam perbahasan tadi, Yang Berhormat telah membangkitkan isu tentang kos tiket penerbangan yang dibatalkan *AirAsia*. Kebetulan hari ini kita minta *AirAsia* datang terangkan apa sebenarnya berlaku ya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kali pertama kementerian bila dapat sahaja mendengar aduan daripada Yang Berhormat, kita panggil *AirAsia* dan *AirAsia* melalui e-melnya bertarikh 9 September telah memaklumkan bahawa mereka telah menjalankan siasatan terperinci berhubung dengan pembatalan penerbangan laluan Kuala Lumpur-Labuan AK5172 bertarikh 23 dan 24 Julai. Aduan daripada Persatuan Veteran TLDM yang memohon supaya pihak *AirAsia* memulangkan duit penerbangan. Pihak *AirAsia* ini sebenarnya apabila dah terima e-mel itu, ada sedikit masalah teknikal ialah melalui e-mel itu ada sekatan pula. Senarai itu tak diberikan, sebab apabila senarai itu tidak diberikan tertakluk kepada *password*, maka mereka ini kata kunci dia tidak ada dia hubungi balik.

Jadi respons tu dalam tujuh hari, kalau tidak *by default* dia akan hilang. Jadi walau bagaimanapun pihak *AirAsia* telah berjanji supaya perkara ini dapat diperhatikan sama ada kita memberi pulangan semula ataupun kita bagi *credit shell*. Itu yang kita boleh lakukan dengan *AirAsia*. Saya hubungkan pihak *AirAsia* dengan Yang Berhormat dan saya rasa memang wajar kita membantu veteran tentera ini.

Jadi, balik kepada cadangan Kota Bharu sebagai hab penerbangan. Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi ada menyebut tentang menjadikan Kota Bharu sebagai hab penerbangan baharu. Saya hendak beritahu di Malaysia kita ada lima lapangan terbang antarabangsa, 16 adalah lapangan terbang yang lain dan kita ada 18 adalah *slow port*, bermaksud *air port* kecil-kecil. Jadi kita sudah ada enam internasional *airport*.

Jadi cadangan kita tak berhasrat untuk meningkatkan dia sebagai lapangan terbang antarabangsa. Namun ini tidak bermaksud mereka tidak boleh mengajak mana-mana syarikat penerbangan untuk terbang. Seperti mana di Melaka, ada juga penerbangan daripada Indonesia datang ataupun di tempat-tempat lain, saya rasa tidak ada masalah.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan sentiasa menggalakkan syarikat penerbangan Malaysia untuk menyediakan, menambah kekerapan perkhidmatan penerbangan bagi laluan domestik dan antarabangsa ke LTSIP melalui laluan Kota Bharu dan Ho Chi Minh. Jadi walau bagaimanapun, cadangan untuk menyedia dan menambah

kekerapan jadual penerbangan bagi mana-mana laluan ini tertakluk kepada kemampuan syarikat penerbangan dan juga mendapat persetujuan daripada MAVCOM dan CAAM.

Itu sahaja kesemua telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat seramai 11 orang. Jadi pihak Kementerian Pengangkutan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan memberi input yang bermakna kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri dan kita ucapkan terima kasih, Yang Berhormat Menteri sendiri datang ke Dewan ini. Terima kasih banyak kerana datang menjawab, terima kasih banyak Yang Berhormat Menteri. Sekarang, kita pergi kepada Menteri Kementerian Sumber Manusia, saya *skip* dulu ya.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Yang Berhormat Menteri juga menjawab.

### **3.59 ptg.**

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu Kementerian Sumber Manusia ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah begitu prihatin dalam hal berkaitan warga pekerja dan perkembangan modal insan yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan negara. Seramai 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberikan pandangan, saranan dan teguran yang cukup membina. Sebanyak 25 isu berkaitan Kementerian Sumber Manusia telah dibangkitkan di sepanjang perbahasan Titah Yang di-Pertuan Agong mulai 2 hingga 9 September 2020.

Tuan Yang di-Pertua, daripada 16 orang Ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara berkaitan kementerian ini, seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husin Awang, Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin, Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi dan Yang Berhormat Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh yang telah membangkitkan isu-isu mengenai pengangguran dan peluang-peluang pekerjaan di negara.

### **■1510**

Tuan Yang di-Pertua, selama lebih satu dekad negara mencatatkan guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran di bawah empat peratus. Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 telah menjejaskan landskap ekonomi serta pasaran pekerjaan global termasuk Malaysia.

Jumlah penganggur terkini yang direkodkan pada Jun 2020 adalah seramai 773,200 orang iaitu peningkatan sebanyak 48.3 peratus berbanding 521,400 orang pada bulan yang sama pada tahun 2019. Data terkini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia ataupun DOSM menunjukkan bahawa kadar pengangguran Malaysia menurun kepada 4.9 peratus pada Jun 2020 berbanding dengan 5.3 peratus pada Mei 2020.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada bulan Mei lalu kita telah mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 5.3 peratus, setelah kita telah membenarkan- dengan bantuan semua rakyat Malaysia kita dapat memerangi COVID-19 iaitu mengawal dalam keadaan terkawal. Maka, kita telah membenarkan beberapa sektor untuk terus beroperasi. Maka, daripada 5.3 peratus, kita sempat turun ke 4.9 peratus. Manakala, jumlah pengangguran belia terkini pada bulan Jun 2020 adalah seramai 335,800 orang iaitu 30.1 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk yang berumur 15 hingga 24 tahun.

Sebagai perbandingan Pertubuhan Buruh Antarabangsa ataupun ILO, menerusi penerbitan *Global Employment Trends for Youth 2020* menganggarkan kadar pengangguran belia di peringkat global berada pada paras 13.6 peratus. Kadar pengangguran dalam kalangan belia ialah fenomena biasa yang dihadapi oleh kebanyakan negara membangun dan maju di dunia. Sebagai contoh, kadar pengangguran belia di United Kingdom adalah sebanyak 11.2 peratus manakala di Australia adalah sebanyak 11.7 peratus dan di Kanada sebanyak 11 peratus.

Selanjutnya, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan amat prihatin terhadap kesan pandemik COVID-19 kepada ekonomi negara. Untuk menangani situasi semasa ekonomi dan meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat, kerajaan telah memperkenalkan pakej-pakej rangsangan ekonomi termasuk PRIHATIN dan Geran Khas Prihatin tambahan serta PENJANA.

Bagi mengurangkan *massive retrenchment* atau pemberhentian pekerja secara besar-besaran, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan. Pertama, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperkenalkan Program Subsidi Upah (PSU). Program ini adalah untuk membantu majikan yang terkesan supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengekalkan pekerja yang melibatkan pengagihan dana kerajaan sebanyak RM15.3 bilion.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 4 September 2020, PERKESO telah menerima sejumlah 330,415 permohonan daripada majikan. Seramai 2.7 juta orang pekerja- angka ini telah membantu seramai 2.7 juta orang pekerja telah menerima manfaat daripada bantuan Program Subsidi Upah yang melibatkan pembayaran sejumlah RM10.29 bilion.

Selanjutnya, selain daripada bantuan bentuk subsidi upah, inisiatif lain adalah berkenaan dengan Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Latihan. Kerajaan

memperuntukkan dana sejumlah RM1.5 bilion untuk tujuan ini. Inisiatif ini merangkumi insentif pengambilan pekerja, peningkatan kemahiran pekerja dan pencari kerja serta bantuan mobiliti. Bantuan kewangan ini adalah untuk individu yang layak bagi tempoh enam bulan. Sehingga 4 September 2020, Program Insentif Pengambilan Pekerja ataupun *Hiring Incentive Programme*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, telah berjaya menempatkan seramai 28,577 orang pekerja yang melibatkan seramai 6,621 majikan dengan bayaran insentif berjumlah RM8.75 juta.

Seterusnya, kemisterian melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melancarkan inisiatif PENJANA HRDF pada 22 Jun 2020. Lima skim diperkenalkan iaitu *Place and Train*. Tuan Yang di-Pertua, walaupun sebelum ini kaedah ataupun pendekatan diamalkan adalah kita beri latihan, selepas itu baharu mencari peluang-peluang pekerjaan. Memandangkan keadaan pengangguran kali ini maka Kementerian Sumber Manusia dan PSMB telah tukar pendekatan, kali ini kita cari peluang pekerjaan dan seterusnya memberi latihan.

Maka, daripada *train & place* tukar kepada *Place and Train*. *B40 Development*, *SME Development*, *Industrial Revolution 4.0* dan Gerak Insan Gemilang (GIG) untuk golongan belia. Setakat 4 September 2020, Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah meluluskan seramai 30,085 pelatih bagi mengikuti skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan *self-employment* dengan izin.

Di bawah skim penempatan pekerjaan *Place & Train* sehingga 4 September 2020, seramai 15,512 pelatih termasuk golongan belia telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan dengan bantuan kewangan berjumlah RM82.55 juta. Selanjutnya, di bawah skim Gerak Insan Gemilang (GIG) pula akan membolehkan seseorang pelatih menceburi dalam menjana pendapatan dalam sektor ekonomi GIG setelah menamatkan latihan di PSMB. Setakat 4 September 2020, seramai 4,911 pelatih telah diluluskan dengan bantuan kewangan jumlah RM28.87 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beredar kepada isu lain, ingin saya menegaskan di sini penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan kepada semua sektor. Oleh yang demikian, program-program yang telah di perkenalkan oleh kerajaan yang prihatin telah membantu semua sektor yang terkesan termasuklah sektor-sektor pelancongan, perhotelan dan industri penerbangan.

Sukacita dimaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional (JKPN). Peranan jawatankuasa ini adalah untuk membincangkan *long-term reform initiative*, dengan izin, memandangkan terdapat isu-isu pasaran dan pekerjaan yang bersifat *structural* seperti *mismatch* dan sebagainya. Jawatankuasa ini akan menjadi medium bagi memastikan hasrat kerajaan

membantu rakyat melalui pelbagai inisiatif pasaran pekerjaan dapat dilaksanakan dengan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha untuk mengurangkan pengangguran di kalangan belia, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Tenaga Manusia (JTM) menawarkan program-program latihan dan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) kepada belia-belia melalui sejumlah 32 institusi Jabatan Tenaga Manusia termasuk Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC). Jabatan Tenaga Manusia sentiasa menyediakan laluan untuk menggalakkan lebih ramai belia menjalani latihan TVET bagi mendapatkan kemahiran baharu mahupun meningkatkan kemahiran sedia ada secara sepenuh masa dan separuh masa di JTM di seluruh negara dalam pelbagai bidang kemahiran.

Sehingga kini, JTM telah melahirkan seramai 215,869 graduan bidang kemahiran SKM Tahap 3, SKM Tahap 4 dan SKM Tahap 5. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris yang telah menyatakan dalam perbahasan beliau bahawa akses latihan TVET berkait rapat dengan kadar pengangguran yang rendah. Ini terbukti daripada Kajian Pengesanan Graduan ataupun *e-Tracer Study online system* yang dibuat terhadap graduan JTM yang mana secara puratanya 90 peratus graduan berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh kurang dari 12 bulan selepas tamat latihan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu-isu berkaitan dengan pekerja asing. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen dan Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Kerajaan sentiasa keutamaan peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan lebih-lebih lagi dengan kesan pandemik COVID-19 yang telah memberi implikasi yang besar kepada pasaran pekerja negara. Walaupun ada juga beberapa sektor tidak bersetuju dengan pendekatan kementerian supaya membekukan pengambilan pekerja asing sehingga hujung tahun tetapi kerajaan telah membuat keputusan ini salah satu cara kita memberi keutamaan kepada warga tempatan.

#### ■1520

Maka walaupun begitu berat, kementerian telah mengambil pendekatan supaya tidak membenarkan pekerja asing sehingga kita menyelesaikan ataupun sempat mengurangkan kadar pengangguran di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini terbukti apabila kerajaan mengumumkan untuk membekukan pengambilan pekerja asing baru dalam semua sektor yang dibenarkan untuk menggaji mereka sehingga 31 Disember 2020. Pada peringkat ini, kerajaan mengambil pendekatan *all out* bagi memastikan pencari kerja warganegara diserapkan dalam pasaran pekerjaan bagi mengurangkan kadar pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu mengenai latihan dan pembangunan sumber manusia. Seramai empat orang Ahli Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen dan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop membangkitkan isu mengenai latihan dan pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kepada isu yang *mismatch job skill* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, kementerian maklum mengenai kesan negatif daripada *mismatch job skill* iaitu perbezaan di antara penawaran guna tenaga berbanding keperluan permintaan tenaga kerja kemahiran oleh industri terutamanya dalam era IR4.0. Oleh yang demikian, kementerian melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) bersama pihak industri. NOSS menggariskan kepakaran serta kompetensi yang perlu ada bagi setiap pekerja mahir di Malaysia mengikut tahap dan bidang kemahiran.

Sehingga bulan Ogos 2020, sebanyak 1,966 silibus yang mengenal pasti piawaian NOSS telah dibangunkan. Ingin saya menegaskan dalam Dewan yang mulia ini, kursus-kursus yang ditawarkan oleh JTM dan pusat-pusat latihan bertauliah di bawah kementerian adalah menepati keperluan industri ataupun *industry driven*.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung soalan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu yang menyarankan PSMB untuk meningkatkan levi daripada satu peratus kepada 1.5 peratus. PSMB dan Kementerian Sumber Manusia pada masa ini secara ikhlas tidak bercadang untuk meningkatkan peratusan kutipan levi. Mengambil kira kelembapan ekonomi dan cabaran yang dihadapi oleh sektor-sektor ini, kementerian telah membuat keputusan supaya tidak meningkatkan atau membebankan para industri.

Peningkatan ini dilihat akan memberi kesan kepada kos operasi syarikat dan membebankan para majikan terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana yang pada masa ini sedang berhadapan dengan impak pandemik COVID-19. Ini adalah kerana daripada keseluruhan 32,148 majikan yang membayar levi, 87 peratus adalah majikan PKS.

Pada masa yang sama 27 Mac 2020 yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pengecualian bayaran levi Pembangunan Sumber Manusia untuk tempoh enam bulan bagi semua sektor dalam membantu meringankan beban para majikan dalam menghadapi impak pandemik ini.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, Pembangunan Sumber Manusia Berhad tidak bercadang menaikkan levi kerana kerajaan juga telah memperuntukkan Geran Sepadan atau *Matching Grant* berjumlah RM250 juta untuk menjalankan program-program latihan dan penempatan serta pelaksanaan kursus jangka pendek selaras dengan objektif dan fungsi penubuhan PSMB. Walau bagaimanapun, Pembangunan Sumber Manusia Berhad sentiasa

bersedia untuk mempertimbangkan cadangan ini pada masa hadapan setelah ekonomi negara menunjukkan trend yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya untuk makluman isu yang mengenai *hiring incentive* untuk golongan OKU. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba bin Mohd Radzi, kementerian sentiasa prihatin dan mengiktiraf perihal kesediaan peluang pekerjaan bagi golongan orang kelainan upaya. Pelbagai program khas turut diadakan. Secara khususnya di bawah Program Insentif Pengambilan Pekerja ataupun *Hiring Incentive*, majikan yang menggaji OKU akan dibayar insentif sebanyak RM1,000 bagi setiap bulan bagi tempoh enam bulan. Ini untuk menggalakkan majikan mengambil lebih ramai pekerja OKU.

Pelaksanaan program ini telah dapat meningkatkan penggajian OKU. Sehingga 8 September 2020, seramai 232 orang telah ditempatkan pekerjaan melibatkan 151 majikan. Program ini melibatkan pembayaran insentif sebanyak RM240 ribu sebulan. Selain itu, program latihan kemahiran turut disediakan untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehpekerjaan pekerja yang diambil tersebut.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan cadangan agar Program Insentif Pengambilan Pekerja diteruskan. Kementerian juga melalui Jabatan Tenaga Kerja telah melaksanakan program Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU yang membantu usahawan OKU mengembangkan perniagaan dan menggaji OKU yang lain. Pencapaian sehingga 26 Ogos 2020, seramai 44 usahawan OKU telah menerima bantuan skim ini dan 82 OKU berjaya digaji. Kementerian akan meneruskan usaha-usaha untuk membantu OKU dalam pencarian dan penempatan pekerjaan, akan sentiasa diberi sokongan dan perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri penggulungan kementerian pada hari ini, saya ingin melaporkan kepada Dewan yang mulia, pada 3 September yang lalu, Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad semasa perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah pun membangkitkan isu tidak ada caruman PERKESO bagi pekerja pembersihan R&R di Bukit Gantang.

Sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam melindungi pekerja, tindakan serta-merta telah diambil oleh PERKESO Taiping untuk menyiasat perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Hasil siasatan, majikan berkenaan telah dikenal pasti dan telah diarah untuk membayar tunggakan caruman ke atas semua pekerjanya. Majikan terbabit telah memberi kerjasama dan menjelaskan pembayaran caruman untuk semua pekerja yang terlibat pada 8 September 2020. Tuan Yang di-Pertua, ini harus menjadi peranan dan tanggungjawab setiap Ahli Yang Berhormat untuk memastikan nasib pekerja tidak kira sama ada di luar atau dalam terbelah secara berhemah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhir kata kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan Kementerian Sumber Manusia semasa perbahasan Titah Diraja, saya mengucapkan ribuan terima kasih. Kementerian ini amat menghargai segala cadangan dan teguran, komen yang telah dikemukakan dan akan memperbaiki perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat untuk bercakap dalam masa 20 minit. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri M. Saravanan dan juga saya rasa tepat jawapannya, terang dan jelas. Pihak Dewan mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Menteri datang sendiri untuk menjawab. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Sekarang kita hendak beralih kepada nombor 8 sekarang, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dipersilakan.

**3.28 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat dalam sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas.

Pertama sekali, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim yang telah dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara serta Ahli Yang Berhormat Senator yang baharu mengangkat sumpah di Dewan Negara yang mulia ini.

Sehubungan dengan itu juga, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada sembilan orang Ahli Yang Berhormat Senator wanita yang bersama di dalam Dewan Negara ini. Semoga pelantikan Senator-senator wanita ini seiring dengan hasrat dan Dasar Wanita Negara yang mendukung prinsip tiada diskriminasi berasaskan gender seperti yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga berharap pelantikan dan pengiktirafan ini turut dapat mendorong semua pihak tidak kira sama ada di sektor awam atau swasta untuk melibatkan lebih ramai wanita sebagai pembuat keputusan kerana beberapa kajian juga mendapati ia menyumbang kepada tadbir urus organisasi yang lebih baik. Usaha begini wajar digalas bersama kerana ia boleh merapatkan jurang gender antara lelaki dan wanita khususnya dalam aspek kepimpinan dan pembuat keputusan.

Saya menghargai juga terutama kepada semua pegawai dan kakitangan yang telah membantu kementerian, terutama pasukan Talian Kasih yang bertugas 24 jam, tujuh hari seminggu. Begitu juga kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Yayasan Kebajikan Negara, rakan agensi kita daripada Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan begitu juga kepada semua agensi yang turut bekerjasama bertungkus-lumus untuk memastikan kumpulan sasaran yang terjejas terutama yang melibatkan pemberian bakul makanan diedarkan sepanjang tempoh PKP.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan terima kasih kepada sembilan orang Ahli Yang Berhormat yang turut menyertai dalam perbahasan iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi, Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff kerana telah mengambil bahagian yang menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Menjawab kepada persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair iaitu tentang keprihatinan terhadap isu gejala sosial yang melibatkan remaja, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melaksanakan pelbagai dasar selaras dengan Dasar Sosial Negara, Akta Kanak-Kanak 2001 dan konvensyen mengenai hak kanak-kanak. Antaranya ialah, institusi perlindungan dan pemulihan, pusat aktiviti kanak-kanak di kawasan yang berisiko di seluruh negara bagi menggalakkan mereka terlibat dengan masalah sosial.

Di samping itu juga, program-program kaunseling keluarga, Program Pendidikan Kesihatan Reproktif seperti Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial (PEKERTI) dan juga kafe@TEEN termasuk juga Program Rintis Diversion. Kementerian juga telah membangunkan pelan strategi bagi menangani punca perkahwinan bawah umur untuk melindungi hak kanak-kanak dan wanita daripada segala bentuk keganasan penganiayaan untuk mengoptimumkan perkembangan mereka dari sudut pelbagai aspek.

Menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid iaitu berkaitan dengan bantuan khas bakul makanan sepanjang tempoh PKP. Mesyuarat Khas Menteri-menteri mengenai pelaksanaan PKP pada 26 Mac 2020 telah memutuskan JKM bertanggungjawab memberikan bantuan bekalan makanan kepada rakyat yang memerlukan. Sebanyak RM47.42 juta telah diperuntukkan kepada tabung COVID-19

dan Kementerian Kewangan bagi bantuan khas bakul makanan semasa PKP. JKM juga telah menerima sumbangan daripada pelbagai NGO, badan korporat dan syarikat swasta termasuk individu.

Justeru itu, bakul makanan ini bukan hanya disediakan oleh JKM, tetapi juga oleh pihak NGO. Setiap agihan diselaraskan oleh JKM dengan kerjasama RELA, APM, pemimpin tempatan, bagi memastikan tidak berlaku pertindihan dan permohonan yang tercicir. Begitu juga, agihan ini diselaraskan oleh JKM adalah berdasarkan permohonan melalui talian kasih KPWK. Ini termasuk juga melalui permohonan bilik-bilik gerakan JKM, termasuk di daerah dan juga rujukan daripada pemimpin tempatan.

Pemimpin tempatan seperti ketua kampung juga dilibatkan semasa agihan bantuan melalui kerjasama pengerusi jawatankuasa bencana daerah. Semua pihak boleh mengemukakan aduan dan rujukan kepada JKM untuk disampaikan bantuan tersebut. Selain daripada itu, JKM diarahkan juga mempunyai stor penyimpanan makanan keperluan mangsa. Sekiranya ruang tidak mencukupi, JKM akan bekerjasama dengan pegawai daerah untuk mencari ruang penyimpanan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, nilai setiap bakul makanan adalah sebanyak RM100 seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Kekeliruan mengenai nilai barangan adalah berpunca daripada sumbangan pelbagai pihak seperti daripada pihak NGO, korporat, agensi kerajaan negeri yang tidak semestinya bernilai RM100.

Ini bergantung kepada nilai NGO, berapa agihan mereka. Tambahan pula, pada peringkat awal agihan dibuat, tiada pelabelan khusus bakul makanan yang boleh membezakan mana daripada JKM yang mana dari NGO. Jadi inilah yang menyebabkan berlaku beberapa kekeliruan. Menjawab soalan Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat iaitu membangkitkan isu yang berkaitan dengan kenaikan kadar bantuan JKM kepada RM1,000 sebulan seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Perkara ini adalah selaras dengan penetapan baharu kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Nasional yang akan diguna pakai dalam Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu bermula tahun 2021 sehingga tahun 2025.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Menteri, minta mencelah sikit Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Ya, ya. Sila.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak mendapatkan penjelasan berkenaan dengan bakul yang diberikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat

ketika COVID-19 berlaku. Soalan saya ialah adakah di sana pihak kementerian membuat audit terhadap bakul yang ditetapkan, satu Parlimen kalau tidak silap saya *dok* ada 100 buah bakul diberikan kepada setiap penerima.

Persoalan dia, adakah benda itu sampai kepada mereka yang berhak untuk dapat? Ini kerana daripada risikan-risikan secara tidak rasmi, kerana ada benda itu tidak sampai kepada pihak sasarannya.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Makluman yang kami terima, bakul makanan ini memang di audit ataupun di catit ataupun direkodkan. Ini sebab semua saluran bakul makanan ini melalui JKM daerah. Jadi, setiap-sama ada dia disalurkan, sama ada kawasan pembangkang atau kerajaan semua melalui JKM daerah. Malah, kami sendiri pun bakul makanan ini disalurkan melalui JKM, APM, RELA yang telah ditugaskan. Semua ini ada catatan.

Jadi, sekiranya perkara ini berbangkit, saya rasa boleh merujuk kepada pegawai daerah. Kita ada maklumat yang lengkap. Sekiranya ada laporan yang menyatakan bakul makanan ini tidak sama nilai, ada yang bernilai RM50, ada nilai RM30 sebab ini adalah bakul makanan yang diterima daripada pelbagai pihak termasuk individu, korporat dan juga NGO. Jadi, mereka juga melalui JKM yang sama, melalui RELA yang sama, melalui APM yang sama. Jadi ini menyebabkan- ada yang ingatkan ini bakul RM100 yang JKM sedangkan ia adalah daripada individu ataupun korporat yang mengikut standard mereka.

Jadi, itulah yang kita hendak perbetulkan dan alhamdulillah kita telah membuat penambahbaikan untuk yang mutakhir ini, bantuan itu kita labelkan untuk membezakan bakul yang disediakan oleh JKM dengan bakul daripada agensi yang lain. Jadi, setakat ini *insya-Allah* kita dapat melaksanakan dengan sepenuhnya. *Insya-Allah*.

Seterusnya...

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Yang Berhormat Menteri, minta mencelah sikit?

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Masanya sangat terhad, saya hanya 20 minit yang ada. Saya ada banyak sangat isu Yang Berhormat.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Minta *extend*, nak tanya itu tajuk itu.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Ya...

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Yang Berhormat, seminit sahaja. Kita hendak minta kepada kerajaan, JKM ini kena pastikan contoh, kalau kerajaan bagi peruntukan kepada rakyat RM100 nilainya setelah ditolak kos pengurusan pembekal itu sebanyak RM10 ke RM15, rakyat dapat RM85 punya nilai.

Akan tetapi, masalah yang kita dengar di bawah sana, nilainya RM100 tetapi yang sampai di bawah tidak sampai, tidak berbaloi. Jadi, untuk masa depan, minta supaya pemantauan lebih ketat dibuat. Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Senator. Jadi saya mengharapkan sekiranya ada perkara-perkara yang disebutkan tadi diminta untuk buat aduan kepada pihak kami. Ini sebab, makluman yang saya terima di peringkat kementerian nilai bakul itu adalah RM100 tidak ada pemotongan sebanyak RM15, jadi sekiranya ada berlaku kesilapan atau sebagainya, minta laporkan supaya kita boleh buat siasatan lanjut. *Insyah-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh lagi soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying iaitu yang telah mencadangkan untuk meningkatkan sumbangan kerajaan dalam Program i-SURI serta mengembangkan program ini agar meliputi semua suri rumah.

Untuk makluman, Program i-SURI merupakan inisiatif kerajaan bagi mewujudkan jaringan keselamatan sosial yang asas kepada kaum wanita. Pada masa ini, kumpulan sasar yang layak memohon i-SURI terdiri daripada ketua isi rumah, wanita dan isteri, kepada KIR yang merupakan warganegara yang berumur 18 tahun ke atas dan belum mencapai umur 60 tahun serta berdaftar dalam sistem eKasih. Ini syarat kita.

Insentif kerajaan yang diberikan kepada ahli adalah sebanyak RM40 sebulan atau RM480 setahun dengan syarat ahli mencarum caruman individu sebanyak RM5 sebulan atau RM60 setahun. Jumlah pendaftaran i-SURI daripada 15 Ogos 2018 sehingga 31 Ogos 2020 adalah sebanyak 146,259 orang ahli. Manakala, jumlah pencarum yang telah mencarum yang sama adalah sebanyak 130,608 orang pencarum. Jadi cadangan untuk meluaskan kelayakan i-SURI kepada semua isi rumah serta meningkatkan jumlah insentif kerajaan kepada RM1,000 setahun memerlukan penelitian lanjut dan tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan kerajaan.

#### ■1540

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin untuk menubuhkan wisma khusus untuk pusat sehenti- *one-stop centre* untuk aktiviti wanita, kementerian berharap pusat sehenti turut mengambil kira penyertaan wanita di kalangan orang kurang upaya dan warga emas. Hal ini selaras dengan prinsip dan keterangkuman atau *inclusivity* sepertimana yang termaktub dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Untuk makluman, Kementerian Pembangunan Wanita juga mempunyai dua pusat aktiviti wanita yang dikenali sebagai Dewan PACBE iaitu Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi untuk wanita ini di Pasir Mas dan Tanah Merah untuk di Kelantan dan melaksanakan pelbagai aktiviti keusahawanan, pembangunan kapasiti dan penyebaran maklumat berkaitan dengan inisiatif untuk wanita. Jadi, kita mengalu-alukan cadangan atau kerjasama daripada pelbagai agensi termasuk kerajaan negeri untuk kita perkasakan ekonomi wanita.

Menjawab soalan Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba menyentuh isu berkaitan dengan ketiadaan pusat khas bagi menguruskan OKU autisme.

Untuk makluman, kementerian telah mengutamakan penjagaan di rumah berbanding penjagaan di institusi kerana kanak-kanak lebih sesuai membesar bersama keluarga dan komuniti.

Walau bagaimanapun, JKM turut menyediakan perkhidmatan pemulihan dan intervensi bagi perkembangan kanak-kanak masalah pembelajaran termasuk kanak-kanak OKU autisme ini melalui tiga jenis perkhidmatan iaitu perkhidmatan institusi iaitu Taman Sinar Harapan, Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) OKU. Kementerian sentiasa berharap lebih banyak NGO dan kumpulan sokongan ibu bapa akan tampil untuk menyediakan perkhidmatan program intervensi awal kepada kanak-kanak yang mengalami OKU autisme ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator juga bertanya berkaitan dengan pangkalan data pendaftaran OKU. Kementerian sedang dalam tindakan mewujudkan sistem *OKU Registry* ini iaitu untuk mendaftar sebanyak mungkin OKU di Malaysia melalui kerjasama strategik dengan pelbagai kementerian atau agensi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia serta Jabatan Pengangkutan Jalan.

Bilangan OKU terkini juga akan diperoleh melalui Bancian Penduduk 2020. Sehubungan dengan itu, kementerian juga akan menggiatkan lagi kempen pendaftaran OKU di setiap negeri bermula tahun 2021, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator juga membangkitkan isu yang berkaitan dengan kes penyakit jarang jumpa yakni termaktub sebagai OKU sebagai penghidap penyakit hilang fungsi fizikal, mental atau intelektual atau deria yang menyekat penyertaan penuh dan berkesan dalam masyarakat.

Justeru, mereka yang mengalami kehilangan atau gangguan fungsi yang kekal boleh didaftarkan sebagai OKU setelah mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan termasuk juga untuk penyakit jarang jumpa ini. Jadi, kita mengharapkan supaya perkara ini dapat dimanfaatkan terutama keluarga yang mempunyai anak-anak yang berpenyakit seperti ini.

Yang Berhormat Senator juga bertanya iaitu berkaitan dengan *accessibility*, kemudahan prasarana bagi golongan OKU. Kementerian telah menyediakan manual dan senarai semak audit akses bagi tujuan minta penarafan bintang untuk membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menjalankan audit ke atas akses di bawah aspek persekitaran fizikal. Satu memorandum Jemaah Menteri akan dikemukakan untuk pertimbangan Jemaah Menteri sebelum diangkat ke Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.

Selain daripada itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan Pelan Tindakan Aksesibiliti Orang Kurang Upaya di bawah Aspek Persekitaran Fizikal bagi Panduan Pelaksanaan Pihak Berkuasa Tempatan. Kementerian Pengangkutan juga akan turut menguatkuasakan penggunaan plat kenderaan orang kurang upaya. Jadi, cadangan ini akan dibawa kepada Mesyuarat Majlis Kebangsaan Orang Kurang Upaya pada bulan Oktober nanti.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab lagi soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba iaitu berkaitan dengan status semakan semula Akta Orang Kurang Upaya iaitu Akta 685 dan pindaan Peraturan 2017 sehingga 2020 masih dalam tindakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Kementerian telah mengadakan beberapa siri bengkel sejak 27 Januari 2016 hingga 20 Ogos 2019. Satu jawatankuasa kerja diwujudkan bersama dengan jawatankuasa pemandu dan jawatankuasa teknikal untuk melihat proses penggubalan pindaan Akta Orang Kurang Upaya 2008. Keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada wakil persatuan peringkat kebangsaan, para akademik, para perubatan dan pakar perundangan daripada tujuh kategori orang kurang upaya. Kementerian juga sedang dalam perancangan melaksanakan kajian pelaksanaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Senator iaitu bagi menaikkan kadar pendapatan maksimum bagi syarat untuk menerima bantuan EPC iaitu Elaun Pekerja Cacat yang ditetapkan pada masa ini adalah di bawah RM1,200 sebulan ke satu kadar yang lebih tinggi yang bersesuaian dengan perubahan semasa, ia akan diangkat kepada Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan. Jadi, kita mengharapkan, *insya-Allah*, perkara ini akan menjadi perhatian kepada pihak kerajaan, *insya-Allah*.

Begitu juga menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah yang membangkitkan isu berkaitan dengan peningkatan kes keganasan rumah tangga semasa pelaksanaan PKP. Kementerian telah mengadakan perbincangan bersama agensi kerajaan, NGO dan syarikat telekomunikasi pada 17 April 2020 untuk membincangkan isu peningkatan panggilan dan aduan berkaitan keganasan rumah tangga. Susulan itu, kementerian telah mengambil beberapa tindakan segera, antaranya ialah:

- (i) membantu memastikan permohonan perlindungan melalui panggilan termasuk juga IPO dapat diakses oleh mangsa sepanjang tempoh PKP termasuk mendapatkan kerjasama PDRM;
- (ii) menyediakan perkhidmatan kaunseling yang boleh diakses sama ada secara bersemuka atau secara atas talian dengan menghubungi talian khas kaunseling kita iaitu Talian Kasih 15999;

- (iii) menyediakan material advokasi bagi meningkatkan kefahaman mengenai tindakan, hak serta perkhidmatan dan perlindungan yang boleh diakses oleh mangsa keganasan rumah tangga; dan
- (iv) memperluaskan hebahan mengenai bantuan dan perkhidmatan sedia ada dengan kerjasama rapat bersama NGO.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy, cadangan untuk pembangunan masyarakat secara menyeluruh dalam RMKe-12 terutama kumpulan sasar wanita, kanak-kanak, OKU, warga emas masih dikekalkan dengan mengambil kira perubahan pucuk pimpinan baharu, keperluan semasa disebabkan wabak pandemik COVID-19 dan juga peningkatan PGK yang berlaku pada tahun ini.

Menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff berkaitan dengan program pembangunan yang dirangka khusus dalam golongan OKU yang turut merangkumi pembangunan manusiawi, kerajaan menyedari tentang hak dan keperluan OKU kerana Malaysia juga merupakan negara yang telah meratifikasikan Konvensyen Mengenai Hak OKU sejak tahun 2010.

Akta OKU 2008 juga melarang diskriminasi terhadap seseorang semata-mata atas alasan hilang upaya dalam bidang pekerjaan, pendidikan, perumahan, pengangkutan, aktiviti perniagaan, sukan, aktiviti rekreasi, akses kepada tempat orang ramai, akses kepada kemudahan dan perkhidmatan awam.

Kementerian juga sangat bersetuju bahawa pembangunan negara perlu mengambil kira semua golongan termasuk OKU. Semua pihak termasuk kerajaan, swasta, GLC, NGO perlu memainkan peranan penting agar OKU diberi peluang dalam semua perkara dan aktiviti yang dijalankan.

Kementerian akan membuat semakan semula ke atas Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya dan cadangan daripada Yang Berhormat Senator akan diperhalusi dan diteliti mengikut kesesuaian daripada semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa positif dalam usaha memastikan kesejahteraan masyarakat bersama agensi kerajaan, masyarakat dan ibu bapa. Saya merakamkan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyuarakan pandangan dan cadangan penambahbaikan yang melibatkan kumpulan sasar di bawah kementerian.

■1550

Kami sangat-sangat menghargai cadangan, teguran dan akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan input yang diterima. Kerjasama dan sokongan Yang Berhormat sangat kami hargai. Terutama beberapa inisiatif kementerian kami usahakan terutama untuk mengendalikan isu OKU, sosial, wanita dan kanak-kanak.

Segala saranan, teguran, cadangan kita akan ambil perhatian dan sekiranya apa-apa program yang dilaksanakan, saya sangat mengharapkan supaya kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita mencapai objektif yang telah dihasratkan oleh kerajaan. Kementerian akan meneruskan usaha serta mengambil tindakan positif bagi mengendalikan semua kumpulan sasar dalam situasi dan cabaran yang dihadapi masa kini. Semoga setiap niat dan tugas kita yang menjaga kumpulan sasar ini mendapat keberkatan dan balasan yang baik daripada Allah.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab semua soalan yang dibangkitkan. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput pula Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dipersilakan.

### **3.51 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Diraja dan menyentuh isu-isu di bawah tanggungjawab Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan ialah mengenai isu-isu penempatan semula operasi syarikat-syarikat yang terkesan dengan konflik perdagangan Amerika Syarikat dan China. Pelaburan projek baharu, pelaburan pasca pandemik COVID-19 dan pelaburan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris telah bertanya, apakah usaha yang telah dilakukan untuk penempatan semula operasi syarikat-syarikat asing ke rantau ini khususnya di Malaysia akibat daripada konflik perdagangan antara Amerika Syarikat dan China. Tuan Yang di-Pertua, konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China menuntut Malaysia untuk lebih berdaya saing kerana konflik ini telah menimbulkan ketidakpastian dalam ekonomi global. Namun begitu, ia juga membuka peluang-peluang baharu di peringkat serantau dan global.

Pada 5 Jun 2020, kerajaan telah mengumumkan beberapa inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) dan menggalakkan syarikat asing memindahkan operasinya ke Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa. Insentif yang berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) pengecualian cukai 100 peratus selama 10 tahun untuk pelaburan baharu dalam sektor perkilangan dengan pelaburan harta tetap antara RM300 juta dan RM500 juta;
- (ii) pengecualian cukai 100 peratus selama 15 tahun untuk pelaburan baharu dalam sektor pengilangan dengan pelaburan harta tetap melebihi RM500 juta; dan
- (iii) elaun cukai pelaburan sebanyak 100 peratus selama lima tahun bagi syarikat yang wujud di Malaysia yang memindahkan fasiliti perkilangan luar ke Malaysia dengan pelaburan harta tetap melebihi RM300 juta.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada PENJANA, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia ataupun ringkasnya MIDA telah melakukan usaha berikut untuk menarik pelabur-pelabur asing. Antaranya penganjuran *web miners* dengan kolaborasi bersama dewan perniagaan, bank dan komuniti perniagaan antarabangsa seperti berikut Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Perancis (MFCCI), Dewan Perdagangan dan Perindustrian EU-Malaysia (EuroCham), Dewan Perniagaan Perusahaan China di Malaysia (CECCM), HSBC, Standard Chartered, Dewan Perniagaan Malaysia-Amerika (AMCHAM) dan sebagainya.

Selain daripada itu, usaha kita termasuk menandatangani perjanjian persefahaman dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti Dewan Perniagaan Antarabangsa, institusi kewangan, agensi promosi pelaburan, syarikat multinasional dan pemaju tanah untuk menarik pelaburan berkualiti ke negara ini.

Satu lagi usaha kita ialah melaksanakan misi projek khas atau secara ringkasnya SPM bersama pelabur di luar dan dalam negara secara maya dengan menggunakan platform digital. Ini merupakan program yang dianjurkan untuk bertemu dengan syarikat-syarikat di dalam mahupun di luar negara yang disasarkan dalam sektor-sektor tertentu dan berpotensi untuk melabur di negara kita. Satu lagi usaha ialah membantu syarikat asing untuk membawa tenaga pakar mereka ke Malaysia dan membuat hebahan media bagi mempromosikan Malaysia menggunakan platform elektronik dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada usaha dan inisiatif kerajaan melalui kementerian kita MITI dan agensi-agensi di bawahnya contohnya MIDA, sehingga 30 Jun 2020, MIDA telah memberikan khidmat fasilitasi kepada 96 buah syarikat asing dan tempatan yang beroperasi di negara-negara lain termasuk China yang berminat untuk menempatkan semula aktiviti syarikat mereka di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, MIDA telah berjaya menarik sejumlah 42 buah projek dengan pelaburan bernilai RM19.9 bilion di mana 36 projek yang bernilai RM9.1 bilion telah diluluskan dan enam projek yang bernilai RM10.8 bilion sedang dalam proses penilaian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga telah menyatakan bahawa berdasarkan statistik lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), pihak MIDA mengenal pasti sebanyak 433 projek baharu yang berpotensi yang bernilai sebanyak RM97.4 bilion untuk melabur di Malaysia. Sehubungan dengan itu, beliau telah memohon supaya pihak kementerian menyatakan apakah projek-projek baharu yang dimaksudkan itu supaya rakyat dan kelompok industri perniagaan mengetahui rancangan-rancangan kerajaan dengan lebih lanjut.

Dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 Jun 2020, MIDA telah mengenal pasti sebanyak 433 projek dengan nilai setinggi RM97.4 bilion. Pelaburan-pelaburan ini terdiri daripada projek-projek berkualiti dan berimpak tinggi daripada syarikat-syarikat asing yang berpangkalan di Asia & Oceania, Benua Eropah dan juga Amerika Syarikat. Projek-projek baharu yang dikenal pasti ini, adalah projek-projek berimpak tinggi yang diperlukan oleh negara bagi melengkapkan ekosistem dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan terutamanya dalam sektor pemangkin tiga campur dua yang digariskan di dalam Rancangan Malaysia Ke11 iaitu elektrik dan elektronik, industri kimia, jentera dan kelengkapan, peranti perubatan dan aeroangkasa.

Sektor-sektor baharu yang berkualiti tinggi juga termasuk tenaga boleh diperbaharui dan teknologi hijau dan pusat kecemerlangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim bertanyakan usaha yang diambil untuk menarik pelaburan asing dan menggiatkan pelaburan swasta bagi meningkatkan ekonomi negara dan menggalakkan pertambahan guna tenaga manusia pasca COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan ekonomi negara melalui pelaburan asing dan swasta di Malaysia, kerajaan pada 5 Jun 2020 telah mengumumkan beberapa inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara seperti berikut dan pakej-pakej pengecualian cukai istimewa yang saya telah sebutkan tadi di bawah penempatan semula operasi syarikat boleh diguna pakai juga untuk menarik pelabur-pelabur asing pasca COVID-19. Untuk menggiatkan pelaburan swasta bagi meningkatkan ekonomi negara, pakej-pakej yang telah diperkenalkan adalah seperti berikut.

Pertama, elaun modal automasi ataupun secara ringkas ACA. Ini merupakan tawaran insentif yang bertujuan untuk menggalakkan penggunaan automasi dalam sektor perkilangan.

Kedua, dana strategik pelaburan tempatan secara ringkasnya DISF. Di bawah DISF kita menawarkan geran padanan dan tebus semula bagi aktiviti-aktiviti seperti latihan, penyelidikan dan pemodenan dengan objektif untuk memacu peralihan syarikat milik rakyat Malaysia dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang disasarkan untuk menuju ke arah

industri yang bernilai tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan serta berasaskan inovasi.

■1600

Ketiga, galakan elaun pelaburan semula. Ini untuk tahun tafsiran 2020 hingga 2012, untuk syarikat-syarikat sedia ada dalam aktiviti pembuatan dan pertanian terpilih untuk melaksanakan pelaburan semula.

Keempat, untuk mempercepatkan kelulusan pelaburan asing sama ada yang terkesan dengan pandemik COVID-19 ataupun penempatan semula. Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif seperti berikut:

- (i) kelulusan lesen pengilangan boleh dilakukan melalui platform digital eML untuk industri yang tidak sensitif dalam tempoh dua hari bekerja;
- (ii) penubuhan Unit Penyelarasan dan Akselerasi Projek (PACU) di MIDA untuk mempercepatkan kelulusan dari pelbagai agensi dan pelaksanaan pelaburan di Malaysia dalam pelbagai peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjana peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut melalui MITI dan juga agensi-agensi di bawahnya. MITI melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya:

- (i) mengenakan syarat jumlah guna tenaga sepenuh masa sekurang-kurangnya 80 peratus rakyat Malaysia untuk kelulusan lesen pengilang dan pemberian insentif, di mana daripada jumlah keseluruhan ini, guna tenaga, nisbah kakitangan pengurusan, teknikal dan penyeliaan ditetapkan pada kadar sekurang-kurangnya 25 peratus;
- (ii) bagi projek-projek berimpak tinggi, syarikat turut dikenakan syarat untuk melaksanakan latihan industri dengan universiti tempatan serta keperluan untuk menyediakan latihan atau menetapkan jumlah pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat tempatan; dan
- (iii) beberapa inisiatif bagi menggalakkan pembangunan bakat tempatan turut dilaksanakan oleh MIDA seperti Program Perantisan MIDA, kolaborasi bersama Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia dan Kementerian Pendidikan serta kolaborasi atau perkongsian pintar dengan pihak-pihak berkepentingan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, maaf.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Lim Ban Hong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Zaidi bin Haji Suhaili telah memohon supaya pihak kementerian menyatakan jumlah pelaburan asing yang telah diterima oleh negeri Sarawak setakat Julai 2020 mengikut negara dan sektor yang telah mendapat pelaburan tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan data yang sedia ada sehingga Mac 2020, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan sejumlah RM864.7 juta pelaburan dalam sektor perkilangan di Sarawak. Di mana ia melibatkan RM822 juta pelaburan langsung asing. Pelaburan langsung asing ini adalah dari negara Republik Korea, Republik Rakyat China, Perancis dan lain-lain. Pecahan sektor-sektor yang diceburi pelaburan langsung ini adalah seperti berikut:

- (i) produk mineral bukan logam – RM710 juta
- (ii) kayu dan produk kayu – RM60.4 juta
- (iii) perabot dan kelengkapan – RM43 juta
- (iv) kimia dan produk kimia – RM9.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semasa perbahasan Titah Diraja Dewan Negara 2020. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas teguran, cadangan yang telah diberikan dan juga sudi mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita baru sahaja selesai mendengar penggulungan bagi pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang saya bawa perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada giliran untuk menggulung.

Lantaran Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang seharusnya menggulung perbahasan awal pada sebelah tengah hari tadi, sekarang dimunculkan untuk berdepan di Dewan yang mulia ini untuk menjawab beberapa isu atau perkembangan. Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengemukakan apa-apa penerangan ataupun analisis berhubung dengan kementerian beliau.

Dipersilakan Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

**4.06 ptg.**

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih

kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah mengarahkan saya dan memberi surat kepada saya untuk memohon maaf di dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, saya ingin memohon maaf dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua, untuk membuat permohonan itu di Dewan yang mulia ini kerana menimbulkan kekeliruan dalam hal adik Veveonah Mosibin. Maaf juga kerana maklumat daripada Wakil Rakyat kawasan menyebabkan rasa tidak puas hati sesetengah pihak. Mungkin pendapat saya telah disalah tafsir di daerah dan Pekan Pitas. Terdapat liputan dan pusat *Internet*, namun ia perlu ditambah baik secara keseluruhan.

Apa yang diluahkan oleh adik Veveonah adalah kelemahan di Kampung Sepatalang yang memerlukan perhatian daripada kerajaan. Namun sebagai seorang ayah, saya berpendapat bahawa tindakan duduk di atas pokok pada waktu malam untuk mendapatkan liputan merupakan tindakan yang boleh membahayakan keselamatan diri.

Kalau anak kita pun, kita akan nasihat untuk tidak melakukan perkara tersebut kerana takut tercedera. Perjuangan adik Veveonah ini untuk menunjukkan bahawa terdapat kekurangan liputan di kawasan luar bandar adalah perjuangan yang patut dipuji. Saya mengambil tanggungjawab sepenuhnya dan kerajaan bersetuju bahawa isu ini adalah isu pencapaian *Internet* di pedalaman Sabah yang harus diberi perhatian dan ditangani sebaik mungkin.

Justeru itu, hasil tinjauan pihak SKMM telah membuat tinjauan di Kampung Sepatalang di Pitas pada 15 Jun 2020 yang lalu mendapati terdapat sebuah menara telekomunikasi yang memberi liputan 3G dalam lingkungan 1.4 kilometer dari Kampung Sepatalang yang membolehkan para pelajar mengambil peperiksaan secara dalam talian. Pihak TM Sabah juga telah membuat lawatan ke kampung adik Veveonah pada 19 Jun dan seterusnya menaik taraf kelajuan *Internet* di Pusat Internet Kampung Pinggan-Pinggan, Pitas, Sabah untuk memenuhi permintaan komuniti di sekitar menggunakan sambungan gentian *fibre* dengan kelajuan 300 *megabit*.

Jadi, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, dua-dua kampung, satu di kampung yang dia tinggal, satu di kampung yang berlakunya isu tersebut. Dua-dua tempat ini kita perbaiki dan kita kuatkan liputan di kawasan tersebut. Ini kerana isu yang dibangkitkan ini kita menunjukkan bahawa kerajaan mengambil peduli dan kita menyelesaikan isu tersebut. Kedudukan kampung ini adalah di kawasan pedalaman yang cukup memberi cabaran dari segi penyambungan kabel *fibre* dan penyelenggaraan.

Seperti yang saya maklum sebelum ini, SKMM juga sedang membangunkan Pelan Infrastruktur Digital yang dikenali sebagai Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara dengan menggunakan pelbagai teknologi. Diharapkan melalui pelan ini, semua perancangan dan pembinaan

infrastruktur digital di mudah cara oleh pelbagai kementerian dan agensi terbabit, termasuklah di peringkat negeri.

Saya dengan ini mendoakan agar adik Veveonah akan terus maju jaya dalam setiap bidang yang diceburi.

Untuk menjawab penggulungan, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang prihatin dan telah mengambil bahagian dalam memberikan pandangan serta...

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Tuan Yang di-Pertua...

■1610

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya? Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk dulu sementara pembawa Usul asal tadi- atas alasan apa Yang Berhormat?

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hadir. Ini berkenaan dengan Usul yang telah saya bangkitkan pada pagi ini. Saya memanjat syukur dan terima kasih kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah hadir pada petang ini dan mengambil pelaung di Dewan yang mulia ini untuk memohon maaf atas perkara tersebut.

Ini memang kita mengalu-alukan dan *I have nothing personal against the Deputy Minister*, dengan izin, ya. Ini cuma untuk kita mempertahankan kemuliaan dan kewibawaan Dewan Negara ini. Saya harap perkara ini tidak diulangi. Walaupun sudah ada kelewatan selama tujuh hari tetapi akhirnya juga dengan Usul itu dan sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membuat keputusan untuk hadir dan memohon maaf tentang kenyataan yang tidak begitu tepat.

Saya memang juga mengalu-alukan segala tindakan dan pelan oleh kerajaan untuk mengurangkan jurang digital di antara bandar dan desa. Ini satu usaha yang baik dan saya harap kerajaan mempergiatkan dan melonjakkan usaha infrastruktur Internet kita khususnya kepada kawasan-kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Itu saja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, beliau telah mengemukakan Usul pada sebelah tengah hari, hari ini yakni usul di bawah peruntukan Peraturan Mesyuarat 25(1)(q) yakni usul yang membawa kemungkinan Yang Berhormat dikemukakan kepada Jawatankuasa Hak dan

Kebebasan. Memandangkan bahawa hal ini telah berkembang secara yang telah tersiar di dalam media sosial dan juga laporan-laporan yang meluas.

Maka, Dewan Negara sebagai sebuah Dewan Legislatif yang tertinggi di negara ni, mengambil secara serius kedudukan tersebut lantaran terkandung di dalamnya beberapa hal yang sabit dengan kemunculan perkara-perkara hak dan kebebasan.

Namun begitu, melihatkan kesungguhan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk tampil bersama-sama mencari yang jernih daripada yang keruh, dan mencari susunan adab yang lebih teratur, maka saya telah memutuskan bahawa sebelum dibawa ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, wajar diberi peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat permohonan maaf atau menyampaikan kemaafan di dalam suasana kita berkeluarga dalam perjuangan memperbaiki tanah air.

Jadi, dengan hal yang sedemikianlah, maka apa yang telah Yang Berhormat Timbalan Menteri lafazkan sebentar tadi yang secara berterusan, secara spontan dan ikhlas, harus diterima oleh Dewan ini. Tidak perlulah lantaran itu, Yang Berhormat dikemukakan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan tersebut.

Jadi, dengan itu, terletaklah perkara ini dengan baiknya, dan apa yang sesungguhnya kita rakamkan ialah suasana, semangat dan darjat Dewan ini terhasil dengan sesuatu yang sangat murni dan mulia... [*Tepuk*]

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terima keputusan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih di atas kecenderungan dan juga tanggungjawab tersebut. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia meneruskan ucapan beliau.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong kerana prihatin terhadap perjuangan nasib masa depan kawasan-kawasan liputan di luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak dan juga mereka-mereka yang tidak mendapat liputan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong juga, isu-isu yang dibangkitkan di dalam YouTube, antaranya pelajar dan guru yang naik bukit, belajar di tepi air terjun dan semuanya kita mengambil peduli dan kita mengambil tindakan. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dulu, bagi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang prihatin dan telah mengambil bahagian di dalam memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan ke atas Titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga, Majlis Parlimen Yang Keempat Belas.

Seramai 14 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan perkara-perkara yang terletak di bawah tanggungjawab kementerian ini. Penggulangan jawapan saya akan menyentuh lapan perkara iaitu:

- (i) perkhidmatan telekomunikasi Internet jalur lebar;
- (ii) perpaduan kaum;
- (iii) Rukun Negara;
- (iv) ekonomi digital;
- (v) kandungan penyiaran;
- (vi) kebajikan pegawai kontrak RTM;
- (vii) penyalahgunaan media sosial; dan
- (viii) sambutan Hari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izin saya untuk memberi maklum balas berkaitan perkhidmatan telekomunikasi Internet jalur lebar yang telah dibangkitkan oleh:

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen;
- (ii) Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari;
- (iii) Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin;
- (iv) Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid;
- (v) Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang;
- (vi) Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad;
- (vii) Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding; dan
- (viii) Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, pihak kerajaan telah merangka satu inisiatif baharu iaitu Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 Ogos 2020. JENDELA merupakan sebuah pelan infrastruktur digital yang menyeluruh bagi memenuhi keperluan baharu rakyat.

JENDELA akan mengukuh dan menambahbaikkan sistem rangkaian 4G serta mengukuhkan asas bagi rangkaian 5G. JENDELA akan menjadi platform penambahbaikan komunikasi digital negara di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025. JENDELA akan dilaksanakan secara berfasa.

Fasa 1 yang sudah pun bermula akan memperluaskan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8 peratus kepada 96.9 peratus di kawasan berpenduduk. Mempertingkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih daripada 25 Mbps kepada 35 Mbps serta membolehkan

penambahbaikan daripada sejumlah 4.95 juta premis kepada sebanyak 7.5 juta premis yang mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan *gigabit*.

JENDELA akan menyediakan akses kepada pengguna untuk menilai liputan dan kualiti perkhidmatan dan juga membolehkan perancangan dan pembinaan infrastruktur dimudahkan cara oleh pelbagai kementerian dan agensi terbabit termasuk di peringkat negeri. Ini supaya perkhidmatan jalur lebar yang menyeluruh dan berkualiti tinggi dapat diberikan kepada pengguna dalam kadar yang lebih segera.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen juga, prestasi kelajuan Internet kurang memuaskan semasa tempoh PKP bukan saja berlaku di Malaysia malah juga berlaku di kebanyakan negara-negara disebabkan oleh peningkatan secara mendadak dalam penggunaan Internet untuk pen-*mainstream*-an video telesidang video dan melayari laman *web*. Peningkatan penggunaan Internet terutamanya bagi pen-*mainstream*-an video seperti *YouTube*, *Netflix* dan sebagainya mengguna pakai jalur lebar yang lebih besar terutamanya menyebabkan kapasiti rangkaian yang sedia ada tidak dapat menanggung permintaan yang tinggi.

Manakala, untuk makluman Yang Berhormat Senator Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari dan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, pihak kerajaan dengan kerjasama SKMM sentiasa memberikan tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara.

Teknologi satelit telah pun diguna di dalam penyediaan perkhidmatan jalur lebar dengan mengguna *Very-Small-Aperture Terminal* (VSAT) di kawasan-kawasan terpencil, dengan izin, di pedalaman Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

#### ■1620

Berdasarkan kepada pengalaman tersebut, teknologi satelit bukanlah merupakan suatu penyelesaian untuk jangka masa panjang kerana perkhidmatan jalur lebarnya disediakan melalui teknologi satelit mempunyai kelemahan kemampuan berdasarkan kepada kapasiti yang terhad. Kos operasi dan kos penyelenggaraannya yang tinggi serta masalah kestabilan perkhidmatan sekiranya terdapat gangguan cuaca iaitu hujan dan sebagainya dan bekalan kuasa akan memberi kesan kepada capaian-capaian *Internet*.

Teknologi *Wide Space* spektrum TV yang tidak di manfaat pula merupakan satu teknologi jalur lebar yang beroperasi di ruang spektrum kosong yang tidak diguna pakai oleh perkhidmatan penyiaran TV sedia ada. Penyediaan teknologi ini bukan sahaja memerlukan peralatan yang baru malah ianya juga masih memerlukan menara komunikasi untuk menempatkan 3G tersebut semasa- seperti kaedah teknologi 4G.

Sehubungan dengan itu, dengan menentukan jenis teknologi yang bersesuaian beberapa faktor perlu diambil kira seperti keadaan geografi serta bentuk muka bumi di kawasan yang hendak diberikan perkhidmatan. Ketersediaan bekalan elektrik dan juga yang paling penting kos yang tinggi yang terlibat untuk menyediakan infrastruktur komunikasi di kawasan tersebut termasuklah kemampuan untuk melanggan. Faktor-faktor seperti yang dinyatakan ini akan dinilai dalam usaha meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dengan kos yang paling efektif.

Untuk menangani isu *connectivity*, perluasan liputan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon laluan, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Tadi, yang *wide space* tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Puan Asmak binti Husin:** Okey. Jadi saya mohon klarifikasi di sini adakah Malaysia maknanya tidak melibatkan diri dengan kajian *wide space* seperti yang telah dilakukan oleh beberapa industri besar di peringkat antarabangsa. Jadi saya mohon klarifikasi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Kita buat kajian sebab itu dari segi apa yang saya sebutkan tadi ini adalah satu cadangan kita untuk kita hendak menggunakan *wide space* kalau ianya lebih baik daripada satelit tadi yang kita sebut. Jadi kalau *wide space* ini lebih baik maka kita adakan kajian kita akan gunakan *wide space* ini. Okey, terima kasih.

Untuk menangani isu *connectivity*, perluasan liputan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G ke seluruh negara akan dilaksanakan di bawah fasa 1 inisiatif JENDELA berasaskan teknologi sedia ada serta penggunaan spektrum sedia ada secara optimum bagi memastikan kos penyediaan jalur lebar yang lebih efektif.

Dia sebut kos jalur lebar ini untuk pengetahuan Dewan, dia masalah ini kita dapati ada setengah-setengah tempat di Sabah dan Sarawak ini rungutan terdapat *towers* yang tidak disenggarakan kerana kos senggara ini agak tinggi terutamanya kawasan-kawasan yang tidak- yang kawasan itu yang tidak dari segi kos. Syarikat *telco* dia tidak *maintain* ada setengah *tower*. Jadi maknanya mungkin kerana kos yang tinggi. Semua ini kita ambil kita untuk kita membuat liputan ke kawasan-kawasan luar bandar.

Seterusnya untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin dan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding kerajaan dengan kerjasama SKMM sentiasa memberikan tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komuniti melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi di

seluruh negara terutamanya di kawasan bandar yang mana secara tidak langsung tidak dapat membantu para pelajar bagi mendapatkan akses kepada rangkaian *Internet* yang lebih baik.

JENDELA bakal memperluaskan liputan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar melalui inisiatif-inisiatif yang telah dikenal pasti serta mempersiapkan negara ke arah teknologi 5G. Sehingga kini terdapat sebanyak 873 pusat *Internet* di seluruh negara di bawah kelolaan SKMM yang boleh diguna pakai sebagai pelengkap untuk pembelajaran atas talian pelajar-pelajar.

Bagi Negeri Sarawak, sebanyak 636 menara komunikasi baru sedang dirancang dan 977 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada akan di naik taraf di bawah program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) manakala 49 menara baru dan 825 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada akan di naik taraf secara komersial oleh pihak pemberi perkhidmatan. Bagi perkhidmatan jalur lebar talian tetap pula sejumlah 43,013 premis akan disediakan dengan capaian kepada gentian optik.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid dan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, pihak kementerian melalui SKMM...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Ya.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya hendak tanya kepada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya belum beri keputusan lagi, dia berdiri dahulu sekejap, selepas itu tunggu boleh ke tidak? Sekarang boleh... [*Dewan ketawa*]

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya adakah ada jangka masa tertentu, saya rasa kita agak tertinggal untuk pembelajaran secara *online*, untuk *eCommerce* tetapi *connectivity* masih lemah bukan hanya di Sabah dan Sarawak bahkan di Semenanjung. Saya sebut di Johor itu ada sebahagian terpaksa buat *assignment* di *McDonalds* di Pontian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Oleh sebab itu saya kata tadi dalam soalan ini dalam bercakap fasal liputan jalur lebar juga di bandar dan luar bandar, bukan sahaja di luar bandar, di seluruh negara kita dapati setengah-setengah kawasan dia tidak mendapat liputan. Contohnya di Damansara dekat *Empire Damansara* itu *area* itu tidak ada liputan.

Begitu juga setengah tempat malah di Cyberjaya. Cyberjaya ini sepatutnya semua tempat itu dia ada liputan yang kuat tetapi ada juga rungutan orang kata Cyberjaya sendiri pun tidak ada liputan. Jadi di antaranya tempat-tempat di Kuala Lumpur, di bandar-bandar dan tempat yang saya pergi baru-baru ini kita buat lawatan ke Bachok pun tidak ada *line*. Di Pasir Mas, ada banyak tempat yang kita kata liputan.

Oleh sebab itulah Yang Berhormat Senator semua yang pentingnya kita hendak sampaikan di sini dari segi peruntukan perbelanjaan. Perbelanjaan untuk NCP1, NCP2 kita keluarkan baru-baru ini pun perbelanjaannya lebih kurang RM21 bilion. Maknanya kita gunakan peruntukan.

Sekarang ini peruntukan JENDELA, dia mempunyai peruntukan yang besar. Jadi sebab itulah kalau kita sebut sedikit maknanya kadang-kadang apabila kita kata peruntukan itu ditanggung kosnya oleh kerajaan, oleh *telco* dan semuanya kadang-kadang tidak cukup. Jadi kalau kita hendak kemaskan semuanya liputan maka ianya memerlukan peruntukan yang besar. Oleh sebab itulah kalau kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat. Jangan terlampau panjang jawapan yang berasingan.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Jadi kadang-kadang itu bila hendak kena tambahan peruntukan itu rakyat merungut tidak boleh. Okey, terima kasih.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid dan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, pihak kementerian melalui SKMM sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan- teknologi untuk membolehkan rakyat termasuk di kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli dan sekolah-sekolah di seluruh negara menikmati akses dan rangkaian *internet* yang lebih baik.

Sehingga kini sebanyak 61 menara komunikasi bagi penyediaan perkhidmatan 2G dan 4G telah siap beroperasi di kawasan perkampungan Orang Asli manakala lapan menara masih lagi dalam peringkat pelaksanaan dan akan dijangka siap berperingkat-peringkat. Untuk pengetahuan Dewan ini juga, perkampungan Orang Asli ini juga kena peruntukan untuk kita dapatkan menara ini dapat kebenaran tanah. Sampai hari ini pun di Negeri Sembilan terdapat tempat-tempat yang kita tidak dapat kebenaran lagi.

Susulan daripada pandemik COVID-19 JENDELA bakal meningkatkan tahap kesinambungan dan kualiti pengalaman perkhidmatan komunikasi di seluruh negara termasuklah di perkampungan Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang setiap pemberian perkhidmatan jalur lebar adalah tertakluk kepada standard mandatori kualiti perkhidmatan yang dikawal selia oleh pihak SKMM. Oleh yang demikian...

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita kekurangan kemudahan masa sebab jadual kita penuh. Sekiranya Yang Berhormat hendak mencelah tolong nyatakan bab apa yang hendak dicelah

sebab kita ada lagi dua kementerian yang hendak menyampaikan gulungan dan dikira kita harus selesai pada atau sebelum 5.30 petang. Jadi Yang Berhormat celahan ini tentang apa?

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua. Saya punya sangat spesifik Tan Sri Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan perbahasan saya tempoh hari Yang Berhormat Timbalan Menteri belum jawab lagi secara khusus Pusat Kecemerlangan Orang Asli Perak di Simpang Pulai di mana pusat ini memang tiada *broadband*. Diharap tindakan segera apa yang kementerian boleh buat. Terima kasih, Tan Sri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu jelas ya. Tolong beri keterangan.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Ya, kita akan ambil tindakan Yang Berhormat Senator. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, saya akan mempercepatkan. Setiap pemberian perkhidmatan jalur lebar adalah tertakluk kepada standard mandatori kualiti perkhidmatan yang dikawal selia oleh SKMM. Oleh yang demikian, sekiranya kawasan tersebut telah mempunyai perkhidmatan, mereka perlu pastikan kualiti perkhidmatan adalah mengikut terma-terma yang telah ditetapkan.

Namun begitu, ada kalanya gangguan '*black hole*'. '*Black hole*' ini rangkaian teras yang menyebabkan rangkaian terputus. Namun, telefon pintar masih menunjukkan liputan rangkaian yang penuh empat bar kerana Menara Telekomunikasi tersebut masih beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas berkaitan isu yang membelenggu negara kebelakangan ini iaitu perpaduan kaum yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid dan Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

#### ■1630

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, Jabatan Penyiaran Malaysia sentiasa melaksanakan penerbitan program-program yang memupuk semangat hidup bersatu agar ia boleh menyuntik kerukunan dan penyatuan rakyat berbilang kaum. Bagi memupuk perpaduan kaum, kod etika penyiaran yang menjadi rujukan kepada RTM telah dirangka dengan teliti agar kandungan penyiaran yang diterbitkan di semua platform menjaga sensitiviti semua kaum, budaya dan agama.

Menerusi kandungan rancangan terbitan RTM dan kekerapan penyiarannya sama ada *in-house* atau pun perolehan terbitan pihak swasta, RTM memastikan agar ia dapat menyuntik semangat kerukunan hidup masyarakat majmuk, berbilang kaum yang menjadi asas pembinaan negara ini. Selain penetapan kandungan berunsur perpaduan di dalam penerbitan rancangan *in-house*, RTM juga telah menetapkan elemen perpaduan di dalam *needs statement* atau nota keperluan perolehan kandungan luar bagi siaran semua salurannya.

Sebagai contoh, sejak tahun 2018 sehingga kini, lebih daripada 1000 perolehan penerbitan swasta melibatkan program seperti *telemovie*, drama, dokumentari dan majalah yang dibeli adalah berdasarkan ketetapan bahawa hasil penerbitan mestilah mengandungi elemen perpaduan kaum, kisah kegigihan, kejayaan, persahabatan, kasih sayang dan teladan. Penglibatan artis juga dipastikan adalah daripada pelbagai bangsa untuk memaparkan kemajmukan pelbagai kaum di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan, Kementerian mengambil maklum akan cadangan pelaksanaan Program Bulan Rukun Negara pada setiap tahun dan akan dibincangkan bersama dengan Kementerian Perpaduan Negara untuk tindakan selanjutnya.

Izinkan saya memberi maklum balas berkaitan kepentingan penyemaian semangat Rukun Negara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip dan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip dan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen. Kementerian sentiasa peka mengenai kepentingan mengekalkan keharmonian dan perpaduan kaum yang disematkan melalui Rukun Negara. Seperti juga sentiasa matlamat pengenalannya pada 31 Ogos 1970, Rukun Negara merupakan satu jentera, alat penyatupaduan kaum yang dihebahkan secara meluas.

Untuk itu, Kementerian antara lain telah mengambil langkah untuk menyuntik semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum menerusi Sambutan Tahun Ke-50 Rukun Negara pada tahun ini. Secara keseluruhan melalui lima saluran TV, 34 stesen radio dan akuan-akuan media sosialnya, RTM menyajikan kandungan mengenai Rukun Negara sebanyak 6510 buah program dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos 2020 untuk merangkumi pelbagai genre terbitan seperti bual bicara, dokumentari, sketsa, infografik, kapsul pesanan khidmat awam serta liputan langsung dan liputan berita.

Kementerian juga prihatin terhadap cara mendekati anak muda dalam menyemai semangat Rukun Negara ini. Justeru, nafas baharu diberikan kepada lagu lima prinsip Rukun Negara dalam ciptaan komposer terkenal Dato' Wan Idris dengan menerbitkan video klip yang membariskan penyanyi-penyanyi masa kini. Manakala lagu bertajuk Rukun Negara ciptaan pengarah muzik RTM, Dato' Mokhzani Ismail juga kerap kali dimainkan di saluran RTM.

Jumlah kekerapan siaran program seperti yang disebutkan telah ditingkatkan di sepanjang bulan kemerdekaan hingga sambutan hari Malaysia, RTM turut menggunakan ikon pelbagai bangsa dan peringkat generasi di Malaysia dalam memastikan semangat Rukun

Negara ini terus dihayati. Antara yang terlibat dalam program berkenaan termasuklah Sasterawan Dr. Lim Swee Tin, aktivis belia, ahli sukan, golongan anak seni serta penghibur.

KKM bersama dengan Kementerian Perpaduan Negara turut menganjurkan pelbagai program dari 9 Julai hingga 16 September 2020. Antaranya adalah sambutan Jubli Emas Rukun Negara bersekali dengan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia telah diadakan pada 19 Julai 2020 yang disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin bersempena ulang tahun ke-50 Rukun Negara di Bangunan Perdana, Putra.

Kementerian melalui Jabatan Penerangan juga sentiasa meningkatkan usaha bagi memberi informasi serta kesedaran mengenai mesej-mesej prinsip Rukun Negara kepada masyarakat kerana ia menjadi kunci kepada keutuhan perpaduan dan keharmonian antara kaum melalui pelbagai platform komunikasi. Sebanyak 2071 program *info on wheel* telah dilaksanakan melalui kaedah hebahan secara bersemuka di 6516 lokasi di seluruh negara sejak bulan Julai 2020 yang lalu.

Izinkan saya memberi maklum balas berkaitan ekonomi digital di dalam menangani isu berita palsu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, ekonomi digital dan teknologi digital kini adalah merupakan salah satu faktor pemboleh utama *key enabler* dalam menjana ekonomi, meningkatkan produktiviti, kualiti serta taraf hidup rakyat amnya. Teknologi digital juga telah menjadi keperluan dalam norma baharu dalam usaha menangani penyebaran COVID-19.

Selaras dengan itu, kemajuan dan keperluan dalam norma baru ini, kementerian melalui agensinya *Malaysian Digital Economic Corporation* (MDEC) telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif khususnya dalam penggunaan aplikasi eWallet menerusi 367 siaran kapsul program bual bicara, dokumentari dan sebagainya serta 6645 hebahan di radio.

Izinkan saya memberi maklum balas berkaitan kandungan penyiaran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Untuk makluman Yang Berhormat Senator ....

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya hendak minta sedikit penjelasan tentang MDEC.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada tahun 2019 belanjawan meluluskan sebanyak RM10 juta diberikan kepada MDEC dan pada tahun 2020 RM20 milion. Saya hendak tahu di mana wang yang diperuntukkan kepada MDEC ini dibelanjakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Okey untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, duit yang diberi kepada MDEC ini adalah program-program yang kita buatlah. Antaranya program PEDAS dan banyak program untuk usahawan desa dan sebagainya. Di samping itu juga kita ada peruntukan yang kita bagi sebagai bantuan *one off* geran yang kita bantu usahawan-usahawan untuk mereka melangsungkan program-program perniagaan mereka iaitu PKS dan sebagainya di bawah Program PENJANA dan juga PRIHATIN. Terima kasih.

Akan tetapi kalau kita hendak lebih lanjut, maknanya kita akan jawab secara bertulis. Minta dihantar kepada Yang Berhormat Senator.

Izinkan saya memberi maklum balas berkenaan kandungan penyiaran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, kementerian sedar mengenai slot *belting* atau jajaran drama pada waktu tujuh malam hingga lapan malam di saluran TV.

RTM telah cuba pelbagai pendekatan sebelum ini dengan menukar kandungan bagi slot berkenaan. Ini termasuk dengan mengadakan perbincangan bersama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia serta meletakkan program ilmiah seperti *National Geography*. Hasil perbincangan bersama JAKIM juga telah menetapkan agar kandungan berunsurkan rohani dan keagamaan disiarkan dalam tempoh jam enam petang hingga tujuh malam. Ia tempoh yang sesuai untuk penonton mendapat maklumat sebelum membuat persediaan untuk beribadah pada jam seterusnya.

Dalam membuat pilihan untuk menonton rancangan-rancangan kegemaran, penonton boleh membuat keputusan sebelum memilih dan menonton rancangan yang disiarkan di televisyen. Ini adalah langkah kawalan sendiri terbaik yang boleh diambil bagi memudahkan penonton membuat pilihan waktu dan program atau terlepas menonton rancangan kegemaran.

Seksyen penyiaran telah menyediakan pelbagai platform sebagai alternatif untuk menonton mana-mana rancangan yang mereka terlepas waktu siaran. Platform seperti RTM, *MyKlik*, *tonton.com.my*, *YouTube*, *Netflix*, *Iflix* dan sebagainya telah memudahkan penonton membuat pilihan mengikut kesesuaian masa masing-masing. Ibu bapa pula digalakkan untuk meletakkan pin akses bagi setiap profil penonton isi rumah. Penggunaan pin akses akan memastikan anak-anak di bawah umur tidak dapat mengakses semua kandungan yang tidak sesuai.

Izinkan saya memberi maklum balas berkaitan kebajikan pegawai kontrak RTM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh.

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon celahan. Sedikit sahaja yang berkenaan tadi, berkaitan dengan soalan saya tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** MDEC tadi?

**Puan Asmak binti Husin:** Bukan. Berkaitan dengan siaran pukul tujuh malam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Asmak binti Husin:** Tadi yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah siaran di RTM. Perkara yang saya bangkitkan adalah di siaran swasta iaitu Media Prima. Memang kita mengakui kita patut ada kawalan sendiri dan kawalan terhadap anak-anak. Akan tetapi memandangkan siaran pukul tujuh malam ini siaran yang paling viral di Malaysia, 12 juta penonton, hendak tak hendak memang bukan anak, mak yang akan tengok. Jadi itu saya mohon pertimbangan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Okey, makluman Yang Berhormat Senator itu kita akan ambil kira dan saya akan berjumpa dengan pihak TV swasta. Terima kasih.

■1640

Izinkan saya memberi maklum balas mengenai kebajikan pegawai kontrak RTM yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Raspal Singh.

Jabatan Penerangan Malaysia telah mengambil maklum mengenai status perjawatan kakitangan secara kontrak, gaji harian ataupun *piecemeal* seramai 673 orang yang kini sedang berkhidmat bersama RTM. Selain kakitangan tetap dan *Contract of Service*, RTM dari semasa ke semasa sentiasa berusaha menambah baik perkhidmatan kakitangan *piecemeal* ini kerana mereka merupakan antara penyumbang utama yang menerbitkan kandungan di RTM.

Untuk makluman, status *piecemeal* di RTM sebenarnya adalah jelas iaitu bertujuan menampung tugas-tugas penerbitan rancangan secara *freelance* dan bukan berstatus tetap atau kontrak. Bayaran dibuat berdasarkan program yang dihasilkan.

Penambahbaikan yang dilakukan dari semasa ke semasa bagi petugas *piecemeal* adalah kenaikan gaji yang pastinya perlu mengikut tatacara kerajaan. Terkini, kertas cadangan penambahbaikan yang melibatkan kemudahan perkhidmatan caruman, tuntutan perjalanan dan bantuan khas sedang diusahakan. Penyediaan kemudahan-kemudahan tersebut masih diperhalusi di peringkat kementerian KKMM dan hasil keputusan akan diumumkan sebaiknya ia dimuktamadkan.

Izinkan saya memberi maklum balas berkaitan penyalahgunaan media sosial yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. SKMM telah menerima aduan tersebut dan perlakuan individu berkenaan telah pun diangkat untuk tindakan siasatan lanjut di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Ia masih dalam proses siasatan dan akan mengambil sedikit masa. Walau bagaimanapun, sekiranya diperlukan, pihak SKMM sedia untuk berkongsi perkembangan terkini berkenaan

dengan status siasatan bagi kes tersebut dengan pihak Yang Berhormat Senator dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, di bawah peruntukan seksyen 211 dan seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, tindakan boleh diambil terhadap pihak yang terlibat dalam pemberian kandungan berunsur lucah, sumbang, palsu, mengancam ataupun jelik yang disebarkan secara digital termasuklah melalui media sosial berdasarkan aduan yang diterima SKMM. Jika disabitkan kesalahan, individu boleh didenda tidak melebihi RM50 ribu atau dipenjarakan selama tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Terdapat jutaan aplikasi dalam talian yang dibangunkan oleh pelbagai pihak di seluruh dunia mengikut pelbagai konteks sosiobudaya. Dalam usaha kepelbagaian ini, kuasa memilih terletak di tangan pengguna. Sebarang bentuk aplikasi atau kemudahan sekiranya tidak digunakan dengan baik boleh membawa kepada keburukan atau masalah kepada masyarakat. Justeru itu, dalam membuat pilihan, adalah penting untuk masyarakat memilih apa yang baik dan apa yang buruk dan menghindari apa yang dirasakan tidak baik buat diri mereka.

Izinkan saya memberi maklum balas berkaitan sambutan Hari Malaysia tahun 2020 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew. KKMM menyambut baik cadangan Yang Berhormat agar setiap negeri diberikan peluang untuk menjadi tuan rumah kepada Hari Malaysia. Ia akan dibincangkan serta diperhalusi sewajarnya sebelum dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri.

Kementerian merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh mengenai peranan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kementerian mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada di depan ini senarai pendek yakni Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan selepas itu Kementerian Dalam Negeri. Jam sekarang menunjukkan 4.44 petang. Justeru, kita agihkan sebaik mungkin ruang masa ini. Sebelum kita mendengar huraian dari Kementerian Pertanian, saya hendak tujukan pandangan ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi tadi.

*Sudah petang ia hari;  
Sudah kembang bunga petola;  
Sudah dibentang huraian diri;  
Sudah hilang sakit kepala [Ketawa] [Tepuk]*

Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan.

#### **4.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan ucapan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pemilihan Tuan Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua Dewan yang tertinggi ini.

Mewakili MAFI yang diamanahkan untuk menjamin bekalan makanan negara supaya sentiasa mencukupi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada seramai 17 orang Ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara berkaitan kementerian ini sepanjang sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada isu padi dan beras yang menjadi perbahasan hangat ya sebagai makanan ruji negara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob, Yang Berhormat Senator Datuk Razali, Yang Berhormat Senator Datuk Paul, Yang Berhormat Senator Dato' Zaidi, Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi, Yang Berhormat Senator Datuk Wira Othman Aziz, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat dan Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahya.

Pertama, mereka telah membangkitkan tentang isu-isu monopoli BERNAS; kedua, cadangan untuk mengembalikan Lembaga Padi Negara; ketiga, cadangan untuk menukarkan sawah yang bersaiz kecil kepada tanaman lain; keempat, penyatuan tanah sawah; kelima, usaha *soil profiling* bagi kawasan tanaman padi; keenam, benih padi varieti baharu dan pengedaran benih padi sah; ketujuh, usaha kerajaan untuk perkasakan pertubuhan peladang kawasan dan koperasi pertanian; kelapan, sekatan eksport beras daripada negara pengeluar seperti Kemboja, Thailand dan juga Vietnam; kesembilan, cadangan menggunakan burung botak sebagai agen kawalan biologi siput gondong; dan kesepuluh, permohonan mewujudkan pusat benih padi di Arau.

Pertama untuk monopoli beras dan mengembalikan Lembaga Padi Negara. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris yang telah membangkitkan isu

monopoli BERNAS dan juga Yang Berhormat Dr. Yaakob yang mencadangkan supaya Lembaga Padi Negara dikembalikan, suka saya memaklumkan bahawa Lembaga Padi Negara telah ditubuhkan pada tahun 1971. Dalam tempoh 24 tahun, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM1.2 bilion dalam bentuk geran yang diberikan kepada Lembaga Padi Negara bagi tujuan kos operasi.

Mengambil kira bebanan kewangan kerajaan serta memastikan pengurusan yang lebih efisien, LPN telah dikorporatkan kepada BERNAS di bawah Dasar Penswastaan Negara. Seterusnya pada tahun 1996, BERNAS telah diswastakan sepenuhnya dan meneruskan dasar pengimport tunggal bagi menjamin keselamatan makanan negara. Mewujudkan semula LPN akan memberikan implikasi kos yang besar kepada kerajaan.

Seterusnya berhubung isu monopoli BERNAS. Dasar pengimport tunggal diperkenalkan pada tahun 1973 untuk menjamin keselamatan makanan negara. Sebelum itu, pengimportan beras dilakukan oleh beberapa pengimport dan disebabkan krisis harga beras tahun 1973, pengimport-pengimport tersebut enggan membawa masuk beras ke negara kerana dikhuatirkan kerugian. Disebabkan tindakan ini, Malaysia ketika itu menghadapi krisis bekalan beras yang amat kritikal sekali.

Tujuan dasar ini adalah semata-mata untuk memastikan dua perkara utama iaitu memastikan supaya bekalan beras kepada negara yang berterusan dan kawalan kemasukan beras import oleh kerajaan bagi melindungi industri padi dan beras tempatan. Ini dibuktikan dengan sejak kita laksanakan, negara tidak pernah menghadapi krisis bekalan beras dan harga beras sehingga sekarang walaupun kita menempuh krisis mata wang tahun 1998, krisis makanan dunia tahun 2008 dan juga tahun ini krisis disebabkan oleh COVID-19. Pada tahun ini juga, harga beras pasaran dunia telah melonjak dengan cukup tinggi sekali tetapi kerajaan telah berjaya memastikan harga beras dalam negara kekal stabil dan bekalan beras juga mencukupi setiap masa.

#### ■1650

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selalunya beras-beras import ini pada harga sejumlah USD300 satu tan. Semasa kita menghadapi COVID-19, harga dinaikkan sehingga USD500 satu tan.

Akan tetapi harga beras yang kita jual kepada pasaran tetap diapungkan pada tahap yang sama juga. Walaupun BERNAS adalah sebagai pengimport tunggal, kerajaan mempunyai kuasa menentukan jumlah kemasukan beras import. BERNAS tidak boleh mengimport lebih daripada keperluan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *short fall in domestic rice production* demi menjaga industri tempatan. BERNAS juga wajib mengimport di waktu kekurangan beras tempatan, walaupun akan mengalami kerugian bagi memastikan supaya bekalan kita berterusan.

Pada masa yang sama, tiada unsur monopoli di peringkat pemasaran dalam negara, di mana syarikat pemborong diberikan peluang untuk terlibat dalam pengedaran dan pemasaran beras import. Pada masa ini, terdapat sebanyak 1,553 pemborong aktif yang berdaftar dengan kementerian dan terlibat dalam pemasaran beras import. Berhubung penglibatan kilang bumiputera dalam industri tinggi ketika zaman Lembaga Padi dan Beras Negara...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. Bab mana?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Bab monopoli tadi.

Kalau kita lihat BERNAS telah memonopoli permit import beras, sedangkan sebahagiannya bukan BERNAS yang import tetapi pengimport-pengimport dapat kebenaran BERNAS dan BERNAS ambil keuntungan dari situ. Saya mencadangkan ada agensi besar seperti NAFAS sebab NAFAS ada kilang baja sendiri, ada petani sendiri, ada benih padi sendiri. Kenapa tidak diberi peluang kepada NAFAS juga untuk syer kek mengimport? Tidak dimonopoli oleh BERNAS.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dah sebutkan tadi bahawa- bekalan beras negara terjamin. BERNAS dalam masa yang sama mempunyai banyak obligasi yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi memastikan walaupun harga beras dalam dunia meningkat tinggi tetapi harga jualan tetap sama.

Jadi, itulah obligasi yang patut kita hargai dan bukan kita tidak memberi peluang kepada yang lain. Bahkan, seperti yang saya sebut tadi, beberapa pengimport yang lain turut dibenarkan untuk mengimport beras daripada luar negara. Seterusnya, berhubung penglibatan kilang bumiputera dalam industri lebih tinggi...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** ...Ketika zaman Lembaga Padi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Aspek apa Yang Berhormat?

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** Berkenaan dengan *food security*, berkaitan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang asas apabila daripada LPN ditubuhkan BERNAS, salah satunya ialah untuk mengurangkan kos operasi kerajaan yang melibatkan RM1.2 bilion, kalau ikut maklumat yang diberikan.

Persoalannya ialah kita bukan soal- saya bangkitkan perkara ini dalam perbahasan saya ialah berkenaan dengan soal *food security*, dengan izin, kerana bukan kita hanya mementingkan soal berkenaan dengan bekalan cukup atau tidak. Akan tetapi diandaikan negeri-negeri ataupun negara yang kita import tadi mengalami masalah ataupun mengalami

malapetaka COVID-19 misal kata, maka di manakah bekalan beras ataupun makanan asasi ini dapat dibuat?

Maksud saya ialah supaya pihak kementerian menjadikan supaya bekalan makanan asasi kita ini menepati ataupun mencukupi dan kita tidak perlu bergantung dengan negara luar kerana ini ialah merupakan makanan asasi. Itu yang paling penting kepada kita. Bukan sahaja soal aliran wang kita keluar ke negara, aliran wang kita pergi ke negara lain sebab kita import barang tetapi yang pentingnya ialah soal keselamatan makanan sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, saya ingin mengetengahkan *predicament* kita iaitu Yang Berhormat Menteri harus menamatkan jawapannya 20 minit sebelum jam 5.30 petang, memandangkan ada giliran Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Justeru, saya membawa kepada pemerhatian kita di bawah Peraturan Mesyuarat 36. Kita tidak boleh sewenang-wenang membuat celahan sekiranya ia tidak menepati syarat-syarat itu.

Akan tetapi setakat ini saya telah memberikan peluang dan didapati kerelevanannya itu ada. Oleh yang demikian, saya beri kepada Yang Berhormat Menteri untuk menimbang, mahu atau tidak menjawabnya ataupun meneruskan sahaja jawapan sebab ia tidak ada *variants* yang banyak untuk kita pertimbangkan kecuali *food security* ataupun yang disebut sebentar tadi. Silakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan perkara ini cukup relevan sekali, ingin saya sebutkan di sini bahawa SSL kita tentang padi ialah sebanyak 70 peratus. Selebihnya, 30 peratus kita import daripada negara-negara luar. Keduanya, untuk maklumat, kita sentiasa mempunyai bekalan dan juga stok yang mencukupi untuk beberapa bulan.

Selain daripada beras yang telah dihasilkan oleh jelapang-jelapang padi dan bukan jelapang padi (AIDA), kawasan-kawasan AIDA dan bukan jelapang, sebenarnya banyak membantu. Pada ketika ini, kegunaan kita sebanyak 200,000 metrik tan sebulan. Pada ketika ini juga, kita mempunyai simpanan stok dari kilang-kilang sebanyak lebih kurang 600 ribu metrik tan.

Dalam masa yang sama juga, kita ada satu stok yang dipanggil *iron stock* sebanyak 150 ribu metrik tan dan juga bekalan-bekalan daripada jelapang-jelapang dan bukan jelapang seperti yang saya sebutkan tadi. Jadi, keadaan stok kita pada ketika ini adalah cukup meyakinkan. Sehingga Ogos 2020, terdapat sebanyak 49 buah kilang masih berada dalam senarai BERNAS dan 18 buah kilang masih terus aktif. Dalam memastikan kilang bumiputera terus relevan, kementerian telah mengambil inisiatif seperti berikut:

- (i) untuk menubuhkan jawatankuasa khas memantau aktiviti pengilang beras bumiputera;
- (ii) BERNAS akan melaksanakan program bagi membantu pengilang bumiputera untuk terlibat dalam keseluruhan rantaian industri, terutamanya di peringkat pemborong; dan
- (iii) BERNAS melaksanakan, dengan izin, *debt relief programme* bagi membantu pengilang menangani isu keberhutangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kepada perkara yang lain iaitu tentang benih varieti baru dan pengedaran benih padi sah, pusat benih di Arau dan siput gondang. Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz, sekali lagi yang bertanyakan adakah terdapat kerjasama antara MAFI dan juga universiti tempatan dalam memperkenalkan varieti padi baru?

Ingin saya maklumkan bahawa pengenalan varieti UKM RC2 dan UKM RC8 merupakan manifestasi kejayaan yang kita buat kerjasama dengan beberapa buah universiti dan dengan kerjasama penyelidikan MARDI dan UKM. Varieti ini mampu untuk memberikan peningkatan hasil sehingga 11 peratus atau kira-kira 78 tan metrik per hektar berbanding varieti biasa.

Saya juga ingin memberikan jaminan kepada Yang Berhormat Senator bahawa tidak ada isu kawalan pasaran oleh syarikat tertentu dalam pelaksanaan bekalan benih padi sah. Ini adalah kerana semua pihak yang berminat adalah terbuka untuk memohon kepada MAFI sebagai pengeluar benih padi sah tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang telah kita tetapkan.

Pada masa ini, sebanyak sembilan pengeluar benih padi sah telah dilantik oleh MAFI melalui proses saringan dan prosedur perolehan yang ketat. MAFI juga menyediakan stok penimbal benih padi yang sah bagi memastikan kemampuan stok bekalan benih yang dikehendaki oleh pesawah setiap kali musim penanam yang bermula serta ketika berlakunya sebarang keadaan yang di luar jangka seperti bencana. Langkah penyelarasan semula kuota di kalangan pembekal bagi menampung kekurangan kapasiti-kapasiti lain, pembekal juga dapat mengelak dominasi syarikat pembekal tertentu terhadap pasaran benih padi sah.

#### ■1700

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang saya ingin sebutkan di sini iaitu tentang memandangkan masa yang tidak mengizinkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Saya teruskan kepada pencerobohan nelayan asing dan juga penyamaran nelayan asing. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang

Berhormat Senator Datuk Paul Igai dan juga Yang Berhormat Senator Nuridah binti Mohd Salleh.

Suka saya maklumkan bahawa Akta Perikanan 1985 memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Perikanan untuk mengambil tindakan seperti mengenakan kompaun, menyita peralatan, menggantung atau membatalkan lesen vesel bagi mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah akta ini. Bagi mengatasi masalah pencerobohan nelayan asing, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang seperti berikut.

Pertamanya, menubuhkan jawatankuasa bertindak oleh Jemaah Menteri yang diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri, yang melibatkan pegawai daripada jabatan dan agensi pelbagai kementerian seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perikanan, Jabatan Imigresen, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Seterusnya, kita mengadakan operasi bersama di laut dengan penglibatan pelbagai agensi yang berkaitan seperti APMM, Polis Marin, Tentera Laut Diraja Malaysia dan pasukan polis gerakan udara, tentera udara dan juga Jabatan Perikanan. Selain itu, Operasi Benteng yang diselaraskan oleh Angkatan Tentera Malaysia bagi mengukuhkan kawalan sempadan negara dari kemasukan PATI bagi mengekang penularan wabak COVID-19 yang bermula 12 Mei 2020 telah membantu mengekang pencerobohan nelayan-nelayan asing ke perairan Malaysia.

Seterusnya, Jabatan Perikanan Malaysia juga sentiasa menjalankan pemeriksaan vesel secara berkala di laut serta lapangan vesel bagi memastikan tiada vesel asing serta vesel klon, yang menggunakan vesel asing masuk ke dalam industri perikanan tangkapan. Vesel-vesel tempatan mempunyai ciri-ciri penandaan khas oleh Jabatan Perikanan seperti tanda tukul penanda, tin plat dan paku penanda yang boleh membezakan di antara vesel asal dan bukan asal atau yang menyamar, ataupun klon. *Pilot test* untuk menggunakan teknologi radio, dengan izin, *radio frequency identification device* (RFID), dan *QR code* pada vesel tempatan juga sedang dijalankan.

Satu perkara yang patut saya bantah di sini iaitu tentang isu kekurangan rumah sembelihan di Kelantan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Adalah dimaklumkan bahawa di Kelantan sudah terdapat tiga buah rumah sembelih RSJ di bawah pengurusan Jabatan Veterinar, iaitu di Kota Bharu, di Pasir Mas dan di Machang dengan kapasiti penyembelihan adalah 50 ekor sehari bagi setiap rumah sembelih tersebut.

Pembinaan rumah sembelih di tempat yang strategik seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator adalah lebih sesuai sekiranya dilaksanakan oleh pihak swasta sebagai

Rumah Sembelih Swasta (RSS). Di mana pihak yang berminat boleh membuat permohonan untuk membina rumah sembelih kepada pihak veterinar dan seterusnya akan dilesenkan mengikut Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan).

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah dibangkitkan berhubungan dengan isu kemelut penanaman durian di Raub dengan Kerajaan Negeri Pahang. Keduanya, pengukuhan khidmat pengembangan dan peningkatan prestasi pegawai dan ketiganya kesukaran mendapatkan benih MD2 di Kedah.

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy, adalah dimaklumkan bahawa tentang durian di Raub, adalah dimaklumkan isu ini ialah isu kerajaan negeri. Sebarang bentuk insentif dan bantuan daripada MAFI kepada mana-mana penanam durian termasuk di Raub hanya boleh dihulurkan sekiranya penanaman tersebut mengusahakan ladang durian di atas tanah yang bergeran dan berdaftar dengan Jabatan Pertanian. Kita perlu sedar bahawa durian telah menjadi satu daripada produk yang cukup kita banggakan dan hasil yang kita eksport cukup baik sekali.

Akan tetapi dalam masa yang sama, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, semua produk-produk pertanian terutamanya durian untuk di eksport mestilah mematuhi apa juga syarat yang telah ditetapkan oleh MAFI. Pertamanya mereka mesti mempunyai sijil GAP ataupun yang telah dilesenkan oleh Kementerian Pertanian. Jadi, petani-petani dikehendaki memenuhi syarat. Satu daripada syarat, penanam-penanam durian mestilah tanam di tanah yang bergeran dan milik masing-masing. Mesti sendiri dan bukannya diterokai.

Seterusnya, saya pergi kepada benih MD2 di Kedah yang dibangkitkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman untuk varieti nanas MD2 yang merupakan baka benih nanas yang mendapat permintaan tinggi pada masa kini. Namun, pengeluaran benih sedia ada masih belum mencukupi untuk memenuhi permintaan ramai. Untuk makluman Yang Berhormat, nanas MD2 ini adalah satu daripada produk pertanian yang kita eksport.

Hal ini telah menyebabkan harga pasaran benih MD2 masih pada kadar yang agak tinggi sekitar RM1.50 ke RM3 sesulur mengikut gred, dan *locality* kawasan bekalan. MAFI melalui Lembaga Perindustrian Nanas Negara berusaha untuk mengambil langkah-langkah bersesuaian bagi memastikan supaya kita dapat menyediakan bantuan kepada pekebun yang layak melalui program sedia ada bagi meningkatkan sumber bekalan benih MD2.

Untuk makluman Yang Berhormat, perolehan benih MD2 untuk bekalan di bawah LPNM adalah melalui kaedah tender yang dilantik kontrak panel dengan harga purata pada kadar RM1.30 sesulur. Peserta-peserta yang menerima kelulusan di bawah program LPNM akan menerima bantuan benih ini secara percuma. Walau bagaimanapun, bagi harga benih MD2 yang di luar program LPNM ditentukan oleh kuasa pasaran.

Saya menghormati masa Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja untuk penggulungan saya. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan penggulungan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah:** Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah banyak membangkitkan perkara. Mana-mana yang saya tidak dapat menjawab *insya-Allah* saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan.

Sekarang, kita mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Kita ada masa sekitar 20 minit, dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menguruskan agihan masa beliau dengan cermat.

#### 5.09 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Izinkan saya untuk memulakan penggulungan Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan terima kasih kepada seramai 19 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2020 di Dewan yang mulia ini dari 2 hingga 9 September 2020, yang antara lain telah menyentuh sebanyak 32 perkara berkaitan portfolio KDN. Saya akan berusaha untuk menjawab dan menggulung dalam tempoh yang ditetapkan.

Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut, izinkan saya menjunjung kasih atas Titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-16 semasa Majlis Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas, tahun 2020, pada 18 Mei 2020 yang lalu.

#### ■1710

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat isu yang pertama iaitu kepenjaraan dan AADK. Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong bertanya mengenai cadangan *decriminalization* tahanan penagih bagi mengurangkan kesesakan banduan di dalam penjara Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan *decriminalization* atau penyahjenayahan kesalahan penyalahgunaan dadah telah diteliti oleh kementerian ini. Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-undang yang dipengerusikan

oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pada 21 Julai 2020 bersetuju bahawa satu dasar pengalihan penyalahgunaan dadah daripada hukuman penjara ke Program Rawatan dan Pemulihan Dadah perlu dilaksanakan.

Mesyuarat tersebut juga bersetuju supaya dasar pengalihan ini diperhalusi dalam akta baharu yang dikenali sebagai Akta Penyalahgunaan Dadah dan *substance* bagi menggantikan Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983. Cadangan akta ini sedang dirangka dan akan dimuktamadkan untuk diangkat bagi persetujuan Jemaah Menteri. Cadangan ini mempunyai kaitan dengan statistik banduan sabitan di bawah seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang berjumlah sebanyak 4,075 orang banduan di seluruh penjara di Malaysia.

Walau bagaimanapun, tujuan utama dasar pengalihan ini adalah untuk meningkatkan akses mendapatkan rawatan dan pemulihan dadah bagi mereka yang memerlukan supaya mereka dapat kembali kepada masyarakat.

Bagi menangani masalah kesesakan atau kepadatan penghuni di dalam penjara secara khususnya, Jabatan Penjara Malaysia bukan sahaja mengambil pendekatan pembinaan penjara baharu, malah beberapa langkah proaktif turut diambil untuk menangani atau mengurangkan masalah tersebut, antaranya adalah:

- (i) melaksanakan pemindahan banduan dari penjara sesak daripada penjara yang kurang sesak;
- (ii) mempergiatkan pelaksanaan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Pusat Pemulihan Pemasarakatan yang mana sehingga kini melibatkan seramai 5,918 orang yang telah dan sedang menjalani pemulihan di luar penjara;
- (iii) melalui pindaan Peraturan-peraturan Penjara 2000, Program Pelepasan Banduan Secara Lesen (PBSL) bagi banduan yang dihukum penjara kurang dari satu tahun akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Sejumlah dari sekitar seramai 3,000 orang banduan di mana hukumannya di bawah satu tahun layak dipertimbangkan bagi pelepasan banduan secara lesen, program ini dijangka akan dilaksanakan mulai September 2020;
- (iv) meningkatkan keberkesanan pemulihan dan latihan bagi mengurangkan kemasukan semula banduan ke penjara selepas mereka dibebaskan;
- (v) mengubahsuai penjara sedia ada bagi meningkatkan kapasiti;
- (vi) menjalinkan kerjasama dengan pihak mahkamah dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang banduan warga asing yang telah selesai menjalani hukuman; dan

- (vii) meneliti kesesuaian alternatif lain kepada hukuman pemenjaraan dan pelaksanaan program pemulihan di luar penjara yang mungkin boleh dilaksanakan di Malaysia seperti tahanan rumah, perintah *correctional* dan perintah pengawasan penjara.

Isu yang kedua mengenai hal ehwal imigresen dan pekerja asing. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat bertanya mengenai inisiatif dalam mengekang kemasukan PATI, bilangan PATI yang ditangkap, bilangan PATI yang telah dihantar pulang dan tindakan ke atas pesalah-pesalah atau sindiket yang membawa PATI ke negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah menubuhkan *Nasional Task Force* (NTF), dengan izin Tuan Yang di-Pertua yang dianggotai oleh Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi mengawal sempadan negara secara bersepadu melalui pelaksanaan Operasi Benteng yang bermula pada 1 Mei 2020. Operasi ini diadakan bertujuan untuk membendung kemasukan pendatang asing tanpa izin melalui laluan yang tidak diwartakan- laluan tikus, serta mengekang jenayah rentas sempadan. Dalam masa yang sama juga untuk mengekang penularan wabak berjangkit COVID-19.

Agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia sentiasa bekerjasama secara strategik untuk melaksanakan operasi penguatkuasaan bagi membanteras kehadiran dan keberadaan PATI di seluruh negara. Bermula 1 Januari sehingga 7 September 2020 Jabatan Imigresen Malaysia melaksanakan sebanyak 5,103 operasi dengan tangkapan sebanyak 19,190 orang PATI.

Bagi operasi bersepadu NTF pula, dari 1 Mei 2020 sehingga 6 September 2020 sebanyak 710 tangkapan terhadap tekong, sebanyak 255 tangkapan penyeludup dan seramai 4,817 orang PATI telah ditangkap melibatkan warga tempatan dan warga asing. Manakala, jumlah tahanan keseluruhan yang direkodkan terkini oleh Jabatan Imigresen Malaysia di sebanyak 14 buah depoh tahanan imigresen di seluruh negara pada 7 September 2020 adalah seramai 14,600 orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lama berhenti Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Yang di-Pertua, ambil nafas sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ambil nafas.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Dengan izin ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang yang bercakap sini ini senang sedikit.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Ya, biasa saya duduk di atas, sekarang duduk di bawah, rupanya mengah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekali atas sekali bawah.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Lebih selesa duduk di atas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lama benar takut habis masa. Sila.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** *[Ketawa]* Sukacita ditekankan bahawa agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti Jabatan Imigresen Malaysia, PDRM dan APMM turut melaksanakan Operasi Penguatkuasaan PATI dan strategi kawalan sempadan serta pintu masuk secara strategik.

Langkah kawalan ini diambil secara berterusan di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan PATI dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan bagi menangani isu keberadaan PATI secara holistik melalui Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim bertanyakan mengenai pelancong China dan India yang gagal dikesan keluar semula melalui pintu CIQ utama negara dan sejauh manakah keupayaan Imigresen Malaysia mengesan mereka dalam situasi PKPP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1 Januari hingga 3 September 2020, sejumlah 3,271 orang PATI telah ditangkap atas kesalahan tinggal melebihi tempoh permit atau pas yang dibenarkan. Daripada jumlah tersebut, seramai 40 orang daripadanya adalah warganegara China dan sejumlah lapan orang terdiri daripada warganegara India.

Mekanisme penguatkuasaan yang dilakukan oleh JIM bagi mengesan keberadaan PATI yang melakukan kesalahan tersebut adalah melalui operasi penguatkuasaan secara berterusan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan atau, dengan izin, *hotspot* warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh bertanya mengenai tindakan penguatkuasaan yang tegas bagi mengesan dan menghantar PATI yang masuk ke negara ini semasa tempoh sistem MyIMMS mengalami *downtime* di antara tahun 2016 hingga 2018.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tempoh dari tahun 2016 hingga tahun 2019 sebanyak 59,946 operasi telah dijalankan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan tangkapan seramai 191,632 orang PATI. Manakala dari 1 Januari sehingga 7 September 2020 sebanyak 5,103 operasi dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia melibatkan tangkapan seramai 19,190 orang PATI.

Selain daripada itu, Jabatan Imigresen Malaysia juga melaksanakan pengusiran melalui mana-mana pintu ke luar negara yang berhampiran dengan depot tahanan imigresen berkaitan mengenai keperluan dan kesesuaian semasa bagi mengurangkan jumlah PATI di dalam negara. Sehingga 6 September 2020, Jabatan Imigresen Malaysia merekodkan seramai 24,078 orang PATI telah diusir keluar atau kita hantar pulang ke negara asal PATI masing-masing.

#### ■1720

Strategi-strategi yang digariskan oleh Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI adalah berlunaskan bidang-bidang fokus yang dikenal pasti bersesuaian dengan peranan agensi yang terlibat dan dibangunkan bagi memberikan impak signifikan ke arah peningkatan imej penyampaian perkhidmatan awam terutamanya pasukan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang bertanya mengenai status pengeluaran dokumen IM13 dan PSS yang telah diuar-uarkan oleh kementerian yang menyelesaikan isu PATI di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan daripada penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai pendatang asing di Sabah, kerajaan telah menghentikan pengeluaran pas IM13 kepada pelarian Filipina di Sabah pada 1 Mac 2013. IM13 merupakan satu pas lawatan imigresen sedia ada berdasarkan takrifan Peraturan 11, Peraturan-peraturan Imigresen 1963.

RCI mengenai pendatang asing di Sabah mengesyorkan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Jawatankuasa Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang bertanggung jawab untuk mengkaji dan membincangkan isu berkaitan pendatang dan orang asing di Sabah. Melalui platform JKPWAS, Kementerian dalam Negeri bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah pada 6 September 2019 mencadangkan pengeluaran suatu pas baharu iaitu Pas Sementara Sabah (PSS) bagi tujuan menyeragamkan kepelbagaian dokumen di Sabah seperti pas IM13, Kad Burung-burung dan Sijil Banci. Antara lain cadangan PSS adalah untuk memudahkan pemantauan dan operasi penguatkuasaan oleh pihak berkuasa di kalangan pendatang dan orang asing di Sabah.

Walau bagaimanapun, cadangan tersebut telah dibatalkan pada 22 Januari 2020. Oleh yang demikian, sebarang cadangan baharu berhubung dengan isu dokumentasi warga asing di Sabah perlu diperhalusi secara teliti dan berhati-hati melalui JKPWAS dengan mengambil kira kepentingan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai dan Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee bertanya sama ada kerajaan bercadang mempertimbangkan untuk membuka semula pintu masuk sempadan negara berikutan

pengumuman lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Disember 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini sekatan kemasukan warga asing bagi tujuan lawatan sosial dilanjutkan sehingga penularan wabak COVID-19 diisytiharkan terkawal sepenuhnya tertakluk kepada nasihat dan syor daripada Kementerian Kesihatan.

Dengan mengambil kira situasi perkembangan semasa, penularan wabak COVID-19 berkuat kuasa 7 September 2020, kerajaan memutuskan pelaksanaan sekatan kemasukan ke Malaysia kepada semua pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang bagi 23 negara yang mencatatkan kes positif COVID-19 melebihi 150 ribu kes. Walau bagaimanapun, pengecualian boleh dipertimbangkan ke atas sekatan kemasukan bagi warganegara dari 23 buah negara ini dari kategori seperti berikut.

Pertama, diplomat yang layak di bawah perintah pengecualian dan tanggungan. Bagi diplomat atau staf kedutaan yang belum mempunyai pas atau kemasukan kali pertama, atau bermastautin di negara lain seperti pemegang passport *United Nations*, WHO dan UNDP mereka perlu mendapatkan kelulusan masuk dari Ketua Pengarah Imigresen terlebih dahulu.

Kedua, anak kapal yang menjalankan aktiviti *sign-on* atau *join ship* dan *sign-off*, *Letter of Guarantee*, Buku Pelaut perlu dikemukakan sebagai pembuktian di pintu masuk.

Ketiga, juruterbang dan krew penerbangan komersial atau *private jet*, dengan izin, yang masuk sebagai krew atau penumpang dengan syarat mengemukakan *general declaration*, dengan izin, untuk operasi penerbangan seterusnya. Krew dan pekerja profesional di dalam industri petroleum, *oil* dan gas yang telah mempunyai pas dan diberi kelulusan masuk oleh Ketua Pengarah Imigresen.

Langkah kawalan pergerakan warganegara Malaysia ke luar negara dan kemasukan warganegara asing sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sentiasa ditambah baik bagi mengimbangkan kawalan wabak COVID-19 dan pemulihan ekonomi negara. Berikutan itu, kemasukan beberapa kategori warganegara asing ke Malaysia dibenarkan secara *case-by-case*, dengan izin, tertakluk kepada pematuhan SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan sebelum ketibaan ke Malaysia.

Justeru, untuk makluman Yang Berhormat, pembukaan semula pintu masuk sempadan negara semasa atau selepas tempoh PKP adalah tertakluk kepada saranan dan nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia serta di bincang dan diputuskan di peringkat Majlis Keselamatan Negara selaku agensi peneraju kawalan sempadan negara.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat bertanya sama ada adakah kerajaan atau kementerian bercadang untuk membuka semula, dengan izin, '*free flow*' dua kilometer di sempadan Wang Kelian, Perlis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menghentikan kemudahan *'free flow'* tersebut di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Wang Kelian bermula 1 April 2015 bertujuan untuk penguatkuasaan akta dan peraturan berkaitan kawalan keluar dan masuk Malaysia.

Sejak dari itu, warganegara Malaysia yang ingin menyeberangi sempadan perlu melalui pintu masuk yang diwartakan dan perlu mempunyai pasport antarabangsa serta dokumen perjalanan yang sah seperti Pas Sempadan dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Mohan a/l Thangarasu mencadangkan supaya kerajaan melihat semula keperluan untuk pemutihan pekerja asing bagi membantu masalah kekurangan pekerjaan di sektor *3D*, dengan izin, *'dirty'*, *'difficult'* dan *'dangerous'*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang cadangan untuk program khas bagi pemutihan dan pengampunan pendatang asing tanpa izin (PATI) termasuk pelantikan mana-mana syarikat swasta selaku pelaksana program tersebut pada masa ini perlu ditimbang tara secara strategik. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk mengutamakan tenaga kerja tempatan dalam semua sektor pekerjaan termasuk sektor *3D*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada tiga minit.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Isu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong mencadangkan supaya kerajaan membuat penurunan kuasa kepada cawangan-cawangan JPN bagi urusan pengeluaran sijil warganegara dan MyKad supaya proses untuk mendapatkan MyKad dapat dipercepatkan. Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat juga turut mencadangkan supaya kerajaan menambah baik proses pendaftaran perkahwinan semasa tempoh PKP bagi pasangan warga asing.

Untuk makluman Yang Berhormat, sijil kewarganegaraan hanya diproses di JPN Putrajaya sebagai salah satu mekanisme kawalan dalam memastikan sijil kewarganegaraan dikeluarkan secara teratur.

Seterusnya, kad pengenalan warganegara Malaysia, MyKad akan dikeluarkan kepada permohonan yang telah mempunyai sijil kewarganegaraan. Permohonan MyKad boleh dibuat di pejabat JPN yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, setiap negara berdaulat mempunyai undang-undang untuk mengawal dan memelihara ketenteraman awam dan kemakmuran negara. KDN akan terus komited dan beriltizam untuk memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon teguran saya berhubung dengan kuarters di Sungai Besar dan juga Sabak Bernam kalau boleh...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Ya, ada dalam jawapan. Akan tetapi saya, dengan izin, oleh sebab masa tidak cukup saya akan berikan jawapan bertulis dan ada disiapkan jawapannya kepada Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setuju.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan KDN.

Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat dijawab pada kali ini saya akan catat untuk tindakan susulan. Saya ingin menjunjung kasih atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16. *Wassalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Maka, secara persis Yang Berhormat telah mematuhi jadualnya dan penghargaan Dewan disampaikan.

Di samping itu, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat membuat celahan ataupun pandangan, kita akan memberi isyarat-isyarat yang spesifik pada hari Isnin. Kita akan bersedia untuk mendengar penjelasan Yang Berhormat Menteri seterusnya pada hari Isnin di kementerian yang lain. Dewan ditangguhkan sehingga hari Isnin, jam 10 pagi.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]***